

**Jilid I  
Bil. 56**



**Hari Isnin  
15hb Julai, 1991**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGAN**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

**Mesyuarat Dewan Rakyat—Penambahan Hari [Ruangan 8861]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 8861]**

**USUL-USUL:**

**Rancangan Malaysia Keenam 1991–1995—Y.A.B. Perdana Menteri  
[Ruangan 8938]**

**Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 9018]**

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Projek Perumahan Terbangkalai—Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)  
[Ruangan 9018]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,  
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'  
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Isnin, 15hb Julai, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN YANG  
DI-PERTUAMESYUARAT DEWAN RAKYAT—  
PENAMBAHAN HARI

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju, di bawah Peraturan Mesyuarat 11(2), Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat supaya Mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang ditambah tiga hari lagi, iaitu pada 24hb, 25hb dan 26hb Julai, 1991 untuk memberi masa yang lebih pada Dewan Rakyat membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

## MAKANAN BERACUN

1. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kesihatan menyatakan kadar kejadian makanan beracun di negara ini. Apakah langkah jangka panjang yang akan diambil bagi mengatasinya dan setakat manakah tindakan diambil bagi mereka yang melakukan kesalahan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata kadar kejadian keracunan makanan untuk tempoh selama tiga tahun dari 1988 hingga 1990 adalah sebanyak 69 kejadian bagi tiap-tiap tahun. Umpamanya dalam tahun 1990, sebanyak 50 kejadian keracunan makanan telah dilaporkan.

Langkah-langkah jangka panjang adalah melalui dua strategi, iaitu pendidikan kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang. Kementerian Kesihatan telah dan sedang bekerjasama dengan pihak-pihak Kementerian Pendidikan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Persatuan-persatuan Pengguna serta media massa di dalam memberi makluman serta pendidikan kebersihan makanan kepada murid-murid, guru-guru sekolah, pengendali-pengendali makanan dan juga orang ramai. Kakitangan Kementerian Kesihatan juga telah memberi pendidikan kebersihan makanan kepada ibu-ibu yang datang ke Pusat-pusat Kesihatan dan klinik-klinik di seluruh negara. Dari segi penguatkuasaan tertentu seperti Akta Makanan 1985, ianya memang sentiasa dijalankan oleh Penguasa-Penguasa Tempatan dan Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun, penguatkuasaan ini akan lebih dikedatkan lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap pengusaha makanan di negara ini dimestikan mengikut peraturan akta makanan dan undang-undang lain yang berkaitan dengan kebersihan makanan.

Tindakan-tindakan seperti memberi amaran, kompaun, penutupan kedai dan dakwaan di mahkamah telah dan akan terus diambil kepada sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan S.S. Subramaniam.

*(Soalan No.2 Y.B. Tuan S.S. Subramaniam tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.

*(Soalan No.3 Y.B. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang .

*(Soalan No.4 Y.B. Lim Kit Siang tidak hadir)*

## PENCEMARAN ALAM SEKITAR

5. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) kenapakah Kerajaan tidak bersikap terbuka menerima teguran-teguran berhubung dengan isu-isu alam sekitar dan pencemaran daripada pertubuhan alam sekitar, persatuan pengguna dan seumpamanya, sedangkan asas teguran mereka adalah berdasarkan kajian ilmiah; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh persatuan-persatuan tersebut khususnya dalam menghadapi masalah berikut:
  - (i) Pembalakan yang tidak terancang di Malaysia;
  - (ii) Ancaman sisa radioaktif di Bukit Merah, Perak dan Sepang, Selangor;

(iii) Pencemaran laut di sekitar Juru, Seberang Prai;

(iv) Pencemaran asap kilang-kilang di kawasan perindustrian; dan

(v) Pembuangan sisa-sisa industri ke dalam sungai.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membaca jawapan saya, kalau dapat saya hendak minta satu ruling. Jawapan ini merangkumi lima mukasurat—nampaknya agak panjang. Sebelum saya baca, saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua membuat satu ruling sama ada perlukah saya membaca semuanya ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payahlah, hantar dengan bersurat kepada yang bertanya.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

*(Soalan No.6 Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew tidak hadir)*

## LESEN PERJUDIAN— MENGHAPUSKAN

7. **Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah beliau bercadang menghapuskan lesen-lesen judi sesudah mempelajari kebaikannya dari tindakan yang diambil oleh Kerajaan Kelantan dan sesuai pula dengan resolusi Pergerakan Pemuda UMNO yang mahu judi diharamkan. Apakah implikasi kewangan yang dihadapi oleh negara sesudah Kerajaan Kelantan tidak memberi lesen kedai judi di negeri itu.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan

mengenai aktiviti perjudian ialah Kerajaan sendiri tidak lagi terlibat secara langsung dalam mengendalikan aktiviti perjudian. Selaras dengan dasar ini, Kerajaan telah menamatkan Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan. Kerajaan juga tidak menggalakkan pertumbuhan aktiviti perjudian. Justeru itu, Kerajaan tidak meluluskan lagi lesen-lesen baru bagi semua jenis aktiviti perjudian. Sebaliknya Kerajaan hanya membenarkan syarikat swasta meneruskan operasi perjudian yang telah sedia dilesenkan.

Sungguhpun Kerajaan membenarkan syarikat swasta untuk mengendalikan aktiviti perjudian, namun Kerajaan telah mengadakan kawalan yang ketat di atas operasi aktiviti perjudian. Di antaranya, orang-orang Islam adalah dilarang daripada memasuki Kasino di Genting Highlands. Orang-orang yang berumur di bawah 21 tahun, termasuklah kanak-kanak sekolah adalah juga dilarang dari memasuki Kasino di Genting Highlands dan juga semua tempat-tempat perjudian yang lain. Di samping itu, pemegang-pemegang lesen perjudian pula adalah dikehendaki mempamerkan papantanda yang menyatakan 'Judi adalah haram di sisi agama Islam'. Tiket-tiket pertaruhan juga dikehendaki dicetak dengan kenyataan 'Judi adalah haram di sisi agama Islam'. Premis-premis perjudian pula tidak boleh diletakkan berhampiran dengan sekolah dan rumah ibadah. Kerajaan juga telah meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan mengambil tindakan yang tegas ke atas operator-operator judi bawah tanah atau lebih dikenali sebagai judi gelap.

Dengan adanya kawalan yang rapi ke atas syarikat-syarikat perjudian yang berlesen dan tindakan yang tegas ke atas operator-operator 'judi haram' ini, Kerajaan percaya Kerajaan dapat memerangi dan membendung secara lebih berkesan kegiatan judi gelap dan haram dan anasir-anasir jahat yang mengancam keselamatan negara.

Selain dari tindakan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Pusat, Kerajaan-kerajaan Negeri seperti Kelantan, Sarawak dan negeri Johor dalam jenis judi yang tertentu, iaitu mesin slot dan kebelakangan ini kenyataan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu bahawa langkah-langkah untuk membanteras perjudian juga dilaksanakan oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri.

Di samping itu pula, berikutan dengan saranan-saranan yang dibuat oleh pihak Ahli Yang Berhormat di Dewan ini, maka Kementerian Kewangan telahpun meminta pihak SERU supaya membuat penyelidikan khusus mengenai amalan perjudian dalam masyarakat Malaysia kebelakangan ini. Dengan harapan bahawa kajian tersebut akan dapat mengesan siapa yang berjudi, taraf sosio-ekonomi mereka, mengapa berjudi, implikasi berjudi dan seterusnya dengan harapan bahawa pihak Kementerian Kewangan dengan maklumat-maklumat yang lebih tepat lagi berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh SERU untuk membuat tindakan-tindakan susulan membanteras perjudian secara yang lebih tersusun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai implikasi kewangan akibat pemberhentian lesen judi di negeri Kelantan, saya ingin memaklumkan bahawa ianya tidak menjejaskan hasil negara memandangkan jumlah yang dipungut adalah kecil, iaitu kira-kira \$5 juta sahaja bagi tahun 1990. Walau bagaimanapun, dari maklumat yang diterima, kegiatan judi haram masih berterusan di mana negeri pun termasuk di Kelantan. Di samping itu, adalah juga difahamkan terdapat pula penglibatan rakyat negara ini dalam kegiatan judi yang dianjurkan oleh negara jiran.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, berapakah hasil pendapatan negara melalui perjudian? Yang kedua, oleh kerana

kesan negatif kepada masyarakat bukan sahaja kepada orang-orang Islam tetapi juga kepada orang-orang yang bukan Islam, mengapa penekanan supaya tidak berjudi hanya ditujukan kepada orang Islam?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah besar ialah lebih kurang \$370,588,000 untuk tahun 1990.

Mengenai membanteras amalan yang tidak sihat di kalangan rakyat, tumpuan kita bukanlah kepada masyarakat yang tertentu. Kita melihat masalah kegiatan judi ini bukanlah sahaja dari segi hukum hakamnya dari segi agama Islam, tetapi juga kita melihat masalah judi ini sebagai satu masalah masyarakat. Oleh yang demikian, tindakan yang sewajarnya perlu dibuat.

Pendekatan yang terperinci dengan disusuli kebelakangan ini, langkah-langkah mengkaji secara ilmiah, secara praktik untuk mendapatkan matlamat yang lebih tepat supaya masalah masyarakat ini dapat kita membanteras, bukan sahaja di kalangan masyarakat Islam bahkan juga masyarakat Malaysia keseluruhannya.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sekejap tadi agak begitu panjang tetapi saya dukacitalah kerana soalnya mudah dan jawapannya pun mudah. Pertamanya, beliau menjawab....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila tanya ya.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya hendak tanyalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanya soalan tambahan sahaja.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tetapi hendak memberi penjelasan dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan jawab.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya hendak membersihkan kekeliruan saya. Pertama, Yang Berhormat jawab perkara judi tidak bersangkutan dengan Kerajaan. Ini satu. Kerajaan terlepas, katanya.

Yang kedua, saya tanya apakah hasrat Kerajaan, apa cadangan tetapi beliau jawab secara untuk menjelaskan teknik. Kalau jawab sepatah pun, hasrat Kerajaan mahu haram cukuplah, tetapi tidak jawab. Yang ditanya tidak dijawab, yang jawabnya teknik judi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Soalan saya ialah saya hendak tanya sekali lagi. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengharamkan jenis-jenis judi ini?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan amat menginsafi tentang soal haram dan halal. Di samping itu pula, saya ingin menegaskan supaya Yang Berhormat bersama-sama maklum bahawa Kerajaan mempunyai tanggungjawab secara menyeluruh untuk masyarakat dari segi muslihatnya. Di samping itu pula, Kerajaan menerima hakikat bahawa kerana banyak kerumitan dan berbagai bentuk kerumitan tersebut maka pendekatan yang dibuat oleh Kerajaan terbukti dalam soal nilai dan amalan hidup secara Islam, kita laksanakan bidang demi bidang, peringkat demi peringkat untuk memastikan bahawa nilai, pegangan hidup dan amalan hidup secara Islam dapat kita mempertingkatkan rata-rata di kalangan masyarakat Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr V. David.

(Soalan No. 8 Y.B. Dr V. David tidak hadir)

### KESALAHAN JALAN RAYA

**9. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan seperti berikut:

- (a) bilangan kesalahan-kesalahan jalanraya yang disaman dan dibawa ke mahkamah sejak 1987, 1988, 1989 dan 1990;
- (b) berapakah hasil yang didapati bagi tiap-tiap tahun tersebut;
- (c) adakah Kementerian bercadang supaya pasukan 'Bomba Khas' ditubuhkan untuk mencegah kemalangan dan menolong pesakit dari kematian;
- (d) apakah langkah-langkah yang diambil bagi kenderaan-kenderaan yang membawa barangan melebihi muatan; dan
- (e) adakah perkhidmatan Polis dan JPJ mencukupi buat masa ini dan apakah rancangan-rancangan untuk membaikinya lagi.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kesalahan-kesalahan jalanraya yang telah disaman dan diambil tindakan oleh Polis Di-Raja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Disaman	Didakwa di Mahkamah
1987	541,751	291,545
1988	720,847	280,170
1989	795,960	388,321
1990	943,212	447,081

- (b) Keseluruhan hasil yang diperolehi melalui kompaun dan denda mahkamah bagi kesalahan-kesalahan jalanraya tersebut sejak 1987 sehingga 1990 adalah berjumlah \$152,374,091. Pecahan perolehan hasil bagi tiap-tiap tahun tersebut adalah seperti berikut:

1987	—	\$24,453,874
1988	—	\$38,721,597
1989	—	\$41,954,746
1990	—	\$47,243,874

- (c) Kementerian belum bercadang untuk menubuhkan pasukan 'Bomba Khas' untuk mencegah kemalangan dan menolong pesakit dari kematian. Di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Jabatan Perkhidmatan Bomba telah dipertanggungjawabkan untuk memberi segala bantuan dan pertolongan apabila harta dan nyawa terancam. Sehubungan dengan ini, apabila berlaku kemalangan jalanraya, anggota-anggota bomba akan menjalankan tugas-tugas menyelamatkan memandangkan Jabatan tersebut mempunyai kelengkapan peralatan dan pegawai-pegawai yang terlatih.

Oleh yang demikian Jabatan Bomba yang beroperasi 24 jam di seluruh negara adalah lebih sesuai menjalankan operasi menyelamatkan tersebut.

- (d) Kenderaan membawa barangan yang diperiksa dan ditimbang di pejabat-pejabat JPJ jika didapati membawa lebih muatan yang dibenarkan akan diambil tindakan saman ataupun dihadapkan ke mahkamah. Pemandu dan pengusaha lori boleh dikenakan denda tidak melebihi \$5,000 jika sabit dengan kesalahan tersebut ataupun sehingga \$300 sekiranya dikompaun. Bagi

mempertingkatkan lagi penguatkuasaan ke atas kesalahan tersebut Kerajaan akan membina lebih banyak lagi stesen-stesen timbang. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, telah dirancangan sejumlah 43 stesen-stesen timbang di seluruh negara dan pada penghujung tahun ini 13 stesen ini akan disiapkan.

- (e) Perkhidmatan Polis dan JPJ sentiasa dikaji dari masa ke semasa khususnya dari segi masalah perjawatan, hal ehwal perkhidmatan dan peralatan/alat kelengkapan. Bagi Jabatan Pengangkutan Jalan, Kerajaan telahpun bersetuju meluluskan sebanyak 836 jawatan yang mana urusan pengisiannya akan dibuat secara berperingkat-peringkat. Pertambahan jawatan tersebut adalah selaras dengan perkembangan dan pertambahan pengangkutan darat yang menggunakan jalan raya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masalah kesalahan dan kemalangan jalan raya tidak banyak berubah, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengubah undang-undang yang sedia ada di mana didapati kenderaan yang besar melanggar kenderaan yang kecil, dikira kenderaan yang besar yang salah. Umpamanya, kalau lori langgar kereta, lori yang salah. Kalau kereta langgar basikal atau motosikal, kereta yang salah tanpa apa-apa alasan lagi supaya kenderaan yang berat ini dipertanggungjawabkan lebih berhati-hati.

Soalan yang kedua, ini masalah khusus mengenai dengan kemalangan yang berpunca daripada penunggang-penunggang motosikal di mana kita dapati terlalu ramai anak-anak muda sekarang ini berlumba motosikal di

waktu tengah malam di kawasan perumahan, di jalan-jalan raya yang menyebabkan banyak kemalangan berlaku. Jadi, apakah tindakan khusus untuk memerangi sikap budaya anak-anak muda sekarang ini yang suka berlumba motosikal di waktu malam yang boleh membahayakan masyarakat, dalam apa jua bentuk kita lihat sekarang ini memang ianya benar-benar mengganggu.

**Dato' Seri Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan yang pertama iaitu mengubah undang-undang yang sedia ada untuk menyalahkan kenderaan yang lebih besar apabila kejadian atau kemalangan berlaku, saya percaya ini pada prinsipnya tidak begitu adillah. Oleh kerana kadang-kadang bukan kesalahan orang atau pemandu kenderaan-kenderaan berat yang salah. Ada kemungkinan kanak-kanak atau motosikal kejar di hadapan kenderaan berat itu. Jikalau kita pada prinsipnya menyalahkan pemandu-pemandu kenderaan berat, ada sistem-sistem yang mengurangkan points atau mata daripada pemandu-pemandu dan jikalau pemandu dapat points yang tinggi, lesennya dibatalkan dan tidak dapat mencari makan, saya percaya akibat itu tidak begitu adil.

Yang kedua, mengenai motosikal atau penunggang-penunggang muda yang sentiasa berlumba-lumba dengan motosikal, Kerajaan melalui pihak penguatkuasaan JPJ dan Polis telah mengambil berat di atas perkara ini dan mereka sentiasa mengadakan rancangan mengejut untuk menangkap pemuda-pemudi seperti ini. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengadakan rancangan untuk menyediakan tapak-tapak tanah yang lapang seperti di Batu 3 untuk kegunaan pemuda-pemudi pada hari Sabtu atau hari Ahad untuk membolehkan mereka mengadakan perlumbaan di situ secara teratur.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita tahu pada tahun 1964 hingga 1968 negeri Jepun, Perancis dan Itali mempunyai purata yang tertinggi sekali kemalangan jalan raya. Tetapi di negeri Jepun tindakan yang khusus diambil untuk mengajar asas keselamatan jalan raya kepada budak-budak sekolah dan guru-guru yang bakal mengajar di sekolah. Apakah tindakan yang sama mungkin diambil oleh Kerajaan di negara ini untuk membanteras kemalangan jalan raya yang begitu banyak bahkan lebih banyak lagi daripada mati di dalam peperangan?

**Dato' Seri Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ada rancangan untuk mengurangkan kadar kemalangan di atas jalan-jalan raya di Malaysia. Seperti kita semua sedia maklum, 96% sebab-sebab kejadian kemalangan berlaku adalah atas sebab kesalahan kemanusiaan (human error). Ini menyebabkan 96% kemalangan yang berlaku. Oleh kerana itu human error atau kesalahan kemanusiaan ini adalah satu sebab yang Kerajaan akan menumpukan perhatian ke atasnya.

Untuk mengelakkan daripada berlakunya kemalangan ada tiga langkah yang sentiasa di ambil iaitu 3E, iaitu Engineering (Kejuruteraan) di mana jalan-jalan raya yang merbahaya dari segi kejuruteraan diperbaiki atau diluruskan dan ini sedang dijalankan di banyak tempat di seluruh negara. Selain daripada itu ada Enforcement (Penguatkuasaan) dan ini seperti yang saya telah maklumkan tadi, langkah-langkah sentiasa diambil. Apa yang mustahak sekali adalah Education (Pelajaran).

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memperuntukkan wang sebanyak \$20 juta setahun untuk menubuhkan satu unit keselamatan jalan raya di Kementerian Pengangkutan.

Sebahagian daripada ini telah di-utuskan kepada pelajaran untuk pemandu-pemandu motosikal atau kenderaan berat atau motokar-motokar salun dan sekarang ini sedang dijalankan pengiklanan melalui radio, melalui televisyen, melalui media cetak. Selain daripada itu, sekolah-sekolah juga telah menubuhkan Traffic Club untuk mengajar pemuda-pemudi kita mengenai traffic laws atau undang-undang trafik. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Keselamatan Jalan Raya telah ditubuhkan di berbagai peringkat sama ada di peringkat negeri atau di peringkat daerah untuk menjalankan tugas-tugas yang menuju ke arah ini.

#### ISI RUMAH MENDAPAT BEKALAN ELEKTRIK

**10. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) peratus bilangan isi rumah yang mendapat kemudahan bekalan elektrik di negara ini;
- (b) perbandingan peratus bilangan isi rumah yang mendapat bekalan elektrik di kawasan luar bandar dan bandar;
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan kos pembangunan, kos sambungan dan tarif untuk bekalan elektrik di luar bandar; dan
- (d) mengapakah Tenaga Nasional Berhad mengenakan kos pembangunan yang begitu tinggi kepada Lembaga-lembaga Pembangunan Wilayah seperti DARA untuk mendapatkan bekalan elektrik daripada Sistem Grid sedangkan kos pembangunan tidak dikenakan kepada kawasan-kawasan dalam bandar untuk mendapatkan bekalan elektrik dari Sistem Grid.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sebanyak 83.3% isi rumah di negara ini telah mendapat kemudahan bekalan elektrik;
- (b) Peratus bilangan isi rumah yang mendapat bekalan elektrik di kawasan luar bandar ialah 74% sementara di kawasan bandar ialah 95%.
- (c) Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan rakyat luar bandar termasuk dari segi bekalan elektrik. Walaupun kos untuk menyediakan bekalan elektrik kepada kawasan luar bandar adalah lebih tinggi, namun Kerajaan telah menetapkan kos mendapatkan bekalan elektrik dan tarif sama seperti yang dinikmati oleh penduduk bandar. Dengan secara tidak langsung Kerajaan memang dan telahpun mengurangkan kos pembekalan elektrik ke kawasan luar bandar. Di dalam keadaan kenaikan harga barang, kadar tarif untuk penduduk luar bandar yang kekal pada tahap tahun 1980 menunjukkan bahawa kos sebenar telah menurun.
- (d) Caj pembangunan bagi semua pengguna sama ada di kawasan-kawasan dalam bandar atau luar bandar telah diseragamkan semenjak tahun 1988 lagi. Kadarnya ialah \$80/kva. Bayaran penyambungan juga telah diseragamkan pada kadar 50% daripada kos keseluruhan projek. Kadar bagi pengguna perdagangan ialah 20% dan pengguna perindustrian pula 10% daripada kos keseluruhan projek. Ini menunjukkan bahawa bayaran penyambungan yang dikenakan ke atas Lembaga

Pembangunan Wilayah adalah sama dengan yang dikenakan ke atas pengguna di kawasan dalam bandar.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tentang perkara (c), diminta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana pula dengan bekalan elektrik kepada kampung-kampung yang dibekalkan 12 jam iaitu penjanjannya ialah daripada diesel? Kita difahamkan bahawa tarif yang dikenakan sekarang ini berbeza ataupun lebih daripada yang dikenakan kepada bekalan elektrik daripada Sistem Grid. Adakah Kerajaan merancang untuk menyamakan tarif yang dikenakan kepada mereka yang mendapat bekalan elektrik 12 jam ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pembekalan elektrik yang menggunakan injin diesel, yang mana sebenarnya walaupun Kerajaan mengenakan tarif yang agak tinggi jika dibandingkan dengan kos bagi kawasan-kawasan yang mendapat bekalan elektrik 24 jam, walaupun kadarnya lebih tinggi, tetapi sebenarnya Kerajaan telahpun memberi subsidi yang agak besar kepada pembekalan untuk kawasan-kawasan ini. Kerajaan akan cuba sedaya-upaya untuk memberikan bekalan elektrik 24 jam kepada seluruh negara dalam masa sesingkat-singkat yang mungkin.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan peratusan ini. Saya ingat peratusan ini menggambarkan keseluruhannya orang di luar bandar Malaysia tetapi peratusan di Sarawak ada kemungkinan jauh lebih kurang daripada apa yang kita pandang di sini iaitu 74%. Jadi, memandangkan kepada masalah untuk menghantarkan kuasa elektrik ke kawasan luar bandar di Sarawak, adakah Kerajaan bercadang

hendak memberi tiap-tiap rumah panjang, tiap-tiap kampung yang terpencil itu, dengan satu generator yang berasingan?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, Tenaga Nasional akan cuba sedaya upaya untuk membekalkan kesemua rumah-rumah sama ada di Semenanjung, di Sarawak ataupun di Sabah dengan bekalan elektrik. Dan setakat yang boleh kita akan cuba membekalkan enjin-enjin jika didapati bahawa kawasan-kawasan ini boleh disambungkan dengan kuasa-kuasa enjin yang boleh diselenggarakan oleh penduduk tempatan. Tetapi jika maksud Yang Berhormat tadi iaitu enjin-enjin yang dibekalkan ke rumah-rumah panjang, maka ini adalah di luar bidang kuasa Tenaga Nasional kerana tidak mungkin Tenaga Nasional dapat memberi subsidi enjin-enjin ini kepada semua rumah panjang yang ada di Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun.

*(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Fong Kui Lun tidak hadir)*

#### PERCANTUMAN KAMPUNG-KAMPUNG KECIL SECARA BERSEPADU

**12. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejauh manakah berjayanya langkah Kerajaan melaksanakan program mencantumkan kampung-kampung kecil secara bersepadu di luar bandar; dan
- (b) apakah kriteria yang digunakan semasa memilih kampung-kampung tersebut untuk dicantumkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):** Tuan Yang di-Pertua, untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tidak ada program yang melibatkan tindakan yang mencantumkan kampung-kampung kecil yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini ada menjalankan Program-program Penyusunan Semula Kampung Tradisional dan Program Pusat Pertumbuhan Desa.

Program Penyusunan Semula Kampung Tradisional melibatkan kampung-kampung yang terdedah dengan ancaman-ancaman banjir, kampung-kampung yang berselerak dan terpencil di mana penduduknya dikumpulkan dan disusun semula secara teratur bagi membentuk sebuah petempatan yang selesa didiami. Program ini akan mempercepatkan usaha Kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan memberi keselesaan hidup serta meninggikan taraf hidup penduduk luar bandar. Kemudahan-kemudahan prasarana sosial dan fizikal dapat dibekalkan dengan lebih baik dan lengkap bagi menggalakkan perkembangan serta pertumbuhan ekonomi desa.

Program Pusat Pertumbuhan Desa pula, adalah satu program baru yang akan mula dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Sesuatu Pusat Pertumbuhan Desa merupakan sebuah kampung utama dari sekelompok kampung-kampung tradisi yang telah dikenalpasti mempunyai potensi untuk maju dan akan dibangunkan sebagai pusat pertumbuhan di kawasan desa. Pusat ini akan disediakan dengan berbagai-bagai jenis kemudahan dan infrastruktur untuk bilangan penduduk sekurang-kurangnya 2,500 orang. Ianya akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti pusat pemasaran dan perniagaan, pengwujudan bengkel-bengkel dan industri, sistem perhubungan dan pengangkutan yang sempurna, kemudahan pendidikan dan pembangunan manusia serta lain-lainnya lagi.

Bagi soalan bahagian (b), kriteria yang digunakan dalam melaksanakan Program Penyusunan Semula Kampung-kampung Tradisional adalah seperti berikut:

- (1) Kampung-kampung yang terdedah dengan ancaman serta banjir, di tepi-tepi sungai, pantai dan kawasan-kawasan tanah rendah.
- (2) Kampung-kampung yang kecil berselerak dan terpencil di mana usaha-usaha Kerajaan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas adalah menyulitkan. Sementara itu kriteria-kriteria yang digunakan untuk memilih kampung-kampung untuk dijadikan pusat pertumbuhan desa adalah seperti berikut:
  - (i) Kampung yang mempunyai asas ekonomi yang kukuh seperti terdapat projek pertanian, penternakan dan perikanan serta merupakan tumpuan penduduk sebagai pusat perniagaan kecil.
  - (ii) Faktor fizikal yakni kawasannya rata dan luas sesuai untuk pembangunan.
  - (iii) Kampung yang mempunyai kemudahan asas dan awam yang disediakan agak lengkap dan berfungsi sebagai kampung induk.
  - (iv) Mempunyai bilangan penduduk yang ramai, melebihi 1,000 orang dan mempunyai penduduk terbanyak.
  - (v) Lokasi kampung yang strategik serta sistem perhubungan yang baik.

**Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehingga setakat ini atau dalam Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak manakah penyusunan kampung tradisional yang telah terlibat dan berapakah belanja yang telah dihabiskan oleh Kerajaan dan apakah berjaya atau tidak?

**Tuan Mohd. Yassin bin Kamari:** Sepanjang Rancangan Malaysia Kelima sebanyak 60 kampung tradisional telahpun terlibat di dalam penyusunan semula kampung-kampung tradisional dan ini melibatkan seramai 24,039 orang dan dari segi perbelanjaan ataupun peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan telahpun memperuntukkan sebanyak \$29.6 juta dalam PSKT ini.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program ini amat berjaya.

#### **KECURIAN BALAK—KERUGIAN**

**13. Tuan Haji Wan Mohd. Jamin bin Wan Mahmood** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauhmana berleluasanya kejadian mencuri balak di seluruh negara dan apakah sebab-sebabnya maka ia tidak dapat dihalang. Sebutkan kerugian dialami oleh negeri-negeri sehingga ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor)** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes kecurian balak yang dikesan di Semenanjung Malaysia dalam tempoh dari tahun 1988 sehingga bulan Jun 1991 adalah sebanyak 733 kes iaitu 202 kes di Kelantan, 195 kes di Pahang, 127 kes di Johor, 94 kes di Terengganu, 67 kes di Perak, 50 kes di Negri Sembilan, 20 kes di Selangor dan 6 kes di Kedah. Di negeri Sabah pula, jumlah kes yang dikesan dari tahun 1988 hingga bulan Mac 1991 ialah sebanyak 145 kes.

Saya difahamkan pada keseluruhannya negeri Sarawak tidak menghadapi masalah besar kecurian balak. Kes-kes yang dilaporkan hanya tertumpu kepada pencurian balak oleh seseorang pemegang lesen di kawasan pemegang lesen yang lain, lazimnya diselesaikan melalui timbangtara oleh Jabatan Perhutanan Negeri, tanpa melibatkan kerugian kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Di antara sebab-sebab mengapa kejadian kecurian balak tidak dapat dihalang ialah:

- (1) luas dan bertebarannya kawasan hutan yang perlu dikawal.
- (2) pembangunan dan pembukaan kawasan di persekitaran setengah kawasan hutan yang menyebabkan mudah dimasuki dan dicerobohi.
- (3) kawasan yang dilesenkan untuk pembalakan di Hutan Simpan Kekal melebihi catuan tebaran tahunan yang telah ditetapkan.
- (4) pengeluaran lesen di sesebuah kawasan Hutan Tanah Kerajaan walaupun kurang mengandungi balak, ini sering menyebabkan pemegang lesen mencero bohi di luar kawasan lesen.
- (5) terdapatnya kawasan-kawasan lesen membalak bertaburan dan berjauhan di antara satu lesen dengan lesen yang lain, yang menyukarkan pengawasan, terutama di negeri-negeri yang besar dan yang kekurangan infrastruktur.
- (6) wujudnya sikap dan kelakuan tidak amanah di kalangan pengusaha dan kontraktor pembalakan, orang-orang awam yang menganggotai sindiket pembalakan haram dan penerokaan tanah haram, serta segelintir pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan sendiri.
- (7) kecanggihan taktik dan peralatan yang digunakan oleh sindiket-sindiket mencuri balak.
- (8) kurang berkesanannya langkah penguatkuasaan dan kawalan oleh Jabatan Perhutanan Negeri-negeri.
- (9) kekurangan kelengkapan seperti telefon, kenderaan dan helikopter serta juga kakitangan yang dialami oleh Jabatan Perhutanan Negeri-negeri dalam tugas membuat rondaan dan kawalan, mengawasi kegiatan-kegiatan pembalakan di kawasan-kawasan yang dilesenkan dan melaksanakan kegiatan pembangunan serta pemeliharaan hutan.

Jumlah kerugian langsung yang dialami oleh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia akibat kejadian kecurian balak dalam tempoh dari tahun 1988 hingga bulan Jun 1991 adalah ditaksirkan tidak kurang dari \$8 juta, manakala kerugian di pihak Negeri Sabah dari tahun 1988 hingga bulan Mac 1991 pula dianggarkan lebih kurang \$2 juta. Angka-angka kerugian ini meliputi taksiran nilai balak yang dicuri dan royalti yang sepatutnya dikutip oleh Kerajaan Negeri. Jumlah kerugian kepada negara adalah lebih besar sekiranya unsur-unsur tidak langsung dan ketara, seperti kerosakan kawasan-kawasan hutan yang dicerobohi, kos pemulihan kawasan-kawasan tersebut serta pencemaran air dan alam sekitar diambil kira sepenuhnya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di negeri Thai siapa yang mencuri balak maka dendanya dihukum gantung. Soalan pertama, apakah Kerajaan kita tidak bercadang untuk meminda undang-undang supaya dikenakan hukuman yang lebih berat?

Soalan kedua, denda kepada pencuri balak hanyalah \$10,000 sedangkan untuk mendapatkan lesen balak ia terlalu sukar, oleh itu para pembalak lebih gemar mencuri sebab mereka didenda \$10,000 sahaja. Oleh itu curi lebih baik, sebab kalau didenda, mereka telah membuat keuntungan beratus ribu ringgit atau berjuta ringgit. Apakah ini yang menyebabkan kecurian balak berleluasa?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, denda yang sedang dikaji oleh Kementerian saya pada hari ini ialah untuk mengemaskini lagi seperti apa yang Ahli Yang Berhormat ketahui, dan sebuah Jawatankuasa khusus telahpun dibentuk dan insya Allah kita akan cuba menyelaraskan semua denda yang akan dibuat di seluruh negara dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tentang denda \$10,000 tadi memang benar dari segi denda tetapi ada satu lagi denda yang kita namakan "Gantirugi". Di samping denda \$10,000, dikenakan juga gantirugi di atas kayu yang dicuri, misalnya sehingga ini kita telah dapat memungut gantirugi ini sebanyak \$14,345,524.25, termasuk Pahang \$5.1 juta, Kelantan \$3.6 juta, Terengganu \$1.3 juta, Selangor \$1.4 juta, Johor \$1.04 juta, Negri Sembilan \$916,000, Perak \$725,000, Kedah \$85,000 dan Sabah \$4.1 juta. Jadi, pendek kata denda rendah, tetapi gantirugi itu tinggi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang diberi bahawa kecurian balak ini dikesan sejak tahun 1988 sebagaimana soalan yang ditanya dan masalah balak ini heboh sesudah terdedahnya kecurian balak di Hulu Kelang baru-baru ini.

Kenapakah sebelum ini Kerajaan tidak mengambil tindakan tegas sehingga seperti yang terdedah di Hulu Kelang baru-baru ini. Soalan saya, apakah sebelum ini tidak ada laporan kerana setahu saya sebelum yang berlaku

di Hulu Kelang baru-baru ini sudahpun banyak kali perkara kecurian balak ini dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini dan dilaporkan kepada pihak yang berkenaan.

Soalan yang kedua, orang yang mencuri balak ini memang orang yang canggih, maka hukumannya mestilah canggih seperti di Thailand tadi disebutkan "hukuman gantung mandatori". Setahu saya di Thailand bukan mandatori "hukum gantung" tetapi mandatori "20 tahun/seumur hidup penjara", saya tahu sedikit bab Thailand. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah Kementerian bercadang untuk mendapat pandangan daripada orang ramai sebelum menggubal ataupun meminda Akta Perhutanan supaya pandangan-pandangan yang sekarang ini cukup banyak daripada berbagai pertubuhan supaya kita mencari jalan menetapkan suatu hukuman yang maksimum mungkin sejajar dengan negara-negara lain, sekurang-kurangnya dari segi mandatori ataupun penjara 20 tahun penjara seumur hidup ataupun seumpamanya dengan secepat mungkin?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan bahawa perangkaan bagi tahun 1988, kita dapat 733 kes di Semenanjung. Ini bermakna bahawa laporan itu bukan lahir semenjak kecurian di Hulu Kelang, tetapi lebih awal lagi, sebab itulah kita dapat memungut gantirugi \$14.3 juta sepertimana yang saya sebutkan tadi. Tetapi selepas sahaja pendedahan dibuat di Hutan Simpan Ampang, Hulu Kelang, maka tumpuan yang lebih serius telah diberikan oleh Jabatan Perhutanan kerana kita mempunyai bukti-bukti yang jelas.

Tentang pandangan orang ramai, itu memanglah Kementerian saya mengalu-alukan dan jika ada mana-mana pihak yang ingin sama-sama memberi pandangan, silalah hantar

pandangan-pandangan itu kepada Kementerian mulai sekarang, kerana kita jangka dalam masa enam bulan kita akan cuba menyiapkan cadangan-cadangan kepada pihak Jawatankuasa Perhutanan Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lau Dak Kee.

*(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Lau Dak Kee tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan G. Palanivel.

*(Soalan No. 15 Y.B. Tuan G. Palanivel tidak hadir)*

#### WAKIL RAKYAT MERASMI KEGIATAN SEKOLAH

**16. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak** minta Menteri Pendidikan menyatakan benarkah pihak Kementerian telah mengarah Pengarah-pengarah Pendidikan Negeri supaya mengeluarkan arahan kepada Pengetua-pengetua dan Guru-guru Besar sekolah supaya:

- (a) tidak memberi peluang kepada wakil-wakil rakyat dari parti-parti pembangkang merasmi apa juga kegiatan sekolah atau memberi ucapan di sekolah; dan
- (b) tidak memohon apa-apa bantuan atau peruntukan dari wakil-wakil rakyat parti-parti pembangkang.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak mengeluarkan sebarang arahan kepada Pengarah-pengarah Pendidikan Negeri supaya menghalang Pengetua-pengetua dan Guru-guru Besar daripada menjemput wakil-wakil rakyat dari mana-mana parti politik untuk merasmi dan memberi ucapan di upacara-upacara sekolah ataupun untuk memohon bantuan atau peruntukan dari mereka.

Walau bagaimanapun, seperti lazimnya, pihak sekolah terlebih dahulu perlu mengemukakan permohonan apa-apa cadangan undangan ke upacara-upacara rasmi sekolah kepada JPN dan Kementerian Pendidikan.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri, tiada apa-apa arahan khusus diberikan setakat ini. Kalau tiada arahan, mengapa berlaku, sekarang ini khususnya di negeri Kelantan di mana wakil-wakil rakyat Parlimen dari Pembangkang tidak langsung dijemput ke sekolah, sedangkan Menteri-menteri dan pihak-pihak wakil rakyat daripada pihak Kerajaan dijemput.

Keduanya, kalau tiada arahan, mengapa pihak Guru Besar di beberapa buah sekolah secara tegas memberitahu bahawa ini adalah arahan daripada pihak atasan iaitu Kementerian Pendidikan.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan tadi, memang benar tidak ada arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Jemputan kepada sesiapa pun adalah terpulang kepada pihak sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Tujuan Kementerian Pendidikan ialah supaya semua jemputan itu dapat diselaraskan dengan Kementerian Pendidikan supaya wakil-wakil rakyat tertentu jangan ada yang bercanggah, misalnya, ada wakil rakyat yang dijemput pada dua upacara yang sama dan pada masa yang sama.

**Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, kelmarin saya berada di Kelantan di kawasan Tumpat. Saya telah didatangi oleh salah seorang ahli Jawatankuasa Sekolah Menengah Cabang Tiga, Peringat di mana ahli Jawatankuasa itu menanyakan kepada Pengerusi Sekolah itu kenapakah Yang Berhormat Kawasan Tumpat tidak dijemput pada hari ini.

Biasanya pada setiap tahun kita menjemput Yang Berhormat-Yang Berhormat. Kata Pengerusi itu, dia mendapat arahan daripada pihak Kota Bharu, iaitu Jabatan Pendidikan bahawasanya tidak membenarkan Ahli-ahli dari parti Pembangkang untuk menghadiri dalam mana-mana upacara rasmi yang diadakan di sekolah. Terima kasih.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah terangkan, memang tidak ada arahan. Kalau ada kes-kes yang tertentu memang Kementerian Pendidikan boleh siasat.

### MARDI—TEKNOLOGI PERTANIAN MODEN

17. **Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyakkah teknologi pertanian moden dan teknologi yang berkaitan dengan industri berasaskan pertanian yang telah ditemui oleh MARDI sejak institut penyelidikan itu diwujudkan. Senaraikan di antara teknologi-teknologi itu yang telah diturunkan untuk kegunaan sektor pekebun kecil dan sektor industri berasaskan pertanian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, sejak mula beroperasi pada tahun 1971 MARDI telah menghasilkan sejumlah 217 teknologi-teknologi pertanian moden dan teknologi yang berkaitan dengan industri berasaskan pertanian.

Dari jumlah ini, 173 didapati sesuai dan dimanfaatkan oleh pekebun-pekebun kecil. Antaranya ialah:

- (i) baka-baka tanaman dan ternakan yang bermutu dan berpotensi tinggi, umpamanya, 22 varieti baru padi, 15 klon koko, betik eksotika Malaysia, sayur-sayuran bernilai tinggi sesuai untuk tanaman di tanah

pamah dan tanah tinggi seperti cili, tomato, kobis, kobis bunga.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah untuk menyebut 217 jenis itu? (*Ketawa*)

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut yang ringkas sahaja. Senarai yang panjang itu saya pohon untuk disampaikan jawapannya secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, jangan panjang sangat. Ringkaskan sahaja.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:**

- (ii) teknologi kejuruteraan Ladang, MALTRAK, iaitu jentera pengangkutan di tanah gambut, PADITRAK, jentera serba-guna dalam penanaman padi. SHIBURA, jentera serba-guna untuk penanaman tembakau;
- (iii) teknologi pembiakan ternakan melalui pemindahan embrio bebiri dan lembu yang boleh mempercepatkan prestasi baka;
- (iv) teknologi pengurusan untuk tujuan pembangunan pertanian bagi tanah-tanah bermasalah, tanah bris, tanah bekas lombong dan tanah asid sulphat.
- (v) teknologi pengawetan tembakau bagi peningkatan mutu hasil;
- (vi) teknologi kawalan musuh secara bersepadu bagi tanaman padi, sayur-sayuran dan buah-buahan yang mampu mengurangkan penggunaan racun kimia seterusnya menjamin mutu alam sekitar; dan
- (vii) teknologi penternakan kambing/bebiri di bawah tanaman utama yang membolehkan kegunaan tanah dipesatkan.

44 teknologi industri berasaskan pertanian yang dibangunkan termasuklah:

- (i) pembangunan dan pemprosesan produk dari bahan-bahan tempatan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, koko, kelapa, daging dan ikan;
- (ii) alat dan teknologi pemprosesan makanan tradisional untuk pengeluaran di tahap komersial;
- (iii) teknologi pengendalian lepas-tuai, penyimpanan dan pengangkutan sayur-sayuran dan buah-buahan untuk tujuan eksport,

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ringkaskan itu pun nampak panjang. (*Ketawa*) Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh hantar dengan surat.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ini cukup ringkas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, saya pun faham, 217 jenis semuanya. Baiklah, cukuplah. Bolehlah hantar dengan surat. (*Ketawa*)

#### KOPERASI PENGAMBIL PENDEPOSIT—AMBILALIH

**18. Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa buah Koperasi Pendeposit telah diambilalih oleh Kewangan Usahasama Makmur Berhad (KUMB); dan
- (b) sejak tahun 1988, KUMB telah mengambilalih aset bagi Koperasi Pendeposit dan mengapakah sampai masa kini pun belum ada Mesyuarat Agung Tahunan diadakan dan juga tidak ada sebarang dividen dan faedah yang dikeluarkan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 12 buah Koperasi Pengambil Deposit (KPD) telah diambilalih oleh Syarikat Kewangan Usahasama Makmur Berhad (KUMB). Nama-nama koperasi tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Koperasi Belia Bersatu Bhd.
- (2) Koperasi ENE Bhd.
- (3) Koperasi Kewangan Perindustrian Malaysia Bhd.
- (4) Koperasi Mewah Bhd.
- (5) Koperasi Pembangunan Ekonomi Pemuda Malaysia Bhd.
- (6) Koperasi Pengusaha Teksi Wilayah Bhd.
- (7) Koperasi Sepadu Bhd.
- (8) Koperasi Serbaguna Fortise Bhd.
- (9) Koperasi Serbaguna Gunung Emas Bhd.
- (10) Koperasi Serbaguna Kosmopolitan Bhd.
- (11) Koperasi Serbaguna Leasing & Kredit (Malaysia) Bhd; dan
- (12) Syarikat Kerjasama Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil Selangor Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, sejak mengambilalih 12 Koperasi Pengambil Deposit (KPD) pada bulan Januari, 1988, KUMB belum lagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya (AGM) kerana akaun-akaunnya bagi tahun 1988—1989 baru sahaja dapat disediakan dan seterusnya diluluskan oleh Pihak Berkuasa. KUMB dijangka akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya (AGM) tidak lama lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, kedudukan kewangan KUMB pada masa ini belum membolehkannya membuat sebarang pembayaran dividen.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah membenarkan MBF Finance supaya mengambilalih KUMB dan pendeposit atau pemegang saham KUMB akan ditebuskan mengikut nilai par iaitu seringgit ke seringgit bagi syer mereka. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak bahawa wang deposit pendeposit/pemegang syer KUMB ini telah dibekukan oleh Bank Negara sejak tahun 1986 dan sehingga sekarang mereka tidak menerima sebarang faedah ke atas deposit mereka?

Soalan kedua, kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberhentikan pengambilalihan KUMB oleh MBF Finance sehingga MBF Finance Berhad bersetuju membeli syer-syer KUMB dari pendeposit atau pemegang syer dengan premium yang setimpal oleh kerana mereka belum dapat faedah atau interest, dengan izin, ke atas daripada deposit mereka sejak tahun 1986?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu Kementerian Kewangan telah meluluskan MBF Finance Berhad untuk mengambilalih Syarikat KUMB baru-baru ini. Sebelum Kementerian Kewangan membuat keputusan ini, Kementerian Kewangan telah mengambil kira semua pertimbangan supaya kepentingan-kepentingan pendeposit-pendeposit KUMB itu dijagai.

Jadi, apa yang telah diluluskan oleh Kementerian itu adalah best, dengan izin, untuk pendeposit-pendeposit KUMB dan pada akhir tahun ini, MBF Finance akan membayar balik seringgit bagi seringgit untuk pemegang-pemegang saham KUMB. Ini akan dijalankan pada akhir tahun ini. Semua masalah telahpun dipertimbangkan oleh

Kementerian Kewangan dan sebelum syarikat MBF boleh membayar balik seringgit bagi seringgit kepada pemegang-pemegang saham KUMB, haruslah syarikat KUMB mengadakan AGM dan kelulusan yang telah diberikan oleh Kementerian Kewangan haruslah diluluskan di dalam AGM ini dahulu.

### PELAJAR YANG ANTI-ESTABLISHMENT

**19. Datuk Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat sebilangan pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi sama ada dalam negeri ataupun luar negeri yang boleh dianggap sebagai anti-establishment, jika ia;

- (a) apakan tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang terlibat; dan
- (b) apakah usaha yang telah dan akan Kerajaan laksanakan bagi memastikan setiap tenaga pelajar yang diambil itu terdapat pendedahan yang secukupnya terhadap dasar-dasar Kerajaan.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi jawapan (a), pada pengetahuan saya tidak ada pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi sama ada dalam negeri ataupun luar negeri yang boleh dianggap sebagai anti-establishment. Jika Yang Berhormat Datuk mempunyai maklumat mengenai pelajar yang anti-establishment, saya sukacitalah jika dapat Yang Berhormat Datuk sampaikan maklumat tersebut kepada saya untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, setiap pelajar di bawah tajaan Kerajaan dikenakan ikatan kontrak. Di antara lain terdapat syarat-syarat yang memerlukan seorang pelajar memenuhi peraturan-peraturan yang tersebut dalam kontrak itu.

Jika seseorang pelajar didapati melanggar syarat-syarat di atas, pihak Kementerian Pendidikan/Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan menamatkan tajaan biasiswa/pinjaman yang diberikan.

Bagi menjawab bahagian (b), semua pelajar tajaan Kementerian Pendidikan/Jabatan Perkhidmatan Awam yang akan keluar negeri adalah dikehendaki mengikuti kursus orientasi. Di antara lain, kurikulum kursus orientasi tersebut merangkumi input-input mengenai dasar-dasar Kerajaan masa kini yang perlu diketahui dan difahami oleh pelajar-pelajar. Kursus ini dilaksanakan secara dua peringkat iaitu sebelum pelajar ke luar negeri dan kepada pelajar yang telah lama berada di luar negeri yang dipanggil pulang untuk mengulangi kursus tersebut semula. Jika terdapat dasar-dasar Kerajaan yang baru, ianya akan juga dimaklumkan kepada pelajar-pelajar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3, 4, 6, 8, 11, 14, 15 dan 20 hingga 51 adalah diberi di bawah ini)*

## SEKOLAH MENENGAH SENG HWA, SEGAMAT

2. **Tuan S.S. Subramaniam** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sedar penduduk-penduduk di kawasan Segamat menentang penutupan Sekolah Menengah Seng Hwa swasta pada tahun enam puluhan dan penutupan ini telah menjadi satu isu yang amat penting dalam Pilihanraya Umum pada 21hb Oktober 1991. Adakah beliau sedar lebih kurang 1,000 murid dari kawasan Segamat sedang berulang-alik setiap hari ke bandar Yong Peng, Muar dan Tangkak untuk mendapat persekolahan menengah di sekolah-sekolah swasta yang ada di bandar-bandar tersebut.

Apakah sebabnya Kerajaan tidak boleh membenarkan satu Sekolah Menengah Cina swasta di bandar Segamat untuk menyelesaikan masalah ini.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan yang mengatakan Sekolah Menengah Seng Hwa di Segamat ditutup pada tahun 1960an adalah tidak benar. Pada masa itu, sekolah ini adalah salah sebuah sekolah yang memilih untuk menerima bantuan Kerajaan dan menjadi sekolah 'comforming'. Oleh itu, Sekolah Menengah Seng Hwa adalah sekolah bantuan Kerajaan dan terus berfungsi hingga ke hari ini.

Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa adanya sebilangan murid-murid yang berulang-alik dari Segamat ke Yong Peng, Batu Pahat dan Muar untuk mendapatkan pendidikan di sekolah-sekolah menengah swasta di daerah tersebut. Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa tindakan itu adalah atas semangat dan pilihan mereka sendiri dan sikap Kerajaan yang liberal pula telah menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan yang mencukupi setanding dengan kemudahan di sekolah-sekolah Cina swasta di kawasan berhampiran.

Berhubung dengan sistem, pada hakikatnya semua sekolah di negara ini tertakluk kepada Sistem Pendidikan Kebangsaan sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961.

## ZON PELANCONGAN NUSA TIGA

3. **Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

(a) sejauh manakah cadangan mewujudkan zon pelancongan nusa tiga boleh menguntungkan negara dari segi industri pelancongan; dan

- (b) sejauh manakah cadangan mewujudkan zon pelancongan nusa tiga ini selari dengan falsafah dasar pelancongan negara.

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):**

- (a) Jika Ahli Yang Berhormat bermaksud zon pelancongan nusa tiga sebagai Pusat Pertumbuhan Tiga Segi (Growth Triangle) yang meliputi Johor-Singapura dan Batam, sepertimana yang sedang dirancang oleh ketiga-tiga negara iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia, sukacita saya menjelaskan bahawa cadangan pusat pertumbuhan tiga segi ini secara langsung kelak dapat membantu meningkatkan pembangunan industri pelancongan di Malaysia memandangkan ketiga-tiga kawasan ini iaitu Johor, Singapura dan Batam akan dimajukan sebagai satu pusat pembangunan yang akan menarik para pelabur dari seluruh dunia untuk melabur di kawasan ini. Dengan pertumbuhan yang pesat di kawasan ini ianya akan menarik lebih ramai para usahawan dan ahli-ahli perniagaan untuk melawat kawasan ini. Oleh itu, keperluan-keperluan seperti hotel, pusat-pusat peranginan (resorts), pusat-pusat rekreasi seperti padang golf, pusat-pusat membeli belah dan restoran-restoran adalah amat diperlukan untuk memenuhi keperluan para pelancong yang terdiri dari usahawan dan ahli-ahli perniagaan ini.

Di dalam hubungan ini negeri Johor mempunyai potensi yang baik sebab ia mempunyai kawasan yang lebih luas berbanding dengan Singapura

dan Batam, dan lebih menarik dari segi alam semula jadi dan punca-punca tarikan pelancongan untuk dimajukan sebagai pusat-pusat tarikan pelancongan bagi memenuhi keperluan para pelancong berkenaan.

- (b) Cadangan mewujudkan zon pelancongan berkenaan memang selari dan sesuai dengan falsafah dan objektif pembangunan pelancongan negara untuk menarik lebih ramai para pelancong mengunjungi negara ini. Dengan adanya pembangunan zon pelancongan ini, ia akan menggalakkan mereka tinggal dan berbelanja lebih banyak di Malaysia, serta memberi peluang pendapatan dan pekerjaan kepada penduduk tempatan.

**ORANG ASLI—GRADUAN UNIVERSITI**

4. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Orang Asli yang adalah (i) graduan lepasan universiti; (ii) pelajar-pelajar yang sedang menuntut di universiti tempatan ketika ini; (iii) doktor; (iv) peguam; (v) jurutera; (vi) doktor pergigian (vii) akauntan dan (viii) akitek.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):**

- (i) Sehingga kini jumlah penuntut-penuntut Orang Asli yang merupakan graduan peringkat universiti ialah 15 orang.
- (ii) Mereka yang sedang menuntut di pusat pengajian tinggi tempatan ialah 56 orang.
- (iii) Setakat ini, terdapat seorang doktor; dan

- (vi) Seorang jurutera di kalangan masyarakat Orang Asli, sementara lulusan dalam bidang-bidang lain yang dirujuk masih belum ada.

**NELAYAN PUKAT  
TUNDA—KESALAHAN  
DILAKUKAN**

**6. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian Pertanian akan menangguhkan sementara tindakan penalti terhadap nelayan pukat tunda tempatan di Sarawak.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Terdapat pelbagai jenis kesalahan yang dilakukan oleh nelayan-nelayan pukat tunda tempatan di Sarawak. Antara dua (2) jenis kesalahan yang sering kali dilakukan oleh nelayan-nelayan pukat tunda ialah:

- (a) kesalahan mengusahakan pukat tunda tanpa lesen;
- (b) kesalahan melanggar syarat-syarat lesen pukat tunda seperti mencero bohi zon-zon penangkapan tertentu di Sarawak.

Kesalahan mengusahakan pukat tunda tanpa lesen boleh dibawa ke mahkamah dan jika disabitkan kesalahan denda yang boleh dikenakan oleh mahkamah adalah tidak melebihi \$50,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 25 Akta Perikanan 1985.

Mengenai kesalahan melanggar syarat-syarat lesen pukat tunda seperti mencero bohi zon-zon penangkapan ikan tertentu, boleh dikompaun tidak kurang daripada \$500.00. Kadar-kadar kompaun adalah ditetapkan dalam buku kadar kompaun Jabatan Perikanan.

Kementerian Pertanian tidak boleh menangguh tindakan penalti terhadap nelayan-nelayan pukat tunda di

Sarawak. Ini adalah kerana penalti-penalti ini adalah diperuntukkan di dalam Akta Perikanan 1985 dan jika Kementerian menangguh sementara tindakan penalti ini khas untuk nelayan-nelayan pukat tunda tempatan di negeri Sarawak, ini bermakna Kementerian telah mengambil sikap memilih kasih dan tidak mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perikanan 1985.

**PEGAWAI PERUBATAN  
MELETAKKAN JAWATAN**

**8. Dr V. David** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bolehkah beliau memberitahu Dewan ini tentang bilangan pegawai perubatan yang telah meletak jawatan dari 1 Januari 1991 hingga 31 Januari 1991 dan sebab-sebab atas tindakan mereka;
- (b) adakah benar bahawa mereka tidak diberi pengiktirafan atas sumbangannya dan tidak juga diberi gaji yang berpatutan;
- (c) adakah benar bahawa Hospital Universiti tidak mempunyai pegawai-pegawai perubatan berpengalaman yang cukup;
- (d) jika ianya betul, apakah tindakan Kerajaan ingin ambil bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai-pegawai perubatan yang berpengalaman; dan
- (e) adakah keinginan Kerajaan melantik doktor dan jururawat yang berkelayakan tinggi dan berpengalaman dari negeri India.

**Dato' K. Kumaran:**

- (a) Seramai 30 orang Pegawai Perubatan telah meletakkan jawatan bagi tempoh 1 hingga 31 Januari 1991. Sebahagian besar Pegawai Perubatan yang meletakkan jawatan adalah atas

sebab-sebab peribadi iaitu seramai 20 orang, manakala yang lainnya pula atas sebab-sebab menerima jawatan di agensi badan-badan berkanun seramai 6 orang, bekerja di sektor awam seramai 2 orang, melanjutkan pelajaran di luar negeri seramai 1 orang mengikut suami ke luar negeri seramai 1 orang.

(b) Dakwaan yang menyatakan bahawa Pegawai Perubatan tidak diberi pengiktirafan atas sumbangannya dan tidak juga diberi gaji yang sepatutnya adalah tidak tepat. Sebaliknya kelayakan Ijazah Ilmu Perubatan mereka telah diberi nilai yang paling tinggi jika dibandingkan dengan kelayakan-kelayakan yang lain apabila memasuki perkhidmatan awam. Tambahan pula bagi mereka yang memiliki kelayakan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu telah diberi elaun dari \$1,200 sebulan hingga \$2,400 sebulan mengikut gred jawatan yang disandang oleh mereka. Ini bermakna bahawa seorang Pegawai Perubatan Pakar Tingkatan Tertinggi 'G' adalah menerima pendapatan sebanyak \$5,248 sebulan (gaji = \$2,898, Elaun Keraian \$500, Bantuan Sewa Rumah \$350 dan Elaun Pakar \$1,500), berbanding dengan rakan mereka dalam perkhidmatan lain atas gred jawatan yang sama umpamanya Jurutera, Arkitek dan Pegawai Undang-undang Tingkatan Tertinggi 'G' menerima pendapatan sebanyak \$3,748 sebulan.

(c) & (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan Yang Berhormat adalah tidak benar. Sebagai sebuah hospital untuk melatih doktor-doktor ia mempunyai pegawai-pegawai perubatan yang berkelulusan

kepakaran di pelbagai bidang perubatan yang terdiri dari Pensyarah, Profesor Madya dan Profesor dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya.

(e) Bagi mengatasi masalah kekurangan Pegawai Perubatan Pakar, Kerajaan sedang menguruskan perlantikan calon-calon bukan warganegara daripada negara India, Indonesia, Bangladesh, Pakistan dan Myanmar yang sesuai ditawarkan untuk berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan Pakar secara kontrak. Pada waktu yang sama, usaha-usaha sedang dilaksanakan bagi menguruskan pengambilan Jururawat Terlatih secara kontrak terdiri daripada calon-calon warganegara dan bukan warganegara. Sekiranya perlu, pengambilan ini akan meliputi negara India jika terdapat calon-calon daripada negara tersebut yang sesuai serta memiliki kelayakan kejururawatan yang boleh berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

#### TABUNG YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

11. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan jumlah wang yang terkumpul dalam Yayasan Kebajikan Negara serta jumlah dan bagaimanakah wang itu dibelanjakan.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):** Jumlah wang yang terkumpul dalam tabung Yayasan Kebajikan Negara pada ketika ini ialah \$22.45 juta. Wang yang dikumpul oleh Yayasan Kebajikan Negara dibelanjakan untuk memberi sumbangan bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela, institusi-institusi kebajikan dan individu-individu yang kurang

bernasib baik. Misalnya, pada tahun 1990 Yayasan Kebajikan Negara telah membelanjakan sebanyak \$2.61 juta untuk tujuan berikut:

- Bantuan perubatan kepada individu (seperti sakit jantung, buah pinggang, leukimia dan lain-lain—27 kes). \$172,462.00
- Bantuan kepada mangsa-mangsa malapetaka dan bencana alam (seperti kebakaran, angin ribut—198 keluarga). \$106,200.00
- Bantuan kepada Institusi Perubatan (Hospital Tung Shing dan Australian Cranio Maxillo Facial Foundation). \$552,601.00
- Bantuan alat-alat tiruan kepada orang-orang cacat (seperti kerusi roda, motosikal, kaki palsu, tangan palsu dan alat pendengaran—116 kes). \$335,045.00
- Bantuan kepada pertubuhan sukarela dan institusi-institusi kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. \$1,097,467.00
- Bantuan untuk mengadakan seminar atau persidangan yang ada kaitan dengan kebajikan. \$75,900.00

1. Rancangan Tebatan Banjir Sg. Pari
2. Rancangan Tebatan Banjir Sg. Pinji/ Sg. Choh
3. Rancangan Mencegah Banjir Sg. Kampar
4. Rancangan Mencegah Banjir Kg. Baru, Bukit Merah
5. Rancangan Mencegah Banjir Kg. Dato' Ahmad Said Tambahan 2, Ipoh
6. Rancangan Mencegah Banjir Jalan Melati, Kg. Seberang Sg. Tapah, Ipoh
7. Rancangan Mencegah Banjir Perumahan Sg. Rokam
8. Rancangan Mencegah Banjir Sg. Pinji
9. Rancangan Mencegah Banjir Sg. Senam
10. Rancangan Mencegah Banjir Sg. Keranji Kampar

- Bantuan untuk pelajaran. \$50,040.00
- Bantuan untuk orang-orang miskin (membaiki rumah, membeli pakaian seragam sekolah, projek-projek industri perniagaan dan lain-lain). \$239,861.00

#### RANCANGAN TEBATAN BANJIR

14. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) rancangan tebatan banjir di peringkat Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri di kawasan Lembah Kinta, khususnya di Bandaraya Ipoh;
- (b) bilangan projek dan jumlah peruntukan dari Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri atau usaha tebatan banjir di kawasan tersebut telah dilaksanakan; dan
- (c) apakah kesannya setakat ini.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Bagi menjawab soalan (a), Rancangan Tebatan Banjir/Mencegah Banjir yang telah/sedang dilaksana dan dirancang untuk dilaksanakan di kawasan Lembah Kinta adalah seperti berikut:

<i>Peruntukan</i>	<i>Status</i>
Pusat	Sedang dilaksanakan
Pusat	Masih menunggu keputusan Parlimen
Negeri	Telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri
Negeri	Sedang dilaksanakan
Negeri	Akan dilaksanakan dalam tahun ini
Negeri	Akan dilaksanakan dalam tahun ini
Negeri	Telah dilaksanakan
Negeri	Telah dilaksanakan
Negeri	Telah dilaksanakan
Negeri	Telah dilaksanakan

Bagi menjawab soalan (b), dari senarai di atas, 4 projek telah siap dilaksanakan dan 2 projek lagi sedang dalam pelaksanaan. Kerajaan Negeri telah membelanjakan lebih 1.3 juta sementara Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan sejumlah \$5 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk projek tebatan banjir di Lembah Kinta.

Bagi menjawab soalan (c), hasil pelaksanaan projek-projek yang disebutkan tadi, masalah banjir di beberapa kawasan telah dapat diatasi atau dikurangkan. Antaranya di Kg. Sg. Rokam, Kg. Pinji, Kg. Pasir Pinji, Taman Shatin dan Pengkalan Pegoh, sekitar kawasan Sg. Senam dan sebahagian Pekan Kampar.

### BURUH KANAK-KANAK

**15. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan setakat manakah kejayaan pihak Kementerian menyekat buruh kanak-kanak, terutama di industri-industri kecil yang tersorok. Apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini. Adakah mana-mana majikan yang telah didakwa kerana mengambil pekerja-pekerja kanak-kanak.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Penggajian kanak-kanak dan orang-orang muda dikawal dengan rapi melalui penguatkuasaan Akta Kanak-kanak dan Orang-orang Muda (Pekerjaan) 1966. Di bawah Akta ini "kanak-kanak" bermaksud seseorang yang di bawah umur 14 tahun. Pegawai-pegawai dari Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas majikan-majikan bagi memastikan mereka tidak melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta tersebut. Pemeriksaan yang dijalankan itu bukan sahaja ke atas para majikan yang besar, malah ke atas para

majikan di industri-industri yang kecil juga sebagai langkah untuk mengawal pengambilan buruh kanak-kanak.

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan dari semasa ke semasa, Jabatan Buruh telah mengambil tindakan Mahkamah ke atas majikan-majikan yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta tersebut. Pada tahun 1990, sebanyak tujuh majikan telah didakwa dan melibatkan jumlah denda sebanyak \$3,950.00. Kementerian Sumber Manusia akan terus mempergiatkan lagi usahanya untuk menyekat penggajian kanak-kanak.

### FILEM BERUNSUR SEKS DI RTM DAN TV3

**20. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) Apakah maksud kenyataan mengatakan RTM dan TV3 bersetuju untuk mengurangkan tayangan filem berunsur seks;
- (b) Unsur seks sepertimana yang akan dipotong dan yang bagaimana pula yang dibenarkan; dan
- (c) Dengan dasar baru itu berapa peratuskah unsur seks yang masih ditayangkan dan adakah sikap terbaru ini selari dengan ajaran Islam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman):** Soal RTM bersetuju/tidak bersetuju untuk mengurangkan tayangan filem berunsur seks tidak timbul sama sekali kerana segala rancangan yang disiarkan oleh RTM sudah ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem di mana semua adegan-adegan yang dianggap berunsur seks sudah dipotong. Sebenarnya Lembaga Penapisan Filem (LPF) telah diarah untuk memperketatkan lagi definasi mereka sejajar dengan kesedaran dan selera umum.

Bagi jawapan (b), babak bercumbu mesra dan memberahikan tidak seharusnya melampaui batas, bercumbuan hingga menjadi lucah atau menjatuhkan maruah lelaki dan wanita Malaysia. Mengikut dasar yang dipraktikkan sekarang kesemua adegan unsur seks telah dipotong berpandukan prinsip rukun negara dan tatasusila kebudayaan kita.

Bagi jawapan (c), peratusan unsur seks yang ditayangkan adalah tidak berkaitan kerana ia merupakan satu perkara yang subjektif dan 'unquantifiable'. Namun dengan definisi yang diperketatkan ini, ianya adalah lebih hampir dengan ajaran Islam.

#### ELAUN TENTERA MALAYSIA DI NAMIBIA

**21. Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah setiap perajurit kita yang berkhidmat di bawah PBB di Namibia telah mendapat semua kemudahan dan elaun yang dijanjikan. Jika tidak, mengapa;
- (b) adakah benar pukul rata seseorang perajurit dijanjikan mendapat elaun bulanan ASS950, tetapi yang dijelaskan cuma ASS446 sahaja sebulan;
- (c) jika benar, adakah kelemahan ini berpunca dari pihak PBB atau elaun sengaja tidak dijelaskan oleh Malaysia; dan
- (d) adakah Kerajaan berhajat untuk menyasat masalah ini dan apakah langkah-langkah yang diambil supaya ia diselesaikan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):**

- (a) Setiap perajurit kita yang berkhidmat di PBB di Namibia

telah mendapat semua kemudahan dan elaun yang telah ditetapkan. Anggota-anggota berkenaan telah diberi kemudahan dan elaun seperti berikut:

- (i) Elaun Gejala Hidup MR\$200 sebulan bagi setiap anggota.
- (ii) Elaun Khas Namibia dibayar mengikut pangkat dalam matawang Amerika atas kadar berikut:

(a) Prebet, L/Koperal, Koperal	US\$504 sebulan
(b) Sarjan, Staf Sarjan	SS\$537 sebulan
(c) Peg. Waren II, Peg. Waren I	US\$577 sebulan
(d) Lt. Muda, Lt.	US\$633 sebulan
(e) Kapten	US\$673 sebulan
(f) Mejar	US\$696 sebulan
(g) Lt. Kolonel	US\$748 sebulan
(h) Kolonel	US\$755 sebulan

- (iii) Elaun Harian (runcit) US\$1.28

- (iv) Semasa perkhidmatan mereka di Namibia, gaji bulanan yang meliputi perkara-perkara berikut adalah diteruskan:

- (a) Gaji pokok bulanan
- (b) Elaun Khidmat
- (c) Elaun Sewa Rumah

- (b) Adalah tidak benar untuk mengatakan seseorang perajurit telah dijanjikan mendapat elaun bulanan US\$950 dan juga tidak benar bahawa mereka telah dibayar cuma US\$446 sahaja sebulan. Jumlah elaun yang dibayarkan ialah seperti yang dinyatakan di atas.

- (c) Tidak ada kelemahan yang telah berlaku dalam proses pembayaran elaun tersebut kerana bayaran elaun dibuat berpandukan kepada kelulusan dasar yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.
- (d) Oleh itu sesuatu siasatan tidak perlu diadakan kerana tidak ada kelemahan yang berlaku dalam sistem pembayaran. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan telahpun mengambil tindakan awal terhadap isu ini dengan mengadakan dua sesi penerangan dan dialog secara terbuka dengan semua anggota-anggota yang terlibat dalam penugasan PBB di Namibia pada bulan Jun 1990. Dalam sesi tersebut tiada reaksi negatif atau rungutan yang dikemukakan oleh anggota yang terlibat.

#### **KELAS PERALIHAN BAGI PELAJAR SEKOLAH SWASTA**

22. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan had umur pelajar-pelajar SRJK yang ditetapkan untuk mereka yang ingin menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK):

- (a) mengapakah pelajar-pelajar SRK yang lulus dalam SRP atau SPM di sekolah swasta tetapi tidak cukup umur kerana tidak menjalani Kelas Peralihan tidak dibenarkan berpindah ke Tingkatan 4 dan 6 Sekolah Menengah Kebangsaan;
- (b) adakah pihak Kementerian akan menarik balik arahan yang sangat memalukan ini kerana sebenarnya tidak mengiktiraf peperiksaan yang disediakan oleh kita sendiri.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pelajar-pelajar dari sekolah swasta yang berasal dari SRJK(C) atau SRJK(T) yang telah lulus SRP atau SPM tidak dibenarkan berpindah ke Tingkatan 4 atau 6 di Sekolah Menengah Kebangsaan adalah kerana mereka tidak mengikuti Kelas Peralihan selepas tamat sekolah rendah. Mengikut Akta Pelajaran 1961, murid-murid daripada SRJK(C) dan SRJK(T), di mana bahasa pengantarnya bukan Bahasa Malaysia, dikehendaki mengikuti Kelas Peralihan selama satu tahun sebelum dibolehkan memasuki Tingkatan Satu di Sekolah Menengah Kebangsaan. Mereka sepatutnya mengikuti kursus pengajian selama 4 tahun di peringkat sekolah menengah rendah sebelum layak masuk ke Tingkatan 4.
- (b) Kementerian Pendidikan belum bercadang menarik balik arahan yang dimaksudkan. Pengiktirafan peperiksaan SRP dan SPM adalah tidak berkaitan dengan isu kemasukan pelajar-pelajar sekolah swasta yang berasal dari SRJK(C) atau SRJK(T) ke Kelas Tingkatan 4 dan Tingkatan 6 di sekolah-sekolah Kerajaan.

#### **PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN—MEMINDA**

23. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Perdana Menteri menyatakan tentang Artikel 3(1) Perlembagaan Malaysia yang memperuntukan Islam adalah agama Persekutuan di mana mereka yang arif dan berwibawa telah menyatakan bahawa berdasarkan sejarah dan latar belakang Persekutuan, peruntukan tersebut adalah berdasarkan fahaman

sekular. Oleh kerana ianya melibatkan keadilan Syariah serta hak-hak pemimpin/negara terhadap rakyat dan hak-hak rakyat terhadap pemimpin/negara, adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda dan menambahkan peruntukan supaya takrif Islam di dalam Perlembagaan diperkukuhkan berdasarkan sejarah Islam yang sebenarnya dan pelaksanaannya dilakukan secara menyeluruh demi keadilan untuk seluruh rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Othman):** Kerajaan tidak bercadang membuat apa-apa pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Marang. Namun demikian, Kerajaan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah positif bagi memperkukuhkan dan melaksanakan ajaran Islam di negara ini.

#### BERSARA AWAL

**24. Dato' Haji Mohd. Shariff bin Jajang** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah pegawai dan kakitangan Kerajaan yang telah memohon bersara sejak diluluskan had umur bersara dari 55 tahun kepada 40 tahun. Berapa lamakah Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil masa untuk memproses permohonan untuk persaraan awal tersebut dan apakah terdapat penurunan prestasi dan minat bekerja pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkenaan.

16.7.91

**47. Tuan Haji Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Kerajaan dan badan-badan berkanun yang memohon bersara awal berikutan dengan lulusnya peraturan baru persaraan dan golongan

mana yang paling ketara. Dapatkah dijelaskan sebab-sebab tindakan mereka. Adakah perkembangan itu sihat atau memberi kesan negatif dan mengapa.

18.7.91

**3. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah sebenar kakitangan Kerajaan yang telah memohon untuk bersara pada umur 40 tahun sejak Jabatan Perkhidmatan Awam melaksanakan peraturan baru ini sehingga 31 Mei 1991. Sehubungan ini nyatakan juga pecahan pemohon-pemohon yang memohon bersara mengikut kategori bersara awal di peringkat 40 tahun adalah untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dan sehubungan ini meminta Y.A.B. Perdana Menteri menjelaskan di tahap berapakah jumlah bilangan kakitangan yang harap dapat dikurangkan untuk memenuhi tujuan tersebut; dan dengan kekurangan bilangan tersebut, apakah pihak Kerajaan sudah yakin dengan jumlah kakitangan Kerajaan yang kecil dan dikurangkan dapat menjamin keberkesanan jentera Kerajaan dalam melaksanakan pengurusan seluruh jentera Kerajaan supaya lebih cekap dan benar-benar produktif.

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Othman:** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi kawasan-kawasan berikut:

- (a) Yang Berhormat bagi kawasan Tumpat pada 16 Julai 1991; dan
- (b) Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Mas pada 18 Julai 1991, sekaligus memandangkan soalan-soalan ini adalah berkaitan dengan perkara yang sama iaitu berkenaan jumlah pemohon untuk bersara awal pada umur 40 tahun.

Sehingga 15 Jun 1991, seramai 56 pegawai/kakitangan Kerajaan telah memohon bersara berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/1991 yang mana telah menurunkan umur persaraan pilihan sendiri kepada 40 tahun. Pecahan mengikut kategori adalah seperti berikut:

Kumpulan A	:	18
Kumpulan B	:	13
Kumpulan C	:	20
Kumpulan D	:	5
Jumlah		56

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memerlukan tempoh sekurang-kurangnya satu bulan untuk meluluskan permohonan sekiranya semua kertas berhubung dengan persaraan itu lengkap dan teratur.

Salah satu tujuan persaraan pada umur 40 tahun ialah untuk mengecilkan saiz perkhidmatan awam. Dalam hal ini Kerajaan sedang mengkaji saiz perkhidmatan awam yang diperlukan. Sehingga kajian ini siap, Kerajaan belum dapat menentukan saiz yang sesuai untuk menjamin keberkesanan jentera Kerajaan agar lebih cekap dan benar-benar produktif.

Kerajaan mendapati pegawai/kakitangan yang memohon bersara pilihan sendiri bukanlah dari kalangan pegawai/kakitangan yang menunjukkan prestasi yang menurun, tetapi mereka sama ada mempunyai hasrat untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan, menyertai sektor swasta atau kerana menghadapi masalah peribadi sendiri.

### DAKWAH ISLAMIAH DI MALAYSIA

25. Tuan Saidin bin Adam minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan dakwah di Malaysia,

dengan meminta penjelasan di atas perkara berikut:

- (a) Bagi tujuan dan matlamat keberkesanan dakwah Islamiah di Malaysia, adakah Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri tidak bercadang membentuk satu "Jawatankuasa Perunding Dakwah Islam" di peringkat Pusat bagi tujuan keseragaman matlamat dan sasaran peningkatan keberkesanan serta kesepaduan persepakatan menghadapi diayah negatif Kristian dan unsur zionis di negara ini; dan
- (b) Sekiranya 'Jawatankuasa Perunding Dakwah Islam' ini dianggap tidak perlu apakah langkah dan usaha Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM apabila melihat keadaan perkembangan dakwah yang berbeza-beza dari segi pendekatan, pergerakan matlamat Islam di negara ini boleh menimbulkan pandangan negatif dari masyarakat Islam sendiri.

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Othman:** Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 22 Mac 1988 telahpun menubuhkan satu badan yang diberi nama Badan Penyelaras Gerakan Dakwah Malaysia. Fungsi badan ini ialah menyelaras program dan aktiviti dakwah di negara ini bagi memastikan bahawa aktiviti dakwah dirancang dan dilaksanakan secara bersepadu dan berkesan.

### PENAGIH DADAH DAN PUSAT PEMULIHAN

26. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penagih dadah dalam pusat-pusat pemulihan di seluruh negara ini. Apakah perkhidmatan-perkhidmatan selanjutnya yang disediakan oleh Kerajaan untuk memastikan supaya

penagih-penagih yang telah dipulihkan tidak kembali ke penagihan dadah bila mereka dilepaskan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Seramai 5,224 orang penagih dadah sedang menjalani pemulihan di pusat-pusat pemulihan di seluruh negara sekarang ini.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan untuk memastikan supaya penagih-penagih yang telah dipulihkan tidak kembali menagih bila mereka dibebaskan dari pusat termasuk:

- (i) Program Jagaan Lanjutan;
- (ii) Program-program integrasi dalam masyarakat.
- (iii) Penubuhan Persatuan Bekas-bekas Pelatih (PENGASIH);
- (iv) Mengadakan Kaunseling Individu/Keluarga/Kumpulan;
- (v) Menggalakkan penglibatan Badan-badan sukarela seperti Jawatankuasa Pemulihan Dadah, PEMADAM untuk membantu Kerajaan mengawas dan mengadakan aktiviti pencegahan dadah;
- (vi) Mengeluarkan Bantuan Geran Pelancaran kepada bekas-bekas penagih yang mempunyai keinginan dan kemampuan menjalankan aktiviti perniagaan/vokasional;
- (vii) Mengadakan Kursus Kaunseling (Peer-Group) kepada Bekas-bekas Penagih; dan
- (viii) Menggalakkan Pertubuhan-pertubuhan Agama memainkan peranan.

Di samping itu, Kerajaan terus mengambil tindakan untuk mengurangkan pagedaran dan bekalan dadah melalui penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengannya.

### **SAMAN DIKELUARKAN DAN KOMPAUN DIKUTIP**

**27. Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak pemasangan perangkap had laju berkamera di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak:

- (a) berapakah jumlah saman yang telah dikeluarkan dan berapa jumlah kompaun yang dikutip;
- (b) sejauhmana langkah tersebut dapat menurunkan kadar kemalangan di lebuhraya tersebut; dan
- (c) adakah pemasangan perangkap had laju berkamera dibuat di Lebuhraya Kuala Lumpur-Ayer Keruh.

#### **Dato' Seri Dr Ling Liong Sik:**

- (a) Alat perangkap had laju radar berkamera automatik dipasang pada bulan Mac 1991 dan mula beroperasi pada 1 April 1991. Jumlah saman yang dikeluarkan pada bulan April 1991 adalah 97 dan jumlah kompaun yang dikutip ialah sebanyak \$1,500 bagi 15 kes yang diselesaikan dalam bulan tersebut.
- (b) Adalah terlalu awal untuk membuat penilaian terhadap keberkesanan alat-alat ini dalam menurunkan kadar kemalangan jalan raya oleh kerana ianya baru sahaja beroperasi (lebihkurang dua bulan sahaja). Walau bagaimanapun, kadar kemalangan jalan raya di lebuhraya tersebut bagi bulan April dan Mei 1991 telah menunjukkan penurunan berbanding bulan Mac 1991. Jumlah kemalangan yang direkodkan di Lebuhraya Karak bagi Mac-Mei 1991 adalah seperti berikut:

Mac	—	100
April	—	82
Mei	—	47

- (c) Kerajaan belum lagi bercadang untuk memasang alat perangkap laju radar berkamera di lebuhraya-lebuhraya lain pada masa ini termasuk Lebuhraya Kuala Lumpur-Air Keruh. Ini adalah kerana Kerajaan perlu mengkaji keberkesanan pemasangan kamera di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak terlebih dahulu sebelum keputusan dapat diambil.

### SKIM CEPAT KAYA

**28. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai pengusaha-pengusaha Skim Cepat Kaya yang telah ditangkap dan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil ke atas mereka.

**Tuan Ong Ka Ting:** Pertanyaan Yang Berhormat Lembah Pantai ini telahpun saya jawab pada 20 Jun 1991 yang lalu. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menjawabnya lagi.

### NISBAH GURU DAN MURID

**29. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah nisbah antara tenaga pengajar dan pelajar bagi semua peringkat iaitu peringkat sekolah rendah, Sekolah menengah dan institut pengajian tinggi di negara kita sekarang; dan
- (b) adakah Kementerian berpuashati dengan keadaan sekarang jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain.

**Dr Fong Chan Onn:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah guru dan murid bagi tahun 1990 secara purata ialah 1: 20 di peringkat

rendah dan 1: 19 di peringkat menengah.

Pada peringkat universiti ia bergantung kepada disiplin akademik atau kursus tertentu. Pada peringkat sekolah sebenarnya ia bergantung kepada keperluan dan suasana persekolahan yang bukan sahaja berbeza dari segi lokasinya seperti bandar atau luar bandar tetapi juga mengikut mata pelajaran.

- (b) Kerajaan berpuas hati dengan keadaan sekarang kerana dengan keadaan nisbah sekarang semua program pendidikan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

### SENAPANG PATAH—MENGGAJIKAN

**30. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah sebab permohonan-permohonan mereka yang memohon untuk menggantikan senapang patah lama dan mereka yang hilang senapang patah mereka kerana rumah mereka terbakar dan mereka yang karam perahu dari kawasan P.179 Baram tidak dapat diluluskan; dan
- (b) apakah sebab senapang lama mereka yang memohon penukaran ditahan dan dimusnahkan oleh pihak polis tanpa kebenaran dan ganti rugi dibayar kepada pemilik-pemilik senapang patah tersebut.

**Tuan Ong Ka Ting:** Mengikut dasar yang diamalkan sekarang ini, senapang patah yang hilang atau rosak tidak dibuat penukaran atau gantian. Gantirugi juga tidak akan diberikan bagi senjata yang telah diserahkan.

Walau bagaimanapun, proses pindahmilik senapang patah daripada bapa kepada anak lelaki menerusi tuntutan pesaka adalah dibenarkan dan berjalan seperti biasa.

### LAYANAN KEPADA PESAKIT

**31. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian sedar yang budi bahasa pendekatan dan tatacara pengendalian sebilangan pekerja-pekerja, jururawat-jururawat dan doktor-doktor di Hospital adalah di tahap yang menyedihkan, terutama sekali kepada yang tua, yang miskin dan orang-orang dari luar bandar. Apakah tindakan yang sedang atau akan diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki kepincangan ini.

**Dato' K. Kumaran:** Kementerian Kesihatan memberi layanan yang sama terhadap semua pesakit. Pengendalian kes dilakukan mengikut keadaan kesihatan pesakit dan tidak ada perbezaan bagi orang-orang tua, orang miskin dan orang dari luar bandar. Kes-kes tenat akan diberi keutamaan dan kes-kes biasa akan dikendalikan mengikut giliran masing-masing.

Kementerian ini sentiasa memberi perhatian terhadap aduan yang diterima dengan menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Kakitangan yang bertugas juga sentiasa diingatkan dari masa ke semasa supaya bertimbang rasa dan berbudi bahasa terhadap pesakit walaupun dalam keadaan yang sibuk. Selain dari itu, Kementerian ini sentiasa berusaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada dengan mengadakan program-program tertentu, umpamanya baru-baru ini jururawat-jururawat di Hospital Besar Kuala Lumpur telah mengadakan kempen ke arah Perawatan Berkualiti melalui kesopanan dan kemesraan. Matlamat kempen ialah untuk meningkatkan lagi

kualiti perawatan melalui perhubungan yang lebih bersopan dan mesra dengan orang awam di samping mempererat lagi perhubungan di antara jururawat-jururawat.

Pihak hospital juga mengambil inisiatif sendiri dengan mengadakan kempen untuk tujuan yang sama. Adalah diharapkan program dan kempen ini akan dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang memerlukan perkhidmatan perubatan.

### PERKHIDMATAN VAN PENUMPANG DI SARAWAK

**32. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa pengangkutan luar bandar di negeri Sarawak bergantung kepada perkhidmatan beratus-ratus van penumpang yang belum dilesenkan sebab perkhidmatan bas kurang mencukupi;
- (b) bahawa pemandu-pemandu van tersebut selalu ditangkap oleh pihak Polis walaupun mereka menyumbangkan perkhidmatan yang dihargai oleh orang kampung miskin;
- (c) apakah langkah-langkah akan diambil untuk meningkatkan usaha melesenkan van-van yang sudah ada seluruh Sarawak.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):**

- (a) Kementerian Perusahaan Awam memang sedar mengenai masalah perkhidmatan van-van penumpang di negeri Sarawak. Justeru itu, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak telah meningkatkan pengeluaran lesen kereta sewa di negeri itu. Di antara tahun 1988

hingga ke tahun 1990, sebanyak 36 lesen telah dikeluarkan, manakala pada tahun ini pula sebanyak 103 telah dikeluarkan bagi meningkatkan perkhidmatan yang sudah ada.

- (b) Sebahagian besar pengusaha-pengusaha van tanpa lesen ini mengambil kesempatan untuk menjalankan perkhidmatan mereka sebagai kenderaan komersial dan sebagai kenderaan sendiri dengan tujuan untuk mendapatkan pendapatan yang lebih. Penguatkuasaan yang dilakukan adalah untuk memastikan supaya mutu perkhidmatan keseluruhannya tidak terjejas dan keselamatan penumpang-penumpang terjamin. Di samping itu, mata pencarian pengusaha-pengusaha yang sah perlu dijaga supaya tidak terjejas.
- (c) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan akan meningkatkan lagi usaha-usaha untuk mengeluarkan lesen kereta-kereta sewa di negeri Sarawak melalui langkah-langkah berikut:
- (i) membuat tinjauan ke atas kawasan-kawasan luar bandar berdasarkan kepadatan penduduk di sesuatu kawasan dan permintaan untuk lesen-lesen;
  - (ii) menapis apa-apa aduan yang diterima mengenai ketidakpuasan orang awam terhadap perkhidmatan yang diberi, dan sekiranya perlu, mengeluarkan iklan kekosongan supaya permohonan-permohonan dikemukakan;
  - (iii) di mana-mana terdapat keperluan sebenar dan pengusaha-pengusaha

yang berkemampuan, Lembaga akan mengeluarkan lesen-lesen kereta sewa dari masa ke semasa.

### PERJANJIAN MENGENAI PENDIDIKAN DI SARAWAK

**33. Tuan Wahab bin Suhaili** minta Menteri Pendidikan menyatakan secara ringkas kandungan Memorandum Perjanjian mengenai pendidikan (pelajaran) di negeri Sarawak;

- (a) semasa memasuki Malaysia (1963);
- (b) 10 tahun selepas Malaysia ditubuhkan (1973); dan
- (c) adakah perjanjian-perjanjian tersebut memenuhi matlamatnya.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara ringkas kandungan Memorandum Perjanjian mengenai pendidikan di Sarawak.

- (a) Satu Jawatankuasa antara Kerajaan (Inter-Government Committee) telah dibentuk bagi mengkaji dan membuat cadangan mengenai susunan perlembagaan dan hak-hak keistimewaan rakyat negeri Sarawak terpelihara. Selaras dengan kemasukan Sarawak ke dalam Malaysia Akta Pelajaran 1961 telah diperluaskan ke Sarawak dengan penyesuaian sistem pendidikan di Sarawak ketika itu.
- (b) Selepas tahun 1963, tidak ada sebarang perjanjian lain dibuat antara Kerajaan Persekutuan dan Sarawak mengenai pendidikan. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1971 telah memberi jaminan kedudukan yang sama kepada bumiputera Sabah dan Sarawak dengan orang-orang Melayu di Semenanjung Malaysia.

(c) Sebenarnya perjanjian 1963 membolehkan Kerajaan Negeri terus bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar dan sistem pendidikan di Sarawak. Antara matlamat yang dicapai adalah:

- (i) semua kanak-kanak berpeluang bersekolah dan mendapat pendidikan yang sama—pendidikan rendah percuma dimulakan pada 1966 telah mendaftar 133,969 kanak-kanak di 1,159 buah sekolah sedangkan pada tahun 1962 terdapat hanya 97,971 di 894 buah sekolah rendah sahaja.
- (ii) mempercepatkan perkembangan dan kemajuan pendidikan di peringkat sekolah rendah, terutama di bahagian pedalaman dan membolehkan Kerajaan Negeri mengambil pentadbiran sekolah-sekolah rendah 1973.
- (iii) menyelaraskan matlamat Kerajaan Negeri dalam mencapai satu dasar dan pentadbiran pendidikan di Sarawak supaya sehaluan dengan sistem pendidikan kebangsaan bila Akta Pelajaran 1961 dikuatkuasakan.

#### SEKOLAH VOKASIONAL DAN TEKNIK—PEMBINAAN

**34. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan sekolah vokasional dan teknik yang ada hari ini dan bilangan yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6).

Apakah sistem pendidikan yang ada mampu menampung keperluan tenaga mahir dan separa mahir dalam negara dan apakah rancangan Kerajaan ke arah ini.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Menengah Teknik yang sedia ada ialah 9 buah. Sekolah Menengah Vokasional pula ialah 58 buah. Sementara itu 12 buah lagi Sekolah Menengah Vokasional sedang dibina dan dijangka siap di akhir tahun 1991.

Kementerian sedang mengkaji untuk membina 8 buah Sekolah Menengah Vokasional dalam RM6.

Sistem pendidikan teknik dan vokasional berkemampuan untuk menampung keperluan tenaga mahir yang diperlukan oleh Kerajaan. Kemampuan ini akan diperkukuhkan lagi dengan rancangan untuk membina, dengan peruntukan yang ada, sebanyak 8 buah politeknik dan 8 buah sekolah menengah vokasional dalam RM6.

Beberapa pembaharuan dalam sistem pendidikan sedang diolah untuk memastikan ia lebih mampu mengeluarkan tenaga mahir dan separa ikhtisas dengan program-program seperti kursus-kursus untuk belia dan kursus-kursus sambungan dengan industri. Perancangan-perancangan ke depan dibuat berdasarkan keperluan pasaran.

#### PUSAT KESIHATAN DI PENGKALAN AMO, DAERAH SERIAN

**35. Tuan Richard Riot Anak Jaem** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan Pusat Kesihatan di kawasan pendalaman Amo di daerah Serian.

**Dato' K. Kumaran:** Bagi Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Kesihatan telah bercadang untuk mendirikan sebuah Klinik Desa di Pengkalan Amo, daerah Serian. Pada masa kini, Jabatan Perubatan dan Kesihatan negeri Sarawak bersama dengan Jabatan Tanah dan Ukur, Sarawak bergiat untuk menetapkan tapak tanah yang sesuai.

### KAWALAN MALARIA DI SABAH

**36. Tuan George Sangkin** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dan yang sedang diambil oleh Kementeriannya untuk mencegah penyakit malaria di seluruh negeri Sabah.

**Dato' K. Kumaran:** Tindakan kawalan malaria yang telah dan sedang diambil di Sabah adalah pengesanan kes, rawatan, operasi semburan, pendidikan kesihatan dan penyelidikan.

#### 1. *Pengesanan Kes*

- 1.1. Mengadakan aktiviti pengesanan kes oleh kakitangan Kementerian Kesihatan dan sukarelawan penjagaan kesihatan primer (Primary Health Care Workers) dan pemberian ubat secara keseluruhan serta rawatan yang lengkap.
- 1.2. Pengesanan kes juga diadakan di semua hospital, Pusat Kesihatan, Klinik Desa dan lain-lain pusat bagi pesakit yang mengunjungi pusat tersebut.

#### 2. *Rawatan*

- 2.1. Merawat pesakit malaria dengan ubat anti-malaria yang mujarab.

#### 3. *Operasi Semburan*

- 3.1. Menjalankan operasi semburan untuk memutuskan talian perjangkitan malaria dengan membunuh nyamuk dewasa pembawa penyakit malaria.
- 3.2. Membasmikan tempat-tempat membiaknya nyamuk penyakit malaria.

#### 4. *Pendidikan Kesihatan*

Menjalankan Pendidikan Kesihatan kepada orang ramai mengenai penyakit malaria dan cara-cara mencegah penyakit.

#### 5. *Penyelidikan*

Menjalankan penyelidikan mengenai penyakit malaria dan vektor nyamuk dari masa ke semasa untuk mengetahui:

- (i) tabiat nyamuk
- (ii) kekebalan parasit malaria terhadap ubat malaria dan
- (iii) keberkesanan penggunaan kelambu berubat.

### METER LETAK KERETA— SAMAN DIKELUARKAN

**37. Tuan Liew Ah Kim** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah saman yang sudah dikeluarkan oleh DBKL ke atas kereta-kereta yang lewat memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta bagi tempoh 3 tahun kebelakangan sehingga Mei 1991. Nyatakan juga jumlah kutipan denda daripada saman yang dikenakan itu dalam tempoh berkenaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed):** Jumlah saman yang telah dikeluarkan oleh DBKL ke atas kereta-kereta yang lewat memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta bagi

tempoh tiga tahun kebelakangan sehingga Mei 1991 adalah sebanyak 645,738. Jumlah kutipan denda daripada saman yang dikenakan itu dalam tempoh berkenaan adalah sebanyak \$3,723,749.

### ZON BEBAS CUKAI DI SABAH

**38. Tuan Philip Yong Chiew Lip** minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Kerajaan Pusat merancang untuk meluluskan penubuhan Zon Bebas Cukai (Fee Trade Zone) di negeri Sabah.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Berdasarkan kepada peraturan semasa dan peruntukan di bawah Akta Zon Bebas 1990, sesebuah Kerajaan Negeri akan mengemukakan permohonan rasmi kepada Kementerian Kewangan untuk mewartakan sesuatu kawasan sebagai Zon Bebas Cukai. Ini bermakna Kerajaan Negeri mestilah memulakan langkah awal dan merancang untuk menubuhkan Zon Bebas Cukai di negeri yang berkenaan.

Berhubung dengan penubuhan Zon Bebas Cukai (Free Trade Zone) di negeri Sabah, Kementerian Kewangan mendapati bahawa pada masa ini belum terdapat sebarang permohonan yang telah diterima daripada Kerajaan negeri Sabah.

### PEPERIKSAAN KHAS BAHASA MALAYSIA KE TINGKATAN SATU

**39. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan murid-murid S.R.J.K.(C) dan S.R.J.K.(T) yang perolehi 6A dalam UPSR pada 1990 yang tidak dapat menaiki ke Tingkatan Satu selepas peperiksaan semula dalam kertas Bahasa Kebangsaan mengikut pecahan negeri;

- (b) bilangan murid-murid tersebut yang mengikut nasihat pihak Kerajaan untuk membuat rayuan kepada pihak berkenaan mengikut pecahan negeri;
- (c) bilangan murid-murid yang berjaya dalam rayuan itu mengikut pecahan negeri; dan
- (d) apakah keputusan Kementerian beliau berkenaan dengan perkara ini pada tahun ini.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Peperiksaan hanya menyediakan analisis secara keseluruhan sahaja. Data berikut berdasarkan peringkat nasional.

- (a) Bilangan murid-murid SRJK(C) dan SRJK(T) yang memperolehi 6A dalam UPSR dalam tahun 1990 yang tidak dapat naik terus ke Tingkatan Satu selepas Peperiksaan Khas Bahasa Malaysia adalah 852 orang.
- (b) Jumlah yang telah membuat rayuan seramai 446 orang.
- (c) Bilangan yang berjaya dalam rayuan tersebut adalah 8 orang.
- (d) Pada tahun ini, tahun 1991, Kabinet telah membuat keputusan bahawa murid-murid dari SRJK(C) dan SRJK(T) dibenarkan membuat pilihan sama ada mengambil Kertas Soalan Bahasa Malaysia SK/SRK atau Kertas Soalan Bahasa Malaysia SRJK(C) dan (T). Untuk mendapat pengecualian daripada mengikuti Kelas Peralihan mereka mestilah lulus pada tahap yang sesuai Kertas Bahasa Malaysia SK/SRK dan mendapat A dalam semua mata pelajaran yang lain.

Ujian Khas Bahasa Malaysia yang telah diadakan dalam tahun 1990 tidak akan diadakan lagi pada tahun ini.

## PENSWASTAAN DASAR KERAJAAN

**40. Tuan Foo Piew Kok** minta Perdana Menteri menyatakan sejak pelaksanaan penswastaaan badan Kerajaan, sejauh manakah Kerajaan memastikan penswastaaan itu akan adil dan saksama dilaksanakan dan akan manfaat semua golongan rakyat. Silalah beri pecahan peratusan saham syarikat itu mengikut kaum, pelabur asing dan pekerja syarikat yang berkenaan.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat, Kerajaan akan memastikan pelaksanaan dasar-dasarnya, termasuklah dasar penswastaaan dibuat secara adil, saksama serta mengambilkira kepentingan semua pihak. Sehubungan dengan ini, pelaksanaan dasar penswastaaan telah dirangka supaya selaras dengan dasar-dasar utama Kerajaan dan dapat memberi manfaat kepada kesemua golongan rakyat. Peluang-peluang bagi orang ramai menjayakan dasar ini adalah terbuka luas di mana pihak yang berminat dengan sesuatu entiti Kerajaan boleh mengemukakan cadangan untuk dipertimbangkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Penswastaaan yang telahpun dikeluarkan kepada orang ramai baru-baru ini.

Berhubung dengan bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, sukalah saya memaklumkan bahawa garis panduan yang ada sekarang ini ialah memperuntukkan 5% ekuiti syarikat kepada kakitangan. Ini adalah penting untuk mendapat sokongan dan kerjasama kakitangan yang terlibat dalam syarikat yang diswastakan. Bagi pelabur-pelabur asing pula, peruntukan saham boleh dipertimbangkan sekiranya

memenuhi syarat-syarat tertentu seperti kepakaran teknologi, pemasaran dan keupayaan untuk menyerap modal dalam negeri tidak mencukupi. Pertimbangan ini akan diberi berdasarkan projek yang terlibat tertakluk kepada pegangan maksimum 25% daripada jumlah ekuiti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat untuk menghadkan pelaksanaan dasar penswastaaan mengikut garis perkauman. Sungguhpun begitu, pembahagian saham syarikat-syarikat yang diswastakan dan yang akan disenaraikan akan dibuat selaras dengan dasar-dasar yang sedia ada.

## TANGGAGAJI JURURAWAT

**41. Dr T. Marimuthu** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menambahkan bilangan jururawat-jururawat di dalam negara dan adakah Kerajaan bercadang menaikkan tanggagaji jururawat untuk mengelakkan lebih ramai jururawat meletakkan jawatan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Kementerian Kesihatan sedang berusaha untuk menambah bilangan jururawat melalui perancangan jangka pendek iaitu secara mengadakan urusan pengambilan Jururawat Terlatih secara kontrak, manakala perancangan jangka panjang secara menambah bilangan Jururawat Pelatih bagi memenuhi keperluan Jururawat Terlatih pada masa-masa akan datang.

Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa sememangnya mengkaji kedudukan perkhidmatan jururawat, termasuk tanggagaji, peluang kemajuan kerjaya dan peluang kenaikan pangkat, dengan tujuan untuk meningkatkan prestasi dan motivasi mereka di samping mengekalkan mereka dalam perkhidmatan awam.

## KEMALANGAN JALAN RAYA DI LEBUHRAYA

**42. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan kemalangan jalan raya di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak sejak Kerajaan memasang komputer di sepanjang jalan raya tersebut;
- (b) bentuk tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap pemandu-pemandu yang selalu tidak memperdulikan undang-undang; dan
- (c) sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina jalan raya sehala di seluruh negara sebagai langkah mengurangkan jumlah kemalangan di jalan raya.

**Dato' Seri Dr Ling Liong Sik:**

- (a) Alat perangkap had laju radar berkamera otomatik dipasang pada bulan Mac 1991 dan mula beroperasi pada 1 April 1991. Bilangan kemalangan jalan raya di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:

Mac 1991 – 100 kemalangan  
April 1991 – 82 kemalangan  
Mei 1991 – 47 kemalangan

- (b) Pemandu-pemandu yang tidak mematuhi undang-undang adalah dikenakan kompaun atau didakwa di mahkamah. Jika kesalahan yang dilakukan termasuk di dalam senarai kesalahan berjadual sistem KEJARA, mata kesalahan akan diberikan. Lesen memandu seorang pemandu boleh digantung selama tempoh tidak melebihi tiga bulan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan sekiranya pemandu tersebut telah dikenakan sebanyak 20 mata kesalahan.

- (c) Kerajaan sememangnya mempunyai rancangan jangka panjang untuk membina jalan raya yang lebih baik termasuk juga jalan sehala (di mana yang sesuai) di seluruh negara. Walau bagaimanapun, rancangan ini bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

## SENAPANG PATAH— PEMBERIAN LESEN

**43. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan para petani dan individu-individu lain membenarkan pemberian semula senapang patah untuk menjaga huma dan kebun mereka dari serangan binatang-binatang liar. Ini adalah memandangkan keselamatan negara sudah pulih dan terkawal.

**Tuan Ong Ka Ting:** Pemberian lesen senapang patah pada hari ini di Sarawak termasuk untuk menjaga huma dan kebun masih dibekukan buat sementara memandangkan jumlahnya yang besar jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

Walaupun bagaimanapun, proses pindahmilik senapang patah daripada bapa kepada anak lelaki menerusi tuntutan pesaka adalah dibenarkan dan berjalan seperti biasa.

## LATIHAN JURURAWAT— PERMOHONAN

**44. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa banyak permohonan untuk menyertai Nursing and Midwife Training daripada negeri Sarawak yang tidak dilayan, kebanyakan mereka ini adalah yang lulus sekolah Tingkatan Lima. Di dalam masalah ini, Menteri sendiri telah berkata hendak mengambil orang-orang asing untuk mengisi peluang-peluang bekerja di hospital Kerajaan kita, kenapa?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Bagi negeri Sarawak, dari jumlah permohonan untuk mengikuti latihan Kejururawatan asas Jururawat yang diterima oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam didapati hanya kira-kira 44% sahaja pemohon yang layak dipertimbangkan mengikut syarat kelayakan yang diiklan.

Bagi latihan kejururawatan asas 'Midwifery' atau yang lebih dikenali sebagai Jururawat Desa pula didapati hanya kira-kira 30% sahaja pemohon yang layak dipertimbangkan mengikut syarat yang diiklankan.

Berhubung dengan cadangan untuk mengambil orang-orang asing iaitu Jururawat Terlatih bekerja di hospital Kerajaan adalah merupakan satu langkah jangka pendek yang difikirkan perlu bagi mengatasi kekurangan Jururawat Terlatih pada masa ini. Bagi mengatasi masalah tersebut, pihak Kementerian telahpun menambahkan pengambilan latihan-latihan Kejururawatan asas mulai tahun 1990.

### MATAPELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP

**45. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rasional Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan memperkenalkan mata pelajaran 'Living Skill' atau kemahiran hidup di sekolah-sekolah menengah pada bulan Jun ini. Sudahkah Kementerian memastikan bahawa tenaga pengajar sudah cukup untuk mengajar mata pelajaran ini.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mata pelajaran Kemahiran Hidup mula dilaksanakan di peringkat menengah rendah pada tahun 1989. Ia merupakan satu mata pelajaran teras. Oleh kerana ia mula diperkenalkan pada tahun 1989 di Tingkatan 1, pelajar-pelajar yang sekarang (1991) berada di Tingkatan IV dan V tidak berpeluang mengikuti mata

pelajaran ini semasa mereka berada di tingkatan menengah rendah dahulu. Memandangkan pentingnya mata pelajaran ini dalam membentuk pelajar yang celek teknologi dan kenalfahaman ekonomi bagi menghadapi kehidupan harian dengan lebih berkesan selaras dengan hasrat Wawasan 2020, Kerajaan berpendapat adalah wajar dan memutuskan bahawa pengetahuan dan kemahiran yang terdapat dalam mata pelajaran ini didedah dan diajar juga kepada pelajar Tingkatan IV dan V secepat mungkin.

Kementerian Pendidikan sudah menentukan tenaga pengajar yang cukup untuk program ini, dan mereka telahpun diberikan kursus pendedahan mengenainya di peringkat negeri dalam bulan April/Mei baru-baru ini.

### BEKALAN AIR—MEMINDAH PENGURUSAN

**46. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) cadangan Kerajaan untuk memindahkan pengurusan bekalan air kepada peringkat pusat;
- (b) penerimaan Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai cadangan tersebut; dan
- (c) langkah yang diambil untuk memastikan sumber air diuruskan secara efisien kerana Kerajaan rugi \$106 juta setahun serta langkah-langkah yang diambil untuk menghalang krisis air seperti yang berlaku di Melaka daripada berulang terutamanya di kawasan-kawasan perindustrian.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):** Mengenai soalan (a) dan (b), penjelasannya telahpun diberikan di dalam Dewan yang mulia ini pada 26 Jun 1991 lalu.

Mengenai soalan (c), jawapannya telahpun diberikan di dalam Dewan yang mulia ini pada 10 Julai 1991.

### BAYARAN KONTRAK DARI PROJEK YANG DILULUSKAN

**47. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau ada menerima aduan dan rekod-rekod berhubung dengan bayaran kontrak dari projek-projek yang diluluskan oleh Kerajaan Kelantan dulu tidak dibayar oleh Kerajaan Kelantan sekarang. Jika ada, sebutkan jenis kontraknya dan bagaimana kontrak itu diluluskan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan tidak ada menerima aduan berhubung dengan bayaran kontrak dari projek-projek yang diluluskan oleh Kerajaan Kelantan dulu tidak dibayar oleh Kerajaan Kelantan sekarang.

### JURURAWAT—PENGHIJRAHAN KE LUAR NEGERI

**48. Dr V. David:** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa negara kita menghadapi masalah kekurangan jururawat kerana mereka memilih berkhidmat di luar negeri;
- (b) adakah benar bahawa walaupun sebilangan ramai antara mereka berkelayakan tinggi dan mempunyai beberapa tahun pengalaman tetapi Kerajaan tidak memberi gaji yang berpatutan dan kemudahan bekerja yang sesuai kepada mereka; dan
- (c) bagaimana Yang Berhormat Menteri ingin mengurangkan pengaliran keluar pekerja-

pekerja mahir seperti jururawat-jururawat terlatih yang mempunyai pengalaman, memandangkan perkhidmatan mereka diperlukan bagi memelihara taraf kemudahan-kemudahan kesihatan yang memuaskan di negara.

**Dato' K. Kumaran:**

- (a) Kementerian Kesihatan sememangnya menyedari akan adanya penghijrahan jururawat dalam perkhidmatan sektor awam ke perkhidmatan di luar negeri. Punca utama berlakunya penghijrahan sedemikian ialah kekurangan tenaga kerja dalam bidang kejururawatan di pasaran pekerjaan di luar negeri.
- (b) Adalah tidak benar dakwaan yang menyatakan bahawa jururawat yang berkelayakan tinggi dan mempunyai beberapa tahun pengalaman tidak diberi gaji yang berpatutan dan kemudahan bekerja yang sesuai. Sebaliknya Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil perhatian akan kemajuan kerjaya mereka, termasuk peluang kenaikan pangkat, serta menempatkan mereka ke jawatan-jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka. Langkah ini diambil untuk memberi pengiktirafan kepada jururawat yang telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang dan yang memiliki kelayakan yang lebih tinggi.
- (c) Kementerian Kesihatan telah berusaha seberapa daya untuk mengurangkan pengaliran keluar pekerja-pekerja mahir seperti Jururawat Terlatih. Di antara usaha-usaha itu ialah meningkatkan peluang kemajuan kerjaya, kenaikan pangkat, mengkaji semula skim-skim

perkhidmatan dan memberi khidmat nasihat supaya mereka tidak meninggalkan perkhidmatan.

### TELEFON AWAM LUAR

**49. Tuan Wahab bin Suhaili** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan membina telefon awam dan talian-talian dalam Rancangan Malaysia Keenam di;

- (a) Kampung Gedong, Kampung Lubok Punggor, Kampung Sadong Jaya, Kampung Semara, Kampung Jemukan, Kampung Iboi, Kampung Jaie di daerah Simunjan; dan
- (b) Kampung Sabal Kruin, Kampung Sabal Apeng, Kampung Sg. Pinang dan di rumah-rumah panjang di sepanjang jalan Bukit Punda/Simunjan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:**

- (a) Dalam rancangan telefon awam luar bandar 1991, Telekom Malaysia telah merancang untuk memasang telefon awam luar bandar di daerah Simunjan sebanyak 8 unit seperti berikut:

1. Kg. Kelaka Simunjan
2. Pasar Simunjan
3. Kg. Lintang, Simunjan
4. Pasar Simunjan
5. Kg. Sageng Simunjan
6. Pasar Simunjan 3
7. Kg. Nanas Simunjan
8. Pasar Simunjan 4.

Bagi kampung-kampung lain yang disebut oleh Yang Berhormat, mereka boleh dipertimbangkan dalam tahun 1992 sekiranya permohonan diterima daripada pihak negeri.

### RADIO CALL DI KAWASAN PENDALAMAN SARAWAK

**50. Tuan Billy Abit Joo** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) Sama ada Kementerian tersebut bercadang menambah jumlah 'Radio Call' di kawasan pendalaman di Sarawak; dan
- (b) Sama ada Kementerian bercadang untuk melengkapkan sekolah rendah atau pejabat Kerajaan dengan 'Radio Call' di kawasan pendalaman yang belum ada 'Radio Call'.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini tidak bercadang menambah jumlah 'Radio Call' di kawasan pendalaman di Sarawak.
- (b) Kementerian ini tidak bercadang melengkapkan sekolah rendah atau pejabat Kerajaan dengan 'Radio Call' di kawasan pendalaman yang belum ada 'Radio Call'.

### KEMATIAN KEMALANGAN DI JALAN RAYA

**51. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan seperti berikut:

- (a) jumlah kematian kerana kemalangan di jalan raya sejak tahun-tahun 1987, 1988, 1989 dan 1990;
- (b) mengapakah Malaysia terkenal sebagai negara yang banyak sekali kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian dan kecederaan parah; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang lebih positif dan aktif yang telah, sedang dan akan diambil mengenai (a) dan (b) di atas.

**Dato' Seri Dr Ling Liong Sik:**

- (a) Jumlah kematian kerana kemalangan di jalan raya untuk tahun 1987 hingga tahun 1990 adalah seperti berikut:

1987	2,240 kematian
1988	2,354 kematian
1989	3,090 kematian
1990	3,345 kematian
Jumlah	<u>11,029</u>

- (b) Adalah tidak benar dianggap Malaysia terkenal sebagai negara yang banyak sekali kemalangan jalan raya, memandangkan ada negara lain yang menghadapi taraf keselamatan jalan raya yang lebih teruk. Walau bagaimanapun, masalah kemalangan jalan raya di negara ini diperhatikan bertambah buruk dari setahun ke setahun dan oleh itu perlu diberi perhatian serius oleh semua.
- (c) Kerajaan sememangnya menyedari bahawa sebab-sebab utama berlakunya kemalangan jalan raya adalah disebabkan oleh sikap pemandu. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Memandu yang menekankan unsur-unsur pemandu berhemat (defensive driving).
- (ii) M e n g u a t k u a s a k a n U n d a n g - u n d a n g Lalulintas Jalan dengan lebih ketat oleh agensi-agensi penguatkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis DiRaja Malaysia terutama

bagi kesalahan-kesalahan lalulintas yang mungkin akan menyebabkan kematian.

- (iii) Mempergiatkan lagi k e m p e n - k e m p e n keselamatan jalan raya meliputi semua kumpulan sasaran bagi mempertingkatkan tahap kesedaran di kalangan pengguna-pengguna jalan raya. Kempen dijalankan adalah berbentuk 'multi-media' iaitu termasuk surat khabar, television, radio, 'billboards' poster dan lain-lain lagi.
- (iv) Menerapkan pendidikan keselamatan jalan raya di kalangan kanak-kanak sekolah rendah dan pra-sekolah melalui aktiviti ko-kurikulum Pendidikan Keselamatan Jalan Raya.
- (v) Mengadakan ceramah-ceramah keselamatan jalan raya khususnya kepada pemandu-pemandu kenderaan perkhidmatan awam dan p e m a n d u - p e m a n d u kenderaan perdagangan.

**USUL****RANCANGAN MALAYSIA  
KEENAM 1991-1995**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

*menyedari* pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang ketara ke arah matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima;

*merestui* usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

*meluluskan* Rancangan Malaysia Keenam yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 9 Tahun 1991;

*Bahawa* dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman selaras dengan semangat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh. (12hb Julai, 1991)

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Parit Sulong, sila sambung.

3.35 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, di hujung perbahasan pada Jumaat lalu, saya kesal dengan kekeliruan di kalangan kita berikutan kenyataan saya yang bertanya mengapakah sekarang ini pihak Ketua Pembangkang berminat sangat terhadap rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke luar negara asing sehingga beliau membawa cadangan kepada Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri supaya mengadakan, dengan izin, high-powered campaign untuk memujuk orang-orang ini balik ke tanahair.

Saya tidak pernah mempersoalkan sama ada kita harus menyekat ataupun mengusir lebih ramai lagi rakyat Malaysia keluar negeri. Yang saya bertanya mengapakah sekarang ini nampaknya Ketua Pembangkang mengubah suara? Kalau dahulu, umpamanya sewaktu membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga pada 20 Julai 1976, iaitu kira-kira 15 tahun yang lalu, beliau mengatakan salah satu sebab rakyat Malaysia meninggalkan negara adalah dasar-dasar Kerajaan yang dikatakan tidak memberi masa hadapan kepada rakyat, mengapakah sekarang, sewaktu membincangkan Rancangan Malaysia Keenam, timbul pula suara supaya Kerajaan memujuk orang ini balik.

Apa yang saya persoalkan ialah, adakah ini membuktikan bahawa Kerajaan yang dituduh zalim ataupun Kerajaan yang dikatakan sebagai mengamalkan dasar draconian itu memang sebenarnya tidak betul. Saya bertanya, adakah ini bukti kepada DAP itu memang selama ini menyebarkan propaganda yang memang palsu? Itu sahaja. Jadi, saya harap pihak Ketua Pembangkang jangan cuba ataupun Ahli-ahli partinya jangan cuba....

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd Hassan (Larut):** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Larut bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd Hassan:** Adakah Ahli dari Parit Sulong bersetuju dengan saya bahawa Ketua Pembangkang ketika ini kepalanya telah bercelaru? (Ketawa)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak payah jawablah. (Ketawa)

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, itu terserahlah kepada penafsiran kita yang waras. Saya cuma mempersoalkan kalau dahulu bermati-mati dia mengatakan berbagai dasar Kerajaan zalim, menindas dan Dasar Pendidikan Negara zalim dan sebagainya hingga menyebabkan orang takut tinggal di sini kerana tidak mempunyai masa hadapan, sebab itu berhijrah, sebab itulah dikaitkan dengan exodus, dengan izin, penghijrahan, pengaliran brain-drain ke luar negara, sekarang ini mengapakah beliau pula mendesak Kerajaan supaya memujuk? Soalan saya itu sahaja. Oleh kerana itu, saya ingin bertanya, tidakkah ini bukti bahawa negara sekarang ini memang benar-benar negara yang tenteram, negara yang adil. Tidakkah ini benar-benar membuktikan bahawa rumput yang hijau di seberang negara yang dahulunya dilihat oleh rakyat Malaysia yang berhijrah itu sebagai lebih hijau dari negara ini, sebenarnya yang seberang laut itu rumput hijau yang beracun. Itu sahaja soalan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya memang amat gembiralah kalau berita yang dibawa oleh saudara Ketua Pembangkang itu adalah berita yang sahih bahawa ramai rakyat Malaysia yang telah keluar negara mahu balik. Saya rasa ini juga membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia adalah merupakan satu Kerajaan yang tidak mencanggahi hak asasi manusia. Sebaliknya, kalau betul sebagaimana yang kita lihat daripada liputan media cetak dan media elektronik, bahawa memang ada penindasan-penindasan di negara-negara lain sekarang ini walaupun mereka mendakwa sebagai pengamal hak asasi manusia yang paling tulen dalam dunia ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, seterusnya di dalam membahaskan perkara ini, saya ingin menyentuh mengenai ucapan seorang Ahli yang khusus, iaitu Ahli DAP dari Bayan Lepas, yang cuba mengaitkan kegagalan perpaduan

kepada bentuk-bentuk pengenalan ras ataupun kaum. Beliau mengatakan bahawa beliau adalah hipokrit kalau tidak mengatakan bahawa pengenalan kaum itu adalah batas kepada perpaduan. Ini adalah satu perkara yang amat memalukan dan perkara-perkara yang serupa pernah dikeluarkan oleh pihak parti yang sama pada berpuluh-puluh tahun yang dahulu.

Umpamanya, ada yang mengatakan dalam Berita Harian 27 Mac 1969 di mana kepala beritanya mengatakan "Bumiputera dan Bukan Bumiputera—DAP Bidas". Berita Harian 25 Februari 1969 jodol beritanya "Bumiputera—DAP Usul Ganti Dengan Malaysia". Utusan Malaysia 3 Ogos 1978 "Taraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera Tak Sesuai Lagi—DAP".

Dalam perbahasan Dasar Pembangunan Nasional yang baru lalu, seorang Ahli DAP bangun di dalam Dewan ini dan mengatakan dia malu ada pengenalan ras di dalam negara ini. Oleh kerana ada kaum yang bernama Melayu, ada kaum yang bernama Cina, yang bernama India, Iban, Kadazan dan sebagainya inilah sebab perpecahan, katanya. Ini tidak benar. Perpecahan lahir di pemikiran kita. Sama juga dengan perpaduan. Cuma mana yang mana satu sahaja pilihan kita ke arah itu, dan Barisan Nasional memilih ke arah perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara-perkara dan suara-suara seperti ini akan terus tenggelam. Marilah kita sama-sama di dalam Dewan ini menyatukan pemikiran dan tindakan kita supaya perpaduan negara tidak lagi dipersenda-sendakan, malahan usaha Barisan Nasional ke arah perpaduan negara akan terus mendapat sokongan, dan restu dari rakyat jelata seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ada lagi orang-orang yang mahu mengatakan bahawa pengenalan kaum Melayu, Bumiputera, India, Cina, Kadazan dan

Iban itu adalah sekatan kepada perpaduan, orang-orang ini adalah orang-orang yang sedang dijangkiti oleh sindrom lupa sejarah, orang yang tidak mahu mengenal sejarah kebangkitan kebangsaan, kebangkitan kemerdekaan, sejarah penggubalan Perlembagaan, sejarah perpaduan dan tolak ansur di sebalik penggubalan Perlembagaan, sejarah-sejarah di sebalik Rukunegara dan sebagainya. Orang-orang ini bukan sahaja umpama kacang yang lupakan kulit tetapi juga serupa dengan pelandok yang lupakan jerat. Kalau orang itu kebetulannya orang Melayu, dialah orang yang lupa kepada keindukan bahasa Melayu, bangsa Melayu, sejarah Melayu dan budaya Melayu yang kebetulannya menjadi tunjang, menjadi teras kepada keseluruhan kebangkitan dan dasar-dasar negara selama ini.

Orang-orang yang seperti ini juga adalah orang yang sedang dijangkiti oleh sindrom 'sungar'. Perkataan 'sungar', Tuan Yang di-Pertua, adalah satu perkataan purba yang telah dikumpulkan oleh Badan Persuratan Bahasa Melayu DiRaja Johor pada tahun 1888—'s-u-n-g-a-r'. Saya takut Ahli DAP dari Bayan Lepas bukan sahaja sedang dijangkiti penyakit sindrom lupa sejarah, tetapi juga sedang digugat oleh sindrom sungar. Sungar ertinya ialah.....

**Tuan Chian Heng Kai:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Mertajam bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya rasa dia tak faham perkataan 'sungar', Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya meneruskan percakapan saya ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tak benarkan, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tak berani!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** I think you are of no match. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya memintalah janganlah kata 'tak berani'. Kalau kedua-dua pihak berani, bolehlah saya aturkan supaya boleh berlawan (*Ketawa*) dan sebagainya. Berlawan apa pun tak apalah, jangan berlawan dalam ini sudahlah, di luar kita berlawan. Jangan cakap tak berani.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Barisan Nasional tetap berani kerana hari ini pun kita ada penamaan calon pilihanraya kecil di mana DAP mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, sungar ertinya percakapan dan laku sombong tidak mengambilkira orang. Itulah erti perkataan Melayu purba. Jadi, orang yang sedang dijangkiti sindrom sungar adalah seorang yang berlaku sombong, tidak mengambilkira pandangan orang lain, tidak mengambilkira realiti, tidak mengambilkira hakikat kebenaran yang berlaku di sekitar sejarah dan masyarakatnya. Jadi, saya harap faham-fahamlah saudara saya, khususnya sahabat saya dari Bayan Lepas. Bebaskanlah diri saudara dari kesungaran dalam hidup dan dari terus dijangkiti sindrom lupa sejarah. Sekaligus dengan itu saya juga mendoakan agar Tuhan mengubahkan hatinya supaya tetap bangga menjadi anak Melayu, kerana Melayu adalah bangsa perwira, Melayu pantang berundur, Melayu memang tetap setia, Melayu tidak akan membenarkan mana-mana pihak sekalipun untuk dirinya diperbodoh-bodohkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cukuplah, bawalah perkara-perkara lain. Sebolehnya mintalah bawa kepada Rancangan Malaysia Keenam. (*Ketawa*)

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mempersoalkan hal ini oleh kerana ini berkaitan dengan Rancangan Malaysia Keenam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kesemua bersangkutan tetapi tak ada siapa pun yang bercakap berkenaan Rancangan Malaysia Keenam itu apa yang ada dalam usul kita ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam memperkatakan perpaduan saya ingin mencadangkan satu perkara, iaitu kita harus dan perlu adakan mobilisasi sosial yang lebih aktif di dalam negara kita sekarang. Kita harus melancarkan strategi dan tindakan supaya rakyat jelata kita didedahkan dengan lebih sejelas-jelasnya mengenai sejarah perjuangan bangsa kita, sejarah perjuangan kemerdekaan, sejarah penggubalan Perlembagaan dan bagaimanakah Rukunegara yang menjadi landasan kepada dasar-dasar Kerajaan hari ini telah dilahirkan. Ini pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah amat perlu supaya rakyat dapat membukakan dada mereka dengan lebih positif, dengan lebih harmoni oleh kerana kepositifan dada dan pemikiran serta keharmonian tindak-tanduk itu adalah salah satu input yang diperlukan untuk perpaduan negara.

Saya juga sama-sama ingin merayu supaya peranan perpaduan ini dapat dimainkan bukan sahaja oleh pihak Kerajaan tetapi juga oleh mana-mana badan dan sektor sukarela yang mungkin telah wujud ataupun perlu diwujudkan. Umpamanya, sekarang ini kita mempunyai sektor Rukun Tetangga. Saya mendengar Warta Berita Radio, semalam saya rasa, di mana Menteri yang berkenaan mengatakan sekarang ini terdapat salahfaham bahawa sektor

Rukun Tetangga itu masih lagi dikaitkan dengan keselamatan. Sebenarnya, kata beliau, Rukun Tetangga adalah berkaitan dengan perpaduan. Kalau begitulah keadaannya, saya mendesak supaya sektor Rukun Tetangga ini kita lihat semula, kita kaji dan kita selaraskan fungsinya serta tindakannya supaya selaras dengan kehendak-kehendak negara untuk memesatkan lagi perpaduan rakyat.

Seterusnya, saya juga berharap agar peranan-peranan memupuk perpaduan ini, dengan izin, di"spell out" ataupun dijelaskan dengan khusus kepada mereka yang mengendalikan dunia swasta, khususnya perkilangan. Kita tahu berpuluh ribu generasi muda Malaysia bekerja di kilang. Mereka ini sekarang ini seolah-olah menjadi generasi yang terasing, dengan izin, isolated society. Mereka dengan budayanya, tak kisah dunia luar; balik, naik bas, turun, terus balik, tidur, esok pagi pergi kerja. Mungkin kalau adapun usaha ke arah interaksi antara insani di kilang itu, saya kurang pasti sama ada penekanan (emphasis) terhadap perpaduan itu menjadi asasnya. Kalau begitu, saya harap kita jelaskan kepada sektor swasta, di samping menyumbang kepada kemajuan negara, mereka juga harus memainkan peranan mempunyai sosial obligasi supaya mereka juga menitikberatkan perpaduan sebagai salah satu usaha interaksi pekerja-pekerja di kilang. Pada waktu yang sama, pihak swasta juga harus memainkan peranan ketatanegaraan supaya pekerja-pekerja yang dalam umur yang masih belia dan diasingkan menjadi pekerja dengan budaya sendiri itu juga akan mendapat pendedahan (exposure) secara rasmi mengenai sejarah-sejarah kebangunan negara dan kebangkitan negara kita, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya saya ingin membincangkan mengenai belia. Di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang

Kedua, Dasar Pembangunan Nasional serta Rancangan Malaysia Keenam, kita memang mempunyai satu pandangan yang amat berat terhadap kebangkitan sumber manusia.

Apabila kita mahu membangunkan sumber manusia, khususnya kita melihat ke arah remaja dan belia. Sewaktu membentangkan ucapannya di Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri mengatakan setiap tahun lebih kurang 240,000 anak-anak meninggalkan sekolah, iaitu lepasan sekolah. Anak-anak ini belum lagi belia. Mereka masih lagi di dalam alam remaja. Anak-anak yang berada di alam remaja ini selalunya adalah anak-anak yang jiwanya masih lagi terlalu sensitif. Mungkin, kadangkala mereka ini adalah dari golongan yang mudah tersentuh apabila ditegur dan dinasihati. Anak-anak ini, setelah keluar dari payung yang formal, daripada pendidikan yang formal pulang kepada pangkuan institusi masyarakat, tidak ada mana-mana pun badan yang formal untuk melihat mereka.

Kalau mereka memilih untuk bekerja, mereka masuk ke aliran tenaga kerja yang bekerja di kilang-kilang. Kalau tidak mereka akan menjadi seolah-olah masyarakat yang terapung, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya harapkan Kementerian Belia dan Sukan, di samping melaksanakan Pelan Induk Belia Negara yang mempunyai strategi-strategi yang memfokuskan patriotisme, kreativiti dan sebagainya, janganlah kita lupakan anak-anak remaja yang ditakuti menjadi generasi yang terapung ini.

Saya harap, selaras dengan Pelan Induk Belia Negara, kita lihatlah kedudukan pejabat-pejabat Belia dan Sukan di daerah-daerah. Seorang pegawai belia dengan dua orang kerani, itulah tugas untuk membangunkan seluruh belia yang akan mewarisi hidup generasi 2020. Ini saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, harus diberi satu pembelaan yang sewajarnya. Oleh itu, saya harap

diwujudkan pembantu ataupun Pegawai Pembangunan Belia, atau Youth Development Officer, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sama selaras dengan Pegawai Pemaju Masyarakat yang ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, supaya mereka akan lebih mendampingi belia-belia akar umbi yang terapung di kampung-kampung, yang duduk di tembok tanpa siapa mahu memberi perhatian dengan cara yang tersusun, dengan psikologi yang betul dan sebagainya. Pegawai-pegawai ini saya harap akan dapat mendorong belia ataupun golongan remaja ini ke arah saluran-saluran yang membawa manfaat dengan bekal dada yang penuh terhadap perjuangan dan hidup.

Di samping itu juga saya minta pegawai-pegawai belia di peringkat daerah itu dipertingkatkan oleh kerana umpamanya di daerah saya di Batu Pahat, terdapat tiga kawasan Parlimen di Batu Pahat iaitu Batu Pahat sendiri, Sri Gading dan Parit Sulong, tetapi hanya terdapat seorang pegawai belia untuk menyelaraskan gerakan-gerakan belia dengan berkesan dan efektif. Ini saya rasa agak mustahil untuk dilakukan. Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara ini akan dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak yang berkuasa. Begitu juga mengenai kemajuan mentaliti belia untuk anak-anak dan adik-adik kita yang bekerja di kilang-kilang. Sama kedudukannya sebagaimana penerapan perpaduan di kilang-kilang tadi. Perkara ini juga harus diberi emphasis.

Dengan doa semoga Kerajaan Barisan Nasional akan menangani pembangunan negara ini dengan penuh cermat dan penuh dedikasi untuk bangsa, agama dan tanahair, maka Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Marang.**

3.54 ptg.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Wassalamu-'alal-manitta-maal-huda.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah kesinambungan daripada pelaksanaan dasar yang sama seperti rancangan-rancangan sebelumnya di mana masih menunjukkan keyakinan kepada sistem ekonomi kapitalisme yang berteraskan kepada materialisme, cuma yang diubah make-upnya sahaja tanpa memberi perhatian yang serius kepada perkara-perkara negatif daripada rancangan sebelumnya. Oleh itu, kita bimbang akan berulangnya penyelewengan dan kegagalan-kegagalan yang lalu tanpa dapat menyelesaikan masalah yang sedia ada, bahkan akan ditambah dengan masalah baru muncul sekiranya pihak Kerajaan masih terus dengan sikap yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan MPEN yang dibahagikan, terdapat pendedahan adanya kebocoran-kebocoran dan penyelewengan-penyelewengan dalam pembangunan negara, tetapi sehingga ini tidak ada suatu tindakan yang berkesan dan adil terhadapnya sehingga dapat mengatasi kelemahan dan penyelewengan yang berpunca daripada dasar yang salah dan pelaksanaan yang silap ataupun tindakan yang memberi keyakinan kepada kita untuk kejayaan Rancangan Malaysia Keenam yang dikemukakan.

Prinsip kebendaan terus menjadi akidah dan matlamat, bukannya alat untuk hidup terus-menerus ditonjolkan di mana akan membawa kepada keruntuhan nilai manusia apabila mereka dikuasai oleh kemahuan benda semata-mata, bukannya untuk mentadbir benda dan mengurusnya dengan cara yang betul dalam pembangunan negara.

Dengan tidak menafikan bahawa unsur kebendaan adalah perkara yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Apabila kebendaan dijadikan prinsip, tidak dijadikan alat, maka masalah keadilan, keikhlasan dan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara tidak berlaku dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam akan menerima nasib yang sama dengan rancangan-rancangan sebelumnya apabila masalah-masalah seperti halal dan haram tidak diambilkira, rasuah, penyalahgunaan kuasa, jenayah perdagangan, gelagat naungan politik, politik perniagaan, keruntuhan akhlak dan lain-lain tidak boleh diatasi. Kerana kita perlu memahami bahawa kejayaan sesuatu perancangan itu bukannya bergantung kepada modalnya yang besar, yang banyak semata-mata, tetapi lebih banyak juga bergantung kepada dasarnya yang benar dan perlaksanaannya yang betul.

Dalam persidangan ini kita baru sahaja meluluskan Rang Undang-undang yang berkait dengan satu jenis perjudian. Dimasa banyaknya desakan supaya diharamkan semua jenis judi oleh berbagai-bagai lapisan masyarakat dan kalangan politik Kerajaan dan Pembangkang dari penganut berbagai-bagai agama dan banyak kenyataan berkenaan dengan penerapan nilai-nilai Islam yang sepatutnya tegas dalam perkara yang nyata haramnya menurut ajaran semua agama. Ada pun alasan kononnya ke arah untuk mengawal perjudian dan memberteraskannya hanyalah hujah seperti 'Pak Pandir dan Burung Kakaktua' yang tidak mengerti apa yang diucapkan dan untuk menyembunyikan matlamat mahu wang semata-mata tanpa nilai halal dan haram. Usaha ke arah menghapuskan dan riba' tidak menggalakkan dengan hanya menubuhkan Bank Islam yang dikawal oleh Akta Bank yang tidak membenarkan beroperasi secara Islam seluruhnya kepada Bank Islam kerana

menghormati bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang dimonopoli oleh golongan kapitalis yang banyak memberi sumbangan dalam masa pilihanraya untuk menanggung di air jernih dan keruh selepas pilihanraya dan membiayai lawatan-lawatan pemimpin-pemimpin kerajaan ke luar negeri untuk mudah mempengaruhi selepas pulang nanti. Walaupun banyak melahirkan usahawan-usahawan dan jutawan-jutawan baru, tetapi di kalangan mereka yang banyak hutang dan mudah diperas ugut untuk melompat kepada parti Kerajaan atau menahan daripada melompat ke arah parti Pembangkang, perlu difahami dan dimengertikan bahawa pembangunan yang benar-benar bertanggung-jawab wajiblah berlunaskan nilai-nilai rohaniah dan etika yang menjamin berlakunya keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, skandal BMF dan skandal-skandal yang sepertinya tidak ada apa-apa tindakan yang tegas yang memberi keyakinan, hanya tinggal laporan-laporan yang banyak disembunyikan tanpa pengadilan untuk memberi perlindungan kepada mereka yang mempunyai kedudukan dan peranan kepada Kerajaan dan seterusnya tunggulah perkara-perkara seperti ini akan berulang pula dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam.

Sekiranya tindakan ke atas jenayah-jenayah besar di masa lalu diberi perlindungan dan seluruh dunia bertanya mengapa Kerajaan takut kepada penubuhan badan bebas untuk membicarakan kes-kes seperti itu dan ini menimbulkan kurang yakin bukan sahaja kepada rakyat, tetapi kepada pelaksana Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kebocoran yang terdedah dan terpampang luas ialah penyalahgunaan kuasa dalam bentuk naungan politik atau naungan Lembaga Pengarah atau Pengarah Eksekutif di dalam syarikat awam atau koperasi. Pemilihan individu

yang menjadi pemimpin parti secara langsung atau tidak langsung untuk memegang jawatan-jawatan tertentu dan pembahagian kekayaan yang dipengaruhi oleh persekongkolan politik dengan perniagaan ataupun penglibatan parti politik pemerintah dalam perniagaan sehingga berlakunya percanggahan kepentingan yang akan menjejaskan proses membuat keputusan yang adil dan wajar dalam pembangunan ekonomi negara. Berlakunya penyelewengan, pilih kasih dan ketidaksamaan peluang dan persaingan yang adil dalam perniagaan ini semua menjadi perkara yang juga menjejaskan slogan 'Masyarakat Penyayang' dan menjejaskan perpaduan negara yang menjadi salah satu daripada matlamat Dasar Ekonomi Negara.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan ahli-ahli politik, juga parti-parti politik yang memerintah secara langsung atau tidak langsung dalam merebut kepentingan ekonomi menjadi salah satu punca gagalnya Dasar Ekonomi Baru mencapai matlamat yang diharapkan. Penglibatan ini telah menjadi budaya yang mencengkam dan tidak menyenangkan rakyat umum sama ada di kalangan satu kaum atau semua kaum. Bahkan kadang-kadang satu parti pun tidak menimbulkan kepercayaan di antara satu sama lain. Nepotisme dan Kronisme yang diamalkan oleh mereka yang mempunyai kuasa dan pengaruh menghalang negara untuk membawa dasar ekonomi kepada matlamatnya yang diharap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar penswastan yang digalakkan sangat membimbangkan apabila ia lebih memberi faedah kepada golongan kapitalis di dalam Kerajaan atau yang mempunyai hubungan dengan Kerajaan, di mana rakyat termiskin dan miskin terus dalam tahap yang lama supaya

senang dibeli undinya dalam masa pilihanraya. Mereka terus menerus menjadi mainan golongan-golongan terkaya yang memiliki industri-industri yang besar dan kecil sehinggalah mereka yang menjadi peneroka di tanah-tanah rancangan yang diswastakan kepada kapitalis-kapitalis besar walaupun ada teori untuk memberi saham kepada peneroka-peneroka, tetapi mereka terus menerus tidak menjadi tuan tanah, tetapi menjadi kuli-kuli dan hamba abdi kepada pihak majikan dan susah untuk memiliki tanah walaupun untuk tempat tinggal dan untuk kuburnya setelah meninggal dunia, kalaulah ditakdirkan tidak ada tanah perkuburan umum. Dan bila berlakunya sesuatu tindakan ke atas mereka, umpamanya mereka dipecat daripada menjadi peneroka, maka di sana tidak ada jaminan bagi mereka untuk meneruskan hidup, dan apabila berlakunya hal-hal yang seperti ini maka akan berlaku kean-kesan sampingan yang tidak baik apabila orang yang dipecat itu tidak dapat menyelesaikan masalah hidup. Apakah ini terpengaruh dengan sistem Commune yang diilhamkan oleh Yahudi dan Komunis yang dibedakputihkan dengan nasionalisme Melayu sedangkan kita melihat kegagalan ideologi komunisme dan keruntuhannya sedikit demi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan masih belum dapat menyelesaikan masalah rakyat yang tidak bertanah walaupun untuk kais pagi dan petang di atas tanah itu, tetapi dengan mudah memberi hak kepada kalangan-kalangan tertentu untuk menguasai tanah dan mengambil balik tanah rakyat yang telah sedia ada dengan bayaran yang tidak membolehkan mereka untuk membeli tanah yang lain dan mungkin tidak dapat menyelesaikannya lagi masalah harga yang berpatutan di mahkamah. Di manakah kita meletakkan galakan yang dianjurkan oleh Islam oleh Rasulullah s.a.w. supaya umatnya memakmurkan tanah, supaya manusia memakmurkan tanah dengan sabdanya yang bermaksud:

“Sesiapa yang menghidupkan tanah yang mati, yakni yang tidak bermilik maka menjadi miliknya”, di mana tanggungjawab Kerajaan ialah mengawasinya, bukan menyekat dan menutup keperluan rakyat kepada tanah. Sangat malang apabila pelabur-pelabur asing lebih mudah daripada rakyat termiskin untuk mendapat tanah.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh kebocoran yang ketara di masa lalu di peringkat bawahan ialah satu peristiwa yang berlaku di Terengganu yang kaya dengan minyak, tetapi rakyatnya ramai yang miskin. Apabila nelayan yang diberi latihan dan kursus untuk mengharungi laut dalam di samping dia telah mempunyai pengalaman sebagai nelayan membuat permohonan untuk mendapat lesen dengan mendapat sokongan daripada pegawai-pegawai perikanan tempatan yang mengenalinya dan mengetahui latarbelakangnya dan mencukupi syarat-syaratnya, tetapi permohonannya tidak berhasil.

Nelayan itu di antaranya ialah saya sebutkan namanya, seorang yang bernama Ghazali bin Ngah, dari Kampung Perupuk, Anak Ikan, Besut dan seorang lagi bernama Omar bin Sulung dari Kampung Kuala Ibai, Kuala Terengganu, tetapi Kerajaan terlalu mudah memberi lesen kepada bot kepunyaan orang-orang tertentu seperti yang menjadi milik kepada Syarikat KNI dan memudahkan kepadanya melakukan operasi yang menyalahi kepentingan nelayan-nelayan kecil kepada syarikat-syarikat seperti KNI yang berusaha sama dengan pihak Thailand yang banyak menyeludup hasil tangkapan di perairan Malaysia dan dibawa ke Thailand dan Singapura dan menjadi masalah kepada pegawai-pegawai kerana ia mungkin mendapat perlindungan gergasi-gergasi politik yang ada di Malaysia. Diberitakan seringkali berlaku dua daripada tiga buah bot-bot besar pergi ke Singapura atau ke Thailand untuk menjual hasil tangkapan tanpa apa-apa bayaran cukai

kepada Kerajaan Malaysia. Bahkan mendapat subsidi minyak daripada taukeh-taukeh besar di negara-negara asing itu. Seringkali bot-bot laut dalam kepunyaan orang-orang tertentu ini berbeza dengan nelayan-nelayan kecil yang seringkali menjadi mangsa tindakan undang-undang sarang labah-labah, yang kecil melekat, yang besar bebas seperti yang dikenakan bayaran kompaun pada hal bot-bot kepunyaan sigergasi terlepas daripada tindakan undang-undang.

Soalnya, adakah perkara-perkara seperti ini akan dilangsungkan, akan diteruskan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam nanti. Kalau dibiarkan, maka tunggulah berlakunya amaran Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Sesungguhnya binasalah umat yang dahulu daripada kamu kerana tindakan mereka apabila orang-orang bangsawan mencuri, mereka biarkan dan apabila orang-orang yang lemah mencuri, mereka jatuhkan ke atasnya hukuman hudud."

Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan telah membuat kenyataan akhbar bahawa kira-kira 80% lesen bot laut dalam di negeri ini dimiliki oleh orang-orang Kerajaan dan orang-orang politik yang tertentu dan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh ahli-ahli perniagaan, bukan di kalangan nelayan. 600 daripada lesen bot laut dalam yang dikeluarkan sebahagian besarnya kepunyaan golongan berkenaan. Ada pemilik bot laut dalam yang berkenaan mengalibabakan lesen dengan menyerahkan bot berkenaan kepada nelayan untuk menangkap ikan, di mana pemilik bot berkenaan mengaut untung di atas angin tanpa mengeluarkan setitik peluh pun dan selamat dari sebarang tindakan. Bot tersebut didaftarkan di Malaysia tetapi mendaratkan hasil tangkapannya ke negeri lain. Maka, jika sekiranya ini berlaku, matlamat membantu meningkatkan taraf hidup nelayan hanya menjadi cakap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cara yang tidak bermoral dan membocorkan matlamat dasar ekonomi dan menyeleweng daripada matlamatnya yang disebut-sebut.

Satu perkara yang mendukacitakan ialah berita adanya calon-calon mahasiswa yang tidak mendaftarkan diri untuk melanjutkan pelajaran mereka ke universiti-universiti tempatan kerana mungkin menghadapi masalah kenaikan yuran. Adakah kerana negara dilanda oleh masalah ekonomi yang mendesak sehingga menaikkan yuran di tengah pemimpin-pemimpin yang menyatakan kita sudah maju.

Kita perlu menyedari bahawa membenarkan pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran mereka adalah lebih penting daripada menaikkan yuran. Terdapat penekanan pembinaan pusat-pusat pengajian tinggi dalam Rancangan Malaysia Keenam, tetapi ia lebih memberi penekanan kepada pembinaan kampus-kampus universiti, sepatutnya hendaklah juga diberi perhatian kepada membantu pelajar-pelajar yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat pula pengabaian pembangunan di antara wilayah di mana enam buah negeri telah dikenalpasti mempunyai rakyat yang termiskin. Begitu ramai jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia, negeri-negeri itu ialah Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah, Sarawak dan Sabah. Apa yang menjadi persoalan ialah tiga buah negeri daripada negeri-negeri tersebut merupakan negeri yang kaya dengan hasil buminya seperti minyak dan balak menjadi sumber utama negara, sepatutnya negeri-negeri itu mencapai tahap pembangunan yang membanggakan tetapi kemiskinan di kalangan rakyat bawahan masih berterusan. Hanya sedikit sahaja perubahan yang berlaku, oleh itu pengagihan Kerajaan Pusat kepada negeri-negeri yang berkenaan perlu

dikaji semula kerana masih ada perkara yang tidak betul di antaranya mengutamakan projek-projek mewah seperti pembinaan padang golf seperti yang berlaku di Terengganu, kalau boleh mahu mengadakannya di tiap-tiap daerah di mana manfaatnya hanya untuk segelintir manusia sahaja bukannya untuk rakyat miskin. Dan kita melihat bagaimana Terengganu mendapat hasil yang banyak, mungkin Kerajaan melihat secara umum Negeri Terengganu itu kaya dan mempunyai pandangan masa depan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pohon penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat. Sedarkah Yang Berhormat bahawa padang golf yang dibuat di Terengganu bukan dari peruntukan Kerajaan tetapi 100% diswastakan.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun ianya diswastakan tetapi Kerajaan mengizinkan projek-projek yang mewah seperti itu. Dan sepatutnya pihak swasta hendaklah digalakkan supaya menganjurkan projek-projek yang menolong rakyat miskin dan termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Kerajaan terpengaruh dengan pendapatan hasil negeri yang banyak dengan tidak menyedari umum rakyat dan masih ramai rakyat miskin yang tidak terbela. Kita melihat peruntukan yang diberi dalam Rancangan Malaysia Keenam seperti yang dilaporkan dalam Kertas Perintah 9 (Rancangan Malaysia Keenam) ini, kita melihat peruntukan yang diberikan oleh Persekutuan kepada

negeri terdapat berkurangan kepada negeri-negeri yang sepatutnya ditambah. Negeri-negeri yang menghadapi masalah kemiskinan diberi kurang daripada Rancangan Malaysia Yang Kelima, sepatutnya ia ditambah lebih banyak lagi. Di sana ada pula pelbagai negeri-negeri di mana dijelaskan projek-projek pelbagai negeri adalah projek-projek yang memberi faedah kepada seluruh negara dan lokasinya tidak dapat ditentukan. Kita bimbang di antara lokasi yang tidak dapat ditentukan itu ialah digunakan dalam pilihanraya-pilihanraya kecil seperti di Prai dan mungkin lagi di Limbongan dan di Sungai Pinang. Ini yang membimbangkan kita, apabila ianya tidak dijelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, keruntuhan moral di semua peringkat masih berlaku, boleh membantutkan kejayaan rancangan yang dikemukakan, di mana suatu undang-undang yang berkesan untuk mengatasinya tidak dilaksanakan. Walaupun ada undang-undang dan penguatkuasaannya, tetapi perlu diketahui bahawa undang-undang yang bersifat lahiriah tidak menggerunkan manusia walaupun ianya keras. Pemisahan undang-undang dengan agama menyebabkan undang-undang itu tidak berkesan walaupun ianya secara kebetulan bersamaan dengan hukum-hukum Islam tetapi tidak berdasarkan Islam, contohnya undang-undang mencegah rasuah, membasmi dadah dan lain-lain. Seseorang itu bukan sahaja perlu mengetahui ianya menyalahi undang-undang tetapi juga haram disisi agama dan undang-undang itu juga ialah sebahagian daripada agama. Apabila undang-undang itu bersifat ciptaan manusia, maka di sana ada manusia yang mengatasi undang-undang dan penguatkuasa undang-undang pula kadang-kadang ditakut-takutkan sehingga mereka tidak lagi mempunyai kewibawaan untuk bertindak. Apabila bertindak ke atas orang-orang yang tertentu dengan cepat, dia ditukar ke jawatan lain atau ke tempat lain. Ada

undang-undang yang tegas terhadap sebahagian daripada kesalahan-kesalahan moral dan kadang-kadang melampau ketegasannya, seperti undang-undang dadah, dan sebahagiannya tidak tegas dan longgar seperti arak, judi dan pelacuran. Bahkan undang-undang yang tegas itupun tidak menepati ajaran Islam.

Saya tetap menyatakan bahawa hukuman mandatori ke atas pengedar dadah, ke atas pemilik senjata api yang tidak berlesen adalah tidak menepati dengan ajaran Islam dan Islam tetap mengharamkan dadah dan pengedarannya, menyalahgunakan senjata tidak diizinkan. Tetapi perlu difahami bahawa tindakan yang dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan jenayah dan sebagainya menurut hukum atau undang-undang Islam itu terbahagi kepada dua jenis. Pertama, hukuman yang ditetapkan secara putus oleh nas-nas Al-Quran dan Hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Apabila memenuhi syarat-syaratnya iaitu Hukum Kisas di antaranya hukuman bunuh kepada yang membunuh dengan sengaja dan tujuan membunuh. Dan Hukum Hudud kepada kesalahan Murtaad, berzina, menuduh berzina tanpa saksi dan bukti, mencuri, merompak dan meminum arak.

Yang kedua, hukuman yang tidak ditetapkan secara putus oleh nas Al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w. yang dinamakan 'takzir' di mana ianya diserahkan kepada kebijaksanaan pemerintah sama ada sebat, memenjara, mengenakan denda, membuang daerah, memberi amaran—menurut Mazhab Shafie dan Hambali tidak sampai kepada hukuman bunuh. Dan menurut Mazhab Hanafie dan Maliki sampai kepada peringkat bunuh menjadi penyelesaian akhir bukannya hukuman mandatori.

Kerajaan perlu mengkaji semula hukuman mandatori yang dikenakan kepada kesalahan-kesalahan tersebut kerana ianya tidak menepati hukum Islam. Sabda Rasulullah s.a.w.

maksudnya, 'Kesilapan seseorang hakim membebaskan orang yang bersalah lebih baik daripada kesilapannya menjatuhkan hukuman ke atas orang yang tidak bersalah.' Maka kesilapan menjatuhkan hukuman bunuh kepada orang yang tidak sepatutnya dijatuhkan hukuman bunuh adalah sangat besar dosanya, dan lebih baik kalau tersilap tidak menjatuhkan hukuman bunuh ke atas orang yang sepatutnya dibunuh. Saya tidak tahu apakah mazhab yang dianut oleh Kerajaan berhubung dengan perkara itu dan alasan menurut Hukum Syarak tidak pernah diberi oleh ulama UMNO yang menyokong apa sahaja tindakan yang diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan undang-undang itu dikuatkuasakan bukannya semata-mata untuk bertindak tetapi lebih penting daripada itu ialah mendidik masyarakat dan anggotanya di semua peringkat, pemimpin dan rakyat sehingga berkesan di dalam hati mereka. Undang-undang yang tidak berlandaskan unsur keimanan dan kerohanian tidak dapat mengubah hati dan fikiran masyarakat tetapi hanya bertindak ke atas individu yang melakukan kesalahan secara langsung sahaja. Islam telah menetapkan bahawa salah satu daripada hikmat undang-undang itu ialah pengajaran kepada masyarakat, bukan sahaja kepada individu yang melakukan kesalahan. Ada undang-undang yang tegas, yang kelihatannya keras dan ada undang-undang yang lembut yang tidak ada jalan melainkan menggunakan cara yang keras maka hendaklah dengan cara yang keras. Dan di sana ada yang perlu dilakukan secara berlembut hendaklah secara berlembut. Sebagai contohnya Islam mengenakan undang-undang yang keras terhadap pencurian, terhadap perzinaan kerana tidak ada penyelesaian melainkan dengan cara itu. Dan Islam mengenakan peraturan yang kelihatannya lembut dalam masalah menghapuskan hamba abdi di zaman penggunaan hamba abdi. Islam tidak

menyatakan bahawa ia mengharamkan hamba abdi tetapi mengenakan syarat-syarat yang ketat kepada sesiapa yang memiliki hamba abdi. Dan mengenakan hukuman membebaskan hamba abdi kepada sesiapa yang melakukan kesalahan-kesalahan yang tertentu dan menjanjikan kurniaan yang besar dari Allah kepada sesiapa yang memerdekakan hamba abdi.

Abraham Lincoln di Amerika meluluskan undang-undang yang keras untuk mengharamkan hamba abdi. Kita melihat apa yang berlaku di dalam masyarakat Islam, mengabdikan orang dapat dihapuskan dan orang yang berketurunan hamba abdi diberi kedudukan yang sama dengan anggota masyarakat yang lain dan kita lihat apa yang berlaku di Amerika walaupun mereka menguatkuasakan undang-undang mengharamkan penggunaan hamba abdi tetapi kedudukan masyarakat Negro di Amerika adalah seperti hamba abdi dan diperlakukan sebagai hamba abdi. Menunjukkan bahawa unsur-unsur kerohanian merupakan perkara yang sangat penting di dalam melaksanakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan undang-undang mencegah rasuah tidak berjaya tanpa mengaitkan aspek Islam di dalamnya. Begitu juga dengan kesalahan-kesalahan dan penyelewengan yang lain sama ada jenayah pentadbiran, jenayah perdagangan dan lain-lain kerana tanpa Islam, maka berlakunya tidak adil dan diskriminasi di dalam perlaksanaannya dan tidak membangkitkan kesedaran di dalam hati segenap lapisan masyarakat.

Keadilan adalah satu perkara yang wajib ditegakkan di dalam semua aspek hidup manusia kerana ia menjadi faktor yang penting untuk mengubah sikap dan hati manusia. Pembahagian benda tanpa keadilan tidak akan dapat menjinakkan hati-hati manusia ke arah mewujudkan perpaduan. Sebagaimana dinyatakan

oleh Al-Quran yang bermaksud: "Sekiranya engkau membelanjakan seluruh hartabenda yang ada di bumi ini, nescaya engkau tidak dapat menjinakkan hati-hati di kalangan manusia." Kerana hati manusia itu mempunyai perlu kepada kepuasan yang tidak boleh dilakukan melainkan dengan menegakkan keadilan.

Persaudaraan dan sikap bertolong-menolong dan bertanggungjawab di antara satu sama lain untuk menjamin supaya keadilan itu dapat ditegakkan, maka segala perkara yang menghalangnya hendaklah dihapuskan, kalau tidak maka keadilan itu akan dihalang. Umumnya segala perkara yang diharamkan oleh Islam, tegasnya oleh Allah dan Rasulullah s.a.w. mesti mendatangkan mudarat kepada manusia. Tujuan mengharamkannya ialah untuk menghapuskan penghalang kepada keadilan dan kejujuran bagi menegakkannya.

Di antara yang diharamkan oleh Islam ialah riba dan Islam menutup segala pintu yang membawa kepada riba. Firman Allah yang maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan tinggallah sisa-sisa riba, jika kamu orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak mengerjakannya, yakni meninggalkan sisa-sisa riba itu, maka ketahuilah bahawa Allah dan Rasulnya akan memerangi kamu. Dan jika kamu bertaubat, maka bagi kamu tokok harta kamu. Kamu tidak menzalimi dan tidak dizalimi."

Riba adalah punca kezaliman ekonomi dan menghasilkan keburukan-keburukan kepada masyarakat. Di antaranya ialah:

Yang pertama, mengambil kesempatan daripada orang-orang yang terdesak kerana orang-orang yang berhutang, orang-orang yang membuat pinjaman adalah dari kalangan orang-orang yang terdesak.

Yang kedua, menambahkan kekayaan orang yang telah kaya tanpa usaha yang benar dan tanpa bertimbang rasa.

Yang ketiga, menambahkan bebanan kepada orang yang miskin dan memerlukan bantuan.

Yang keempat, mengagihkan kekayaan secara tidak adil.

Seterusnya ternyata sekali bagaimana bank-bank yang mengamalkan riba lebih banyak menghasilkan hartawan-hartawan yang banyak hutang, hartawan yang menjadi muflis dan menunggu untuk menjadi muflis atau disembunyikan muflisnya kerana pangkat dan pengaruhnya masih ada dan sentiasa diperasugut.

Tuan Yang di-Pertua, Islam mengharamkan arak dan judi, bukan sahaja dadah, bahkan lebih najis daripada dadah kerana ia meruntuhkan moral yang melibatkan rumahtangga, politik dan ekonomi negara. Firman Allah yang bermaksud: "Hai, orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, melihat nasib, penyembelihan kepada berhala-berhala itu semua adalah keji iaitu daripada amalan syaitan. Jauhilah kamu akan dia supaya kamu akan mendapat kejayaan".

Firman Allah Subhanahu wa-Taala yang bermaksud: "Mereka itu akan bertanya engkau berhubung dengan arak dan judi. Katakanlah, pada keduanya dosa yang besar daripada manfaatnya bagi manusia dan dosa keduanya lebih besar daripada manfaat keduanya". Soalnya mengapa dadah sahaja yang diharamkan dan dinajiskan, tidak termasuk arak dan judi? Sikap mengharamkan sebahagian dan memberi kebenaran kepada sebahagian daripada maksiat itu membantut usaha mengatasi keruntuhan akhlak. Di samping adanya projek-projek yang boleh mendatangkan maksiat dan menyuburkannya seperti pelancongan tanpa menafikan ianya mendatangkan hasil yang lumayan

dengan kedatangan pelancongan yang ramai, tetapi tanpa membatasi secara berkesan terhadap kesan-kesan sampingan yang negatif terhadap akhlak rakyat, menimbulkan masalah yang menyebabkan Kerajaan akan mengeluarkan belanja yang lebih besar daripada pendapatan melalui pelancongan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di antara kesan-kesan negatif pelancongan bukan sahaja kesan moral tetapi juga kesan ekonomi di mana negara mendapat cukai yang banyak daripada hasil pelancongan. Peniaga-peniaga mendapat keuntungan melalui perniagaan yang laris, tetapi di sana akan berlaku kenaikan harga barang-barang, jika sekiranya tidak diawasi oleh Kerajaan. Paris bandar yang termahal di dunia kerana pesatnya industri pelancongan dan apa yang berlaku di negara kita sebagai contoh di Mersing terdapat kenaikan harga barang-barang kerana di situ menjadi salah satu daripada pengkalan pelancongan. Oleh kerana itu, Kerajaan hendaklah memberi perhatian kepada hal-hal yang seperti ini yang akan membebaskan rakyat walaupun Kerajaan mahu pendapatan yang banyak melalui hasil pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingatkan juga kepada projek-projek pembangunan yang tidak mengambilkira terhadap gangguan kepada alam sekitar di laut dan di darat, seperti pembalakan, perindustrian dan lain-lain yang memberi kesan kepada simpanan air dalam perut bumi seperti yang berlaku di Melaka dan lain-lain yang akan menunggu gilirannya yang tidak mengambil kira faktor-faktor keselamatan seperti kilang mercun di Sungai Buluh dan mungkin ada lagi yang tersembunyi dan Kerajaan sedar setelah ianya meletup. Dan di sana ada projek-projek yang memberi kesan kepada kehidupan laut yang menjadi matapencarian para nelayan seperti projek hotel mewah, padang golf di Pulau Redang dan Langkawi tanpa

kawalan rapi terhadap pukat tunda yang menghapuskan benih-benih hidupan laut dan seterusnya mengubah cuaca negara yang boleh mengancam kesihatan penduduk dan seperti pemunggaan sisa-sisa toxic yang dilakukan oleh kapal yang berulang alik ke Malaysia dan diberitakan terdapat sisa-sisa tersebut yang ditanam di Malaysia ini iaitu di Pantai Remis yang bukan sahaja menjejaskan kepada keselamatan kesihatan penduduk, tetapi kita hendaklah juga sedar Pengkalan Tentera Laut dan Udara berada dalam jarak yang tak berapa jauh dengan Pantai Remis. Kerajaan hendaklah menyedari dan mengambilkira hal-hal yang seperti ini.

Sekiranya kita tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah yang seperti ini, saya bimbang berlakunya untung sekarung, rugi seguni dan tepatnya berlaku firman Allahu-Ta'ala yang bermaksud: "Telah lahirilah kemusnahan/keburukan di darat dan di laut dengan hasil usaha yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia sendiri supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada apa yang dilakukan oleh mereka supaya mereka itu kembali kepada kebenaran".

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah menyedari bahawa di dalam masalah moral juga kita hendaklah mengaitkan dengan masalah kedudukan wanita. Kita tidak menafikan bahawa wanita juga mempunyai hak untuk bekerja termasuk bekerja di kilang-kilang, tetapi apa yang membimbangkan kita ialah pengawasan yang menjamin keselamatan mereka dan kita melihat terlalu mudahnya wanita dipergunakan oleh kalangan-kalangan tertentu untuk perdagangan yang tiada kena-mengena dengan wanita itu sendiri seperti mengiklan barang-barang yang tidak ada kena-mengena dengan wanita itu. Dan banyak lagi hal-hal yang lain dan seterusnya saya suka memberi beberapa peringatan dan cadangan untuk menjayakan matlamat yang sebenar di dalam melaksanakan Rancangan

Malaysia Yang Keenam itu, Kerajaan hendaklah mengambilkira halal dan haram dan aspek-aspek keluruhan akhlak. Kalau tidak, maka segala-galanya tiada keberkatan. Unsur keberkatan adalah suatu perkara yang penting di dalam sistem ekonomi Islam yang tidak ada di dalam istilah ekonomi yang lain daripada Islam.

Kita melihat banyak rakyat yang mencapai kemajuan kebendaan, tetapi tidak ada keberkatan dan kemajuannya kadang-kadang memberi penderitaan kepada rakyat dan membakar diri sendiri.

Kedua, menegakkan keadilan untuk semua kaum kerana manusia bukan sahaja perlu makanan jasad, tetapi mereka juga perlukan makanan roh. Di antara makanan roh itu ialah keadilan.

Ketiga, mengutamakan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan asing.

Keempat, mengembangkan industri secara seimbang serta sesuai dengan keupayaan negara dan selari dengan peningkatan kebolehan rakyat supaya perkembangan industri itu dapat memberi lebih banyak faedah kepada rakyat di negara ini dan bukan untuk faedah yang lebih banyak kepada kepentingan-kepentingan asing dan golongan kapitalis dalam negeri.

Kelima, melaksanakan reformasi tanah yang lebih menyeluruh untuk mengatasi masalah kelaparan tanah, meningkatkan pengeluaran pertanian dan memajukan sektor pertanian keseluruhannya.

Keenam, menentukan bahawa negara ini mencapai tahap kemajuan ekonomi menerusi pendekatan yang realistik dan menghalang campurtangan politik yang berlebihan dalam perancangan dan pelaksanaan rancangan pembangunan.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menyatakan bahawa di antara matlamat Rancangan Malaysia Keenam yang dikemukakan ialah untuk melancarkan matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020. Tetapi apakah prinsip kemajuan itu? Apakah dasar kemajuan itu? Bukan kita mahu kemajuannya sahaja, tetapi mestilah kemajuan yang mempunyai dasar yang betul. Islam mengemukakan dua matlamat yang penting kepada kemajuan yang perlu difahami oleh manusia. Pertama matlamat duniawi dan kedua, matlamat ukhrawi. Matlamat duniawi didasarkan kepada Firman Allah s.w.t.—bermaksud “Apa yang dikurniakan oleh Allah kepada Rasul daripada harta-benda yang diambil dengan cara yang mudah daripada penduduk-penduduk negeri, maka hendaklah bagi Allah, bagi Rasul, menunaikan mengikut kewajipan yang diperintah oleh Allah, yang diperintah oleh Rasul kepada kaum keluarga, kepada anak-anak yatim, kepada orang-orang miskin dan kepada orang yang keputusan belanja di dalam perjalanan, yakni orang-orang yang perlu kepada pertolongan supaya kekayaan itu tidak berkisar di kalangan orang-orang yang kaya sahaja”. Kita mahu supaya kemajuan kebendaan itu tidak dinikmati oleh golongan yang kaya sahaja seperti yang dinikmati oleh banyak negara-negara maju di dalam dunia ini.

Kedua, matlamat ukhrawi, iaitu yang dinyatakan oleh Firman Allah s.w.t.—bermaksud “Orang-orang yang kami berikan kepada mereka kekuasaan di atas mukabumi, mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, yakni menunaikan kewajipan harta-benda dan menyeru kepada yang baik, mencegah kemungkaran dan bagi Allah sahajalah akibat segala urusan”. Setiap orang Islam akan percaya bahawa di antara matlamatnya ialah akan diperhitungkan di hadapan Allah s.w.t. Setiap tindakan, setiap duit yang dibelanjakan akan diperhitungkan di hadapan Allah s.w.t. Di zaman Kerajaan mengemukakan

penerapan nilai-nilai Islam, maka Kerajaan hendaklah bersikap jelas di dalam menyatakan matlamat Rancangan Malaysia yang dikemukakan itu.

Saya rasa itulah sekadar pandangan yang dapat saya berikan. Mudah-mudahan menjadi renungan kepada pihak yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Padang Terap.

**Tuan Wee Choo Keong:** Sejak dari mula, Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan RRJP2 dan juga Rancangan Malaysia Keenam ini, sampai sekarang kita tidak dipanggil, iaitu Wakil-wakil dari DAP.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Belum sampai giliran. Yang Berhormat diminta sabar sebentar ya? Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.35 ptg.

**Dato' Dr Affudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir DAP telah dua orang yang sudah bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Rancangan Malaysia Keenam pada 10hb Julai yang lalu telah menegaskan—saya sebutkan di sini—”teras utama Rancangan Malaysia Keenam adalah untuk mengekalkan pertumbuhan dan mengendalikan dengan jaya dan akan terus melaksanakan falsafah pertumbuhan dan pengagihan yang saksama”.

Tuan Yang di-Pertua, inilah asas model pembangunan ekonomi yang telah kita laksanakan semenjak merdeka lagi dan ianya merupakan tunjang kejayaan negara kita. Jarang kita mendapati lain-lain negara yang dapat mengekalkan pertumbuhan yang tinggi jika pengagihan yang meluas dilakukan

serentak kerana kedua-duanya adalah sekurang-kurangnya mengikut teori, merupakan dua aliran yang bercanggah atau dengan izin, contradictory forces, sekurang-kurangnya di dalam jangka masa yang pendek.

Kejayaan kita adalah disebabkan oleh kepimpinan yang pragmatis, lebih-lebih lagi di dekad yang akhir-akhir ini dan juga kecekapan birokrasi kita di dalam menyajikan program dan projek-projek yang dirancang. Impian Tunku Abdul Rahman, perencanaan Tun Abdul Razak, konsolidasi Tun Hussein Onn dan ditambah dengan dimensi perencanaan dan pelaksanaan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Dr Seri Mahathir semenjak satu dekad yang lalu merupakan trend pembangunan negara kita. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini, nampaknya dua aliran yang bercanggah tadi, iaitu pertumbuhan dan pengagihan, dilakukan dengan serentak telah mula menyokong satu sama lain.

Petunjuk-petunjuk ekonomi seperti peningkatan KDNK di dalam range, dengan izin, dari 6%—10% setahun berlaku, walaupun 2/3 daripada peruntukan budget disalurkan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai incremental capital output ratio, dengan izin, yang rendah. Lazimnya, petunjuk-petunjuk ekonomi akan jatuh kalau pengagihan sumber berlaku sebegini rupa. Saya tahu sebilangan kawan-kawan saya di universiti dan di pusat-pusat pengajian tinggi yang lain akan membisik bahawa saya lupa mengambilkira sumbangan pendapatan negara yang diberikan oleh hasil petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui kebenaran hujah ini, untuk setahap sahaja, iaitu up to a point, dengan izin, tetapi adakah mereka sedar bahawa kekayaan ini jika tidak dieksploitasikan dan diuruskan dengan baik, ianya tidak akan menjadi pencetus pertumbuhan?

Sumber manusia yang mengeksploitasi dan menguruskan industri petroleum ini pula bukanlah tersembur keluar dari bumi seperti minyak petroleum itu. Ianya dilakukan dan dilaburkan terlebih dahulu oleh kepimpinan negara sebelum ini dan ianya melibatkan kos kepada negara dan pada masa ini kos ini dikembalikan semula di dalam bentuk keuntungan yang lumayan. Cuba kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, beberapa buah negara yang hampir bankrap pada hal mereka adalah pengeluar petroleum yang lebih besar daripada negara kita. Mengapa mereka menjadi begini? Jawabnya mereka tidak mengagihkan kekayaan ini di dalam bentuk seperti yang kita buat dan menguruskannya dengan betul.

Ada pula kawan-kawan saya di universiti dan di lain-lain pusat pengajian tinggi yang mengatakan bahawa negara kita bernasib baik kerana di dalam semua Rancangan Lima Tahun harga-harga komoditi kita berada di paras yang tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, apakah salahnya kalau harga komoditi itu berada di paras yang tinggi? Pada hakikatnya kita berjaya mengeluarkan komoditi kita dengan banyak dan di dalam masa yang sama menunjukkan kecekapan sumber manusia di semua peringkat pengeluaran, pemasaran dan pengurusan. Inilah yang mengekalkan pendapatan negara yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menunjukkan perkara-perkara asas ini kerana ada segelintar orang-orang kita yang akan cuba memberi alasan-alasan untuk mengecil-ngecilkan kejayaan ekonomi negara. Di samping itu, kejayaan kita membangunkan sektor pembuatan yang menyumbangkan kepada 27% daripada KDNK di dalam masa yang pendek sahaja merupakan satu sumber kebanggaan. Malah Bank Dunia telahpun mengakui bahawa kita sudah pun mencapai tahap negara industri tetapi malangnya ini tidak diberi

appreciation, dengan izin, oleh pengkeritik-pengkeritik dasar ekonomi Kerajaan.

Di dalam ucapan Yang Amat Berhormat tempoh hari ada disebut bahawa dengan pengiktirafan Bank Dunia itu kita menjadi serba-salah, mungkin disebabkan pinjaman-pinjaman untuk projek-projek pembangunan kita akan dikenakan kadar faedah tinggi oleh Bank Dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kita tidak perlu bimbang tentang hal ini. Jikalau kita telah maju dalam bidang ekonomi sudah sampailah masanya kita berdiri dengan megah dan rela membayar kadar faedah yang tinggi tanpa meminta-minta kepada pihak Bank Dunia ataupun mana-mana sumber kewangan dunia. Sampai bilakah kita hendak menanggung hutang berfaedah rendah dari Bank Dunia? Mungkin ada hikmahnya apabila kita terpaksa membayar kos yang tinggi sedikit dan justeru itu kita terpaksa bekerja lebih kuat dan berusaha mendapat kelebihan ekonomi dengan lebih gigih. Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, ialah jika 'cost effectiveness'-nya tinggi, dengan izin, maka peningkatan faedah pinjaman tidak akan menjadi masalah bagi kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya membaca buku Rancangan Malaysia Keenam ini, saya dapati ada projek-projek sambungan dari Rancangan Malaysia Kelima dan juga ada projek-projek baru. Pembentangan program dan projek di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, saya harap akan mengambilkira kelemahan-kelemahan yang didapati di dalam Rancangan Malaysia Kelima dan pembetulan ataupun on course correction dilakukan.

Penyemakan semula strategi dan dasar patut dilakukan apabila perlu. Kita tidak seharusnya dikongkong oleh teori dan prosedur yang kaku semata-mata. Sekiranya ini berlaku, ianya akan

membanyakkan lagi bilangan ketua-ketua birokrat yang tidak berani bergerak kerana takut mengambil risiko lantaran takut ditahan kenaikan pangkat kerana tidak dapat menunjukkan prestasi yang diharapkan. Akan wujudlah golongan birokrat-birokrat kanan yang selalu mahu "play safe", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti menjaya-jalankan program-program Rancangan Malaysia Keenam ini melibatkan proses intellectualising, dengan izin, yang meluas. Kadangkala proses ini terbantut disebabkan dogma dan benteng wujud di dalam alam pemikiran perencana dan pelaksana kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya maksudkan sebagai benteng ini, adalah banyak andaian-andaian yang digunakan di dalam perencanaan program-program dan projek pembangunan ekonomi kita adalah berdasarkan kepada teori sepenuhnya yang digunakan di negara-negara barat semata-mata. Pada-hal penggunaan teori-teori ini di barat hanya menghasilkan pertumbuhan yang di selang-selikan dengan kecacatan sosial. Contohnya, pembangunan Wilayah yang hanya ditumpukan kepada kawasan-kawasan yang "incremental capital output ratio"-nya sudah tinggi seperti di dalam Pelan Induk Perindustrian Negara yang telah dibentangkan tidak beberapa lama dahulu, di dalam bentuk apa yang dipanggil "industrial corridor", saya diberitahu sendiri oleh perencana utama pembangunan ini bahawa kita perlu bawa gadis-gadis kita keluar dari kampung dan bekerja di pusat-pusat industri pembuatan di dalam koridor-koridor ini. Saya akur dengan model pembangunan ini, Tuan Yang di-Pertua, jika kita hanya mahu melihat hasil pembangunan itu dari segi pulangan balik pelaburan wang dan seterusnya pertumbuhan sahaja.

Tidak dapat siapa pun nafi bahawa di kawasan-kawasan "incremental capital output ratio" yang tinggi sahajalah pulangan balik modal di dalam bentuk

tuai adalah maksima dan "cost effectiveness"nya kepada pelaburan sumber adalah tinggi. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apakah ini menjadi matlamat pembangunan kita? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapannya menjelaskan bahawa matlamat kita ialah suatu pembangunan yang diiringi oleh pengagihan yang pantas akan membawa kepada hasil terakhir yang adil dan seimbang di antara Wilayah, di antara negeri, di antara kaum seperti yang saya sebutkan awal-awal tadi.

Yang Amat Berhormat juga menekankan mengenai masyarakat yang bermutu tinggi mesti dihasilkan daripada rancangan ini. Tetapi apa yang saya lihat di dalam perancangan Rancangan Malaysia Keenam ini ialah satu strategi yang masih memberatkan pembangunan prasarana fizikal tanpa penekanan yang setimpal di dalam bidang penyelerakan reruang dan tanpa keseimbangan pembangunan sifat dan budaya ekonomi moden di kalangan rakyat. Cuba kita lihat di negeri miskin seperti di Kedah. 70% pelaburannya akan dibuat kepada pembangunan prasarana fizikal di kawasan-kawasan yang sedia tinggi "incremental capital output ratio"nya. Misalnya, yang ditekankan ialah pembangunan dual "carriageway" di kawasan yang sedia wujud Utara-Selatan Highway. Kawasan-kawasan yang tertumpu penduduk-penduduk miskin seperti di kawasan saya di Padang Terap, di Sik, di Baling, di Kulim dan di Bandar Baru masih lagi terpingkir dan terus akan terpingkir jikalau dasar ini diteruskan.

Untuk saya mempersatukan negeri-negeri miskin lain seperti Kelantan, Terengganu dan Perlis mungkin mengambil masa yang lama. Biarlah saya katakan di sini bahawa penggunaan model yang digunakan di barat, khususnya di Amerika Syarikat 30 tahun lalu secara bulat-bulat masih berlaku dan masih ditiru oleh kita. Adakah perencana-perencana sedar

bahawa model ini di Amerika Syarikat sendiri, di samping menghasilkan peningkatan "per capital income" yang tinggi, yang sangat dibanggakan itu, ianya juga mewujudkan kelompok-kelompok kemiskinan yang besar seperti di Wilayah Appalachian, di Wilayah Ozark dan di Wilayah Deep South. Adakah kita hendak menjadikan Wilayah Kedah, Wilayah Utara Perak, Wilayah Kelantan dan Terengganu seperti dengan Wilayah-wilayah di Amerika Syarikat yang saya sebutkan itu di mana kemiskinan mutlak adalah masih menjadi kenyataan di satu negara yang serba ada iaitu negara Amerika Syarikat?

Dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kedudukan hasil seperti inilah yang menyebabkan Kerajaan Amerika Syarikat terpaksa melincong dari akidah kapitalismenya kepada dasar protectionism yang kita kutuk di serata forum dunia seperti di GATT, UNDP, G-15 dan lain-lain lagi. Kerajaan Amerika Syarikat terpaksa membetulkan hasil negatif yang diakibatkan oleh model pembangunannya yang dibuat 30 tahun yang lalu dan yang menjadikan "incremental capital output ratio" sebagai asas utama perencana ekonominya.

Anihnya, Tuan Yang di-Pertua, di samping kita mengutuk mereka kerana dasar protectionism, kita pula hendak meniru satu model yang mereka guna yang mendatangi hasil negatif tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pihak perencana perlulah mentafsirkan Wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan lebih teliti. Saya mengaku kita akan dapat mencapai \$10,000 kadar income per capita sebelum 1995, dengan senang andainya penekanan dibuat ke atas pembangunan di kawasan yang "incremental capital output ratio" tinggi semata-mata. Tetapi apakah kita tidak sedar bahawa angka per kapita itu tidak sekali-kali menunjukkan pengagihan yang adil jika

ianya tertumpu kepada kumpulan-kumpulan tertentu yang bermastautin di kawasan-kawasan yang tinggi "incremental capital output ratio" yang saya sebutkan tadi seperti "industrial corridor" di dalam Pelan Induk Perindustrian Negara kita. Apa yang kita mahu ialah "spread" ataupun perluasan jangkau per kapita ini ke seluruh kumpulan rakyat di antara Wilayah, di antara negeri dan di antara kaum. Ini boleh dilakukan tetapi ianya akan ambil masa yang lebih panjang. Mungkin pada tahun 1995, ianya tidak akan tercapai apabila diambil segala faktor-faktor ekonomi, politik dan sosial sebagai "constraint" seperti yang ada sekarang.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya lebih baik kita agak terlambat sedikit mencapainya asalkan kita tidak terpaksa menghadapi apa yang dihadapi di Amerika pada masa ini.

Wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mesti diteliti pengimplementasiannya. Perencanaan-perencanaan perlu lebih serius di dalam membahagikan pelaburan-pelaburan pembangunan. Untuk mengharapkan pertumbuhan berlaku dengan cepat di dalam scenario penyelerakan yang luas adalah tidak mungkin, kerana pulangan balik di kawasan pinggir koridor pertumbuhan adalah rendah dan lambat.

Tuan Yang di-Pertua, ketidakupayaan kita mentafsirkan Wawasan Perdana Menteri boleh dilihat lagi di dalam pengertian kita terhadap Wawasan 2020. Banyak di antara kita yang apabila ditanya mengenai erti Wawasan 2020 ini menjawab bahawa pada tahun 2020 kita mahu mencapai tahap kemajuan seperti di Amerika, di Jepun dan di Eropah Barat. Adakah ini yang kita kehendaki? Adakah kita mahu satu masyarakat yang tandus jiwa spiritualnya? Masyarakat yang berorientasikan nilai-nilai kebendaan semata-mata. Masyarakat yang tidak

mengenal peranan-peranan sosio-seksualnya, masyarakat yang mechanistic, masyarakat yang nihilistic dan lain-lain sifat anti kemanusiaan yang terdapat di Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah Barat pada masa ini. Tentu sekali kita tidak mahu dan jikalau apa yang ditakrifkan sebagai kemajuan adalah apa yang saya sebutkan ini.

Apa yang kita kehendaki sebenarnya ialah di samping kedudukan ekonomi yang lumayan untuk semua rakyat, kita mahu segala nilai-nilai kemanusiaan, kerohanian dan fizikal yang digariskan oleh ajaran agama dan tradisi yang positif dipertingkatkan lagi. Kalaulah ini yang kita mahu, janganlah kita jawab bahawa Wawasan 2020 itu ialah untuk menjadikan negara kita sama seperti Amerika Syarikat, Jepun atau Eropah Barat. Kita perlu mempunyai matlamat kita sendiri yang dicapai melalui model pembangunan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada ditekankan mengenai produktiviti iaitu kita perlu meningkatkan produktiviti kita untuk menambahkan lagi daya persaingan kita di pasaran barang-barang pembuatan dunia. Point yang mesti dititik-beratkan oleh perencana, Tuan Yang di-Pertua, dan pelaksana di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini ialah peningkatan produktiviti ini memerlukan program social engineering yang pesat dan canggih. Bidang ini lebih susah dilaksanakan dan susah hendak dicapai hasil yang tinggi dan di dalam jangka masa yang pendek. Adalah lebih senang kita membina kilang, membina lebuh raya dan membina ampangan-ampangan raksaksa. Tetapi untuk menukarkan sikap manusia adalah amat sukar. Setakat menulis buku revolusi mental sahaja tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, di kalangan anggota birokrasi kita kumpulan yang bekerja di dalam bidang social

engineering selalu tidak mendapat ganjaran baik dari gaji mahupun dari ganjaran politik yang setimpal dengan kumpulan yang merancang pembangunan fizikal dan kumpulan yang hanya melihat prestasi orang-orang lain sahaja. Di samping kena marah kerana nelayan atau petani masih mundur atau penjaja kecil masih kecil, mereka selalu dilupai selepas bersara. Pada hal kumpulan yang hanya pandai melihat dan menilai prestasi orang lain dapat jadi duta, dapat jadi pengerusi itu, pengerusi ini, pengarah itu, pengarah ini dan juga menjadi Dato' Seri, Tan Sri dan Tun.

Tuan Yang di-Pertua, saya menceritakan ini sekadar untuk mengubah sedikit pandangan dan nilai kita semua iaitu pemimpin-pemimpin di dalam Dewan yang mulia ini agar sebelum kita mengharapkan sesuatu program social engineering yang berjaya dilahirkan, kita mesti faham sedalam-dalamnya sekitar pekerjaan pegawai-pegawai kita dan apa itu sebenarnya social engineering. Social engineering adalah satu karier yang sukar. Parti komunis sedunia yang cuba menjalankan usaha social engineering di negara-negara yang diperintahnya gagal segagal-gagalnya selepas mencuba 70 tahun lamanya. Mengapa mereka gagal, Tuan Yang di-Pertua?

Sebenarnya mereka menggunakan model kebendaan dan pembangunan fizikal semata-mata. Pegawai-pegawai mereka yang berjaya di dalam bidang pembinaan pelabuhan, pembinaan lebuhraya, pembuatan senjata, peningkatan tahap pengeluaran diberi penghargaan yang melambung-lambung, diberi ganjaran itu dan ini. Pada hal di samping mereka menidakan keagamaan, mereka tidak menitikberatkan perubahan sikap sebagai kehendak dahuluan ataupun dengan izin, antecedent kepada kejayaan ekonomi. Di dalam kaedah sosialisme, peningkatan kepuasan kebendaan akan

secara automatik menukar sikap seseorang itu. Oleh itu tidak perlu diisi dimensi spiritual ataupun kerohanian masyarakat mereka untuk mencapai pembangunan di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun saya nampak hendak mirip ke arah cara ini dengan tidak disedari. Saya akui bahawa usaha di bidang pembangunan batiniah di buat di merata sekolah-sekolah lagi di negara kita ini dan disebarkan seluas-luasnya kepada masyarakat kita. Tetapi, apakah Tuan Yang di-Pertua, selain daripada siaran-siaran televisyen dan radio dan media cetak yang kita buat sekarang ini mencukupi untuk menanamkan social discipline ataupun disiplin sosial di kalangan masyarakat dewasa yang menjadi pedagang, usahawan dan petani kita. Saya fikir tidak cukup. Sebab itulah krisis lari dari membayar hutang menjaral di kalangan orang-orang kita, khususnya di kalangan siswazah MARA, usahawan-usahawan dan pedagang-pedagang yang berhutang khususnya dari sumber-sumber Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan masyarakat industri dan perdagangan yang kuat yang akan mendokong ekonomi perindustrian dan perdagangan yang canggih, masyarakat kita wajib mempunyai social discipline yang kuat. Faktor inilah yang patut ditekankan di dalam program social engineering yang saya sarankan tadi. Kita telah mengalami phenomenon ini apabila kita membangun masyarakat tani semenjak mencapai kemerdekaan dahulu khususnya semenjak tahun 1970 dahulu. Kita mencapai hasil yang baik sebagaimana yang ditunjukkan oleh antara lain angka pembayaran balik kredit pengeluaran yang tinggi di kalangan ahli-ahli persatuan peladang. Di Rancangan MUDA umpamanya ianya dicapai melalui proses internalisasi nilai-nilai yang menghormati perjanjian atau kontrak. Ianya dilakukan melalui strategi pembelajaran

yang tertentu yang diselang-seli dengan usaha-usaha memberi erti dari segi agama di dalam bidang kontrak ini ataupun perjanjian ini. Ianya menunjukkan kejayaan bukan setakat pengembalian hutang kepada Kerajaan tetapi membawa kepada pencapaian produktiviti yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran hasil di MADA telah menjangkau 5,000 kilogram sehektar semusim pada masa ini yang sama dengan pencapaian hasil di Korea Selatan dan di Jepun. Tetapi adakah kita memberi perhatian yang cukup kepada pencapaian ini walaupun kita tidak memberi penghargaan setimpal kepadanya? Mengapa harus kita mendewa-dewakan pencapaian orang lain seperti di Taiwan dan di Jepun pada hal di kalangan kita pun ada yang lebih berjaya daripada itu.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai rationalisation, dengan izin, kita boleh menjawab seperti yang selalu dijawab bahawa lumrahnya bomoh sekampung selalunya tidak dinilai oleh jiran-jirannya, bomoh kampung lain juga yang ditujui. Kita bangsa Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, memang begitu. Kita kurang sedar bahawa kita ada kekuatan sendiri. Jikalau social engineering yang dilakukan di MADA itu ternyata berjaya menanamkan social discipline yang tinggi di kalangan petani miskin yang akhirnya membawa kejayaan kepada mereka dan seterusnya kepada negara, mengapa pula kita tidak melimpahkan ilmu dan pengalaman ini kepada peniaga, penjaja dan usahawan-usahawan kecil kita yang muncul bertaburan di seluruh negara hasil daripada pertumbuhan ekonomi.

Mengapa harus kita biarkan mereka diurus dan dikawal oleh berbagai-bagai Jabatan Kerajaan yang berlainan fungsi dan matlamatnya? Mengapa tidak boleh kita rangkumkan mereka ke dalam satu agensi khas untuk tujuan pembangunan

sosio-ekonomi mereka seperti yang kita rangkumkan petani-petani di dalam tahun 70an dahulu di bawah Pertubuhan Peladang, MADA dan KADA.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang selalu saya sarankan di Dewan yang mulia ini, sesuatu masyarakat industri dan perdagangan bukan hanya dianggotai oleh usahawan-usahawan dan peniaga-peniaga besar yang membuat keuntungan melalui sepak terajang di dalam Board Room sahaja, khususnya menjalankan insider trading dan lain-lain lagi. Yang lebih penting ialah sikecil-sikecil yang mengeluarkan goods and services, Tuan Yang di-Pertua, melalui keringat titik peluh mereka sendiri. Merekalah yang merupakan tunjang sistem ekonomi industri perdagangan yang utama. Kekuatan mereka akan menentukan kekuatan masyarakat industri dan perdagangan di negara ini. Jangan kita tersilap dengan hanya memanjakan 300 jutawan walhal 3 juta usahawan dan peniaga kecil serta sederhana masih kurang pembelaannya. Mereka inilah teras masyarakat Wawasan 2020, Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang tersirat di dalam ucapan saya ini bukanlah hendak menuduh Kerajaan tidak berbuat apa-apa mengenai hal ini. Kerajaan telah banyak mengadakan kemudahan dan pimpinan kepada mereka, tetapi apa yang sebenarnya dikehendaki ialah banyak lagi perlu dibuat dan dibuat secara bersepadu dan tersusun seperti yang kita lakukan kepada kaum tani 20 tahun yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan keputusan Yang Amat Berhormat memberhentikan pembukaan tanah baru untuk FELDA di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini. Bukanlah untuk menidakkan tujuan untuk menyemarakkan bumi tetapi selain dari ianya menyumbang kepada penyimpanan sumber tanah kita untuk generasi akan

datang dan juga untuk memelihara alam sekitar, ianya akan dapat mengalihkan penumpuan Kerajaan terhadap penyaluran guna tenaga khususnya kaum bumiputera lebih berat lagi ke dalam sektor industri dan perdagangan.

Social engineering di kalangan bumiputera perlu dialih ke arah itu. Segala pengalaman dan ilmu organisasi yang diperolehi di FELDA, di RISDA, di MADA, di FELCRA dan lain-lain mesti disalurkan kepada pembinaan masyarakat industri dan perdagangan bumiputera yang baru muncul. Patut sangatlah sekarang ini ditubuhkan satu agensi untuk tujuan ini. Saya telah bercakap berkali-kali di Dewan yang mulia ini dahulu dan saya ulangi lagi pada hari ini kerana ianya adalah sangat penting untuk mencapai matlamat sebuah negara yang kuat dan stabil di dalam Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi tentang penghargaan patut diberi kepada engineer-engineer sosial kita supaya apa yang kita cakapkan mengenai produktiviti ini lebih bermakna. Selain dari apa yang saya sebutkan tadi mengenai pegawai-pegawai pembangunan manusia dilupai, kita juga melupai jasa guru-guru kita.

Struktur motivasi dan ganjaran yang diberi kepada masyarakat guru di dalam semua rancangan 5 tahun sebelum Rancangan yang Keenam ini belum lagi dapat disamakan dengan apa yang diberi kepada kumpulan pentadbiran dan lain-lain kumpulan profesional.

Saya ingin bertanya kepada Menteri Pendidikan berapakah ratio pegawai Timescale dan Superscale dan pegawai Timescale kepada Special Grade di semua peringkat Perkhidmatan Guru dan berapa pula rasionya di kalangan pegawai pentadbir? Saya tahu tentu sekali perbezaannya luas yang mana guru-guru berada di pihak yang rendah. Mengapa begini, Tuan Yang di-Pertua?

Kalaulah pegawai-pegawai pentadbir itu berkelulusan lebih tinggi, tidak mengapalah, tetapi kelulusan mereka adalah sama, tanggungjawabnya adalah sama dan mungkin beban kerja guru itu lebih tinggi sedikit.

Kita sedia maklum bahawa guru-gurulah merupakan social engineers yang asas di dalam masyarakat kita, tetapi merekalah yang masih lagi kurang mendapat ganjaran yang setimpal. Saya memberi penghargaan kepada bekas Menteri Pendidikan yang melalui gaji dua skim ini akan dapat mengatasi masalah ini sedikit sebanyak. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pengimplementasian gaji dua skim ini telah mengakibatkan peminggiran lebih kurang 4,000 orang guru-guru besar Sekolah Rendah Kebangsaan kepada satu kedudukan yang bukan sahaja pendapatannya tidak meningkat seperti orang lain malahan menjatuhkan maruah mereka di mata guru-guru lain dan juga masyarakat.

Jikalau kita masih ingat, 4,000 orang guru besar inilah yang dibebankan dengan tanggungjawab menerajui pengimplementasian Program KBSR. Merekalah yang merupakan perintis sistem pengajaran baru ini dan merekalah juga yang mengorbankan masa dan tenaga yang melebihi tahap kerja biasa demi menjayakan Program KBSR. Masalah ini berpunca apabila 4,000 orang guru-guru besar Sekolah Rendah Kebangsaan ini yang malangnya mempunyai kelulusan yang tidak lebih daripada tahap SPM. Tetapi mereka adalah cukup terlatih dan menjawat jawatan guru besar sudah bertahun-tahun lamanya. Apabila gaji dua skim dilancarkan, mereka dipindah dari tanggagaji C2 kepada B8 tetapi Penolong-penolong Kanan mereka yang semuanya mempunyai STPM ataupun Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia mendapat tanggagaji B3 yang melebihi pendapatan mereka pada tahap purata \$200 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita fikir apakah kesannya terhadap penilaian masyarakat dan juga penilaian diri sendiri di kalangan 4,000 orang guru-guru besar ini apabila berhadapan dengan kenyataan bahawa orang di bawah mereka adalah bergaji lebih tinggi dari mereka? Belum pernah berlaku di dalam mana-mana perkhidmatan awam di mana-mana negara seperti apa yang berlaku kepada 4,000 orang guru besar ini. Mengapa ianya harus berlaku di negara kita? Saya menyokong pentingnya paper qualification, tetapi apabila kita hendak mengimplementasikan sesuatu skim di mana masih ramai guru-guru yang tidak berapa tahun lagi akan bersara dan tidak mempunyai paper qualification yang dikehendak, tidakkah boleh kita ketepikan prosedur-prosedur tertentu semata-mata untuk mengelakkan ketidakadilan yang berlaku?

Masalah 4,000 guru-guru besar sekolah rendah ini adalah satu masalah transient, dengan izin, iaitu satu masalah sementara, yang sendirinya akan selesai apabila guru-guru besar ini bersara di dalam masa 4 atau 5 tahun dari sekarang. Mengapakah JPA begitu lokek dengan kelulusan yang berdasarkan perikemanusiaan ini? Mengapakah JPA terkongkong dengan prosedur yang dicipta sendiri pada hal ianya tidak memberi keadilan? Prosedur yang menghendakkan Sijil STPM itu bolehlah digunakan sepenuhnya apabila habis kesemua 4,000 orang guru-guru besar ini bersara di dalam masa 5 tahun lagi. Kalau hendak pakai prosedur sangat, mengapa tidak ditanya kelulusan sebilangan Ketua-ketua Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang kita tahu hanya mempunyai sijil Senior Cambridge sahaja pada masa ini?

Tuan Yang di-Pertua, inilah sekali lagi berlakunya phenomenon penghambaan manusia kepada model-model dan prosedur-prosedur ciptaannya sendiri. Jikalau di awal tadi saya menyebut tentang terkongkongnya

pemikiran di dalam perencanaan pembangunan ekonomi, sekarang ini kita lihat pula kongkongan di dalam perencanaan social engineering yang kita hendak jadikan proses menuju ke arah peningkatan produktiviti itu. Cubalah bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, 4,000 orang guru-guru besar yang putus semangat. Apakah tahap produktiviti mereka akan meningkat? Tentu sekali tidak, dan dengan hanya memberi \$60 seorang sebagai charge allowance tidak akan mengatasi masalah hilang motivasi kerja yang berlaku di kalangan mereka pada masa ini. Oleh itu, saya cadangkan supaya Kementerian Pendidikan dan JPA sama-sama mengajukan kepada Perbendaharaan supaya kesemua 4,000 guru-guru besar ini dinaikkan pangkat ke tanggagaji B1. Kalau ini dilaksanakan, ianya akan menambah perbelanjaan Kerajaan hanya \$15 juta setahun, hanya selama 5 tahun sahaja. Selepas itu barulah akan wujud satu gaji dua skim yang neat and tidy, dengan izin.

Apakah ongkos ini terlalu besar berbanding dengan peningkatan produktiviti yang besar yang akan didapati kelak? Ketua Pengarah Pendidikan sebagai bekas guru sepatutnyalah memperjuangkan nasib guru-guru yang malang ini. Yang Berhormat Menteri Kewangan pun tolonglah tengok-tengok bekas anak-anak buah Yang Berhormat ini, khususnya pada masa sekarang Yang Berhormat berada di dalam Kementerian yang mengeluarkan wang.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya cakapkan selama ini ialah semata-mata berkisar di sekeliling isu the political economy of growth and development, dengan izin. Soal-soal penyelerakan ataupun dispersal pelaburan pembangunan, pertumbuhan ekonomi yang pesat, pengagihan hasil pertumbuhan ini, social engineering, peningkatan produktiviti semestinya dijadikan faktor teras di dalam Rancangan Malaysia

Keenam ini. Penekanan faktor-faktor ini akan memastikan suatu penterjemahan Wawasan 2020 itu dilakukan dengan tepat sebagaimana impian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Kita mahu segala hasil pembangunan fizikal digunakan dan dinikmati oleh masyarakat yang berkualiti tinggi. Kita hendak memimpin dunia di satu masa nanti, oleh itu segala apa yang kita lakukan mesti menuju ke arah itu.

Dasar luar negeri kita semestinya membayangkan apa yang kita lakukan di dalam negara kita sendiri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menunjuk jalan kepada kita di dalam perkara ini apabila beliau menjadi the champion of the South countries, dengan izin. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat yang tanpa merasa penat membuka jalan untuk kita bekerjasama di dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan kebudayaan dengan negara-negara Selatan ini. Perjalanan ke negara-negara ini selama tiga minggu baru-baru ini tentu sekali menelurkan banyak hasil dan merintis jalan kepada perhubungan baru yang akan memberi manfaat kepada semua yang terlibat. Saya harap Yang Amat Berhormat dapat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini secara terperinci segala hasil lawatan beliau dan rombongannya di dalam penggulungan perbahasan ini nanti. Saya juga ingin tahu apakah dasar pemuluan ekonomi terhadap Afrika Selatan masih mahu diteruskan lagi memandangkan apartheid telah mula dimusnahkan oleh regim De Clarke. Bilakah pemisahan perinsip politik dengan pragmatisme ekonomi boleh dilakukan demi membuka pasaran yang lumayan di Afrika Selatan untuk hasil ekonomi negara kita. Dapatkah prinsip ini diperdebatkan di dalam perbincangan dengan rakan-rakan Komanwel yang lain?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha kita menjangkau keluar di dalam bidang economic diplomacy, dengan izin, adakah usaha-usaha dibuat untuk

mempertahankan secara aktif mengenai Dasar Perhutanan Negara. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, kita dituduh menjalankan dasar pemusnahan hutan. Kita dituduh oleh orang-orang luar dan juga oleh orang-orang dalam negara kita sendiri. Adakah mereka sedar bahawa negara kita masih diliputi oleh 51% hutan asal dan 23% diliputi hutan ladang ataupun di dalam bentuk kebun getah, kelapa sawit dan lain-lain perennial crops, dengan izin. Ini bermakna kita mempunyai 74% daripada bumi negara ini diliputi hutan.

Satu daripada kelemahan kita, Tuan Yang di-Pertua, ialah di dalam kurangnya keupayaan pengawasan pembalakan kita. Jikalau ini masih belum diatasi, saya pasti walau bagaimana baik rancangan penjagaan hutan kita buat dan ditunjukkan kepada dunia, hutan kita akan terus pupus. Peristiwa-peristiwa mencuri kayu balak inilah yang mencemarkan nama kita dan mengancam alam sekitar kita. Kecurian-kecurian ini menghapuskan semua perencanaan pemeliharaan hutan yang dibuat melalui selective logging dan practise silviculture yang gigih. Oleh itu, saya ingin menyeru Kerajaan lagi sekali supaya dapat memperkukuhkan pengawasan pembalakan dengan lebih rapi, kalau perlu diadakan kapal terbang, helikopter dan penambahan pegawai adakanlah kerana cost effectivenessnya adalah tinggi.

Dengan itu saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bukit Bintang.

*5.14 ptg.*

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, kami menyokong konsep perpaduan nasional, pembasmian kemiskinan dan

penyusunan masyarakat semula tanpa mengira kaum tetapi apakah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sejak tahun 70an telah menuju ke arah konsep perpaduan tersebut?

Di dalam RRJP2, Kerajaan Barisan Nasional mengakui kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan untuk pelaksanaan DEB akan tetapi sekiranya Kerajaan Barisan Nasional terus berdegil dan dalam pelaksanaan dasar yang berteraskan kepada kaum, kepincangan-kepincangan sedemikian akan berulang lagi dan sikap buruk ini langsung tidak boleh dikikiskan. Ketidakpuasan dan kebencian akan timbul secara langsung di kalangan masyarakat negara kita. Fenomena begini mungkin akan bertambah buruk lagi kalau Kerajaan tidak mengawal dengan baik semasa melaksanakan Rancangan Malaysia Keenam.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh DEB, Kerajaan Barisan Nasional hanya melepaskan batuk di tangga sahaja berkenaan dengan semangat DEB, sebaliknya terdapat ketidakpuasan orang awam terhadap kakitangan-kakitangan Kerajaan dan institusi-institusi yang melaksanakan DEB yang tidak adil dan saksama. Adalah jelas di dalam sektor awam bahawa peratus penyertaan bumiputera telah mencapai tahap yang melebihi 80%, begitu juga dengan sektor-sektor lain penyertaan bumiputera mungkin telah meningkat kepada 30%. Pada pendapat saya bumiputera telah memiliki lebih daripada 90% ekuiti di dalam institusi-institusi kewangan seperti bank dan syarikat kewangan. Di dalam sektor di mana penyertaan bumiputera telah melebihi 30%, Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mencadangkan sebarang dasar untuk membaiki ketidakseimbangan ini.

Dalam pada itu, bukan bumiputera berdiam diri sahaja untuk mengelakkan perasaan buruk tertimbul di kalangan masyarakat berbilang kaum ini. Mereka memang sedar bahawa hanya segelintir bumiputera menikmati keistimewaan khas di bawah DEB dan rancangan-rancangan Malaysia yang lepas. Sebenarnya DEB telah mewujudkan segolongan orang Melayu yang sangat kaya iaitu UMNOPUTRA dan segelintirnya orang Cina seperti Tan Sri Vincent Tan, Encik Abdullah Ang dan sebagainya yang bersahabat dengan UMNOPUTRA. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menekankan isu jurang di antara kaum akan tetapi Barisan Nasional tidak menghiraukan jurang di antara yang kaya-rya dengan orang-orang daif di dalam masyarakat sesuatu kaum seperti masyarakat bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang Melayu, orang Tionghua dan orang India yang miskin. Kita semua mesti mengakui hakikat bahawa kemiskinan tidak mengira kaum atau bangsa wujud di negara ini atau di mana-mana pun. Oleh yang demikian, Kerajaan harus mengkaji satu dasar kebangsaan melalui "Means Test", dengan izin, untuk membasmi kemiskinan. Dengan dasar yang sedemikian ada negara kita akan mencapai matlamat konsep perpaduan nasional, pembasmian kemiskinan dan penyusunan masyarakat semula tanpa mengira kaum seperti yang disebutkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam. Kerajaan juga mesti mengkaji semula kenapa selepas Dasar Ekonomi Baru 20 tahun dan rancangan-rancangan Malaysia yang dahulu, masalah kemiskinan di luar bandar dan di bandar masih berkekalan, lebih-lebih lagi keadaan ini semakin meluas.

Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor utama untuk kegagalan DEB adalah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan

nepotisme. Saya berpendapat orang yang berdampingan dengan Perdana Menteri atau Menteri-menteri telah dilantik untuk menjawat jawatan tinggi dalam badan-badan Kerajaan atau syarikat-syarikat swasta sebagai ganjaran bagi kesetiaan mereka walaupun kelayakan mereka memang menimbulkan keangisan daripada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes koperasi pendeposit pada tahun 1986, pada 8hb Ogos 1986, 23 buah koperasi pendeposit telah dibekukan oleh Bank Negara. Pada hari yang sama juga, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaafar Hussein telah mengeluarkan satu kenyataan umum yang berkaitan dengan pembekuan ke 23 buah koperasi pendeposit ini bahawa pembekuan ini hanya buat masa sebulan sahaja. Namun, apa yang sebenarnya berlaku ialah pembekuan sedemikian telah berterusan sehingga sekarang ini. Ini menandakan ketidakcekapan Gabenor Bank Negara kerana ia tidak sedar apa yang sebenarnya dilakukan pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum 8hb Ogos 1988, masalah-masalah koperasi pendeposit memang wujud dan Bank Negara memang sedar tentang hakikat ini tetap wujud sepanjang masa tersebut. Pada tahun 1984, di dalam satu perjumpaan di antara Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Tanjong dan Gabenor Bank Negara, Ketua Pembangkang telah membangkitkan masalah koperasi pendeposit kepada beliau, bahkan Gabenor Bank Negara enggan bertindak dengan tegas. Mungkin beliau telah diarahkan oleh Kerajaan Barisan Nasional supaya tidak membuat apa-apa tindakan sebelum pilihanraya yang diadakan pada 3hb Ogos tahun 1986, ialah 5 hari selepas pilihanraya umum pada 8hb Ogos tahun 1983, 23 koperasi pendeposit telah dibekukan dan ini membabitkan seramai 580,000 pendeposit yang turut terkorban dalam peristiwa malang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara yang menjadi lambang bagi Pertubuhan Kawalan Kewangan yang teragung di negara ini telah gagal dan begitu teruk sekali di dalam perkara penyelarasan koperasi pendeposit. Lebih-lebih lagi ia membenarkan Pengarah bagi koperasi pendeposit mengangap koperasi pendeposit-pendeposit ini sebagai bank persendirian mereka. Pada masa itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah ramai tokoh-tokoh politik Barisan Nasional terlibat dalam skandal koperasi pendeposit. Tokoh yang terkenal sekali ialah Tan Kwoon Swan, bekas Naib Presiden MCA, Dato' Kee Yong Wee, bekas Presiden MCA dan bekas Timbalan Menteri Perdagangan dan Dato' Tan Tiong Hong, bekas Setiausaha Agung MCA dan bekas Timbalan Menteri Pendidikan dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa tersebut, penghutang-penghutang besar koperasi pendeposit termasuk Menteri Kabinet sekarang, juga Ahli Parlimen Barisan Nasional pada masa sekarang juga, saya tidak mahu menunjukkan identiti-identiti mereka sekarang oleh kerana saya tidak mahu membuka pekung di dada mereka, tetapi jikalau saya dicabar oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional untuk menyebutkan nama mereka, saya akan membuat sedemikian di Dewan yang mulia ini.

**Seorang Ahli:** Tak payahlah! Bacalah.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tidak mahu cabarkah?

**Seorang Ahli:** Tak payah!

**Tuan Wee Choo Keong:** Tak mahu cabar? Tuan Yang di-Pertua, daripada isu kekecohan koperasi pendeposit ini, kita pasti mengenali suatu hakikat bahawa Bank Negara bukan bertindak sebagai pelindung kewangan bagi kewangan negara, tetapi lebih menjadi dalang politik bagi Kerajaan Barisan

Nasional, iaitu hanya mengikut telunjuk Kerajaan sahaja. Jikalau Bank Negara memang mementingkan kebajikan rakyat dan kemakmuran negara kita, ia seharusnya membekukan ke 23 buah koperasi pendeposit ini lebih awal daripada 8hb Ogos 1986. Akan tetapi, Bank Negara telah menanggungkan perkara ini sehingga pilihanraya 3hb Ogos tahun 1986 telah berlepas. Ini jelas menunjukkan ia lebih mementingkan kemenangan Barisan Nasional daripada kepentingan rakyat jelata dan negara.

Sehingga hari ini juga, masalah-masalah koperasi pendeposit belum dapat diselesaikan. Projek perumahan bagi koperasi pendeposit telah dibengkalaikan begitu sahaja dan ini menyebabkan pendeposit perumahan ditinggalkan dalam keadaan yang kelam kabut dan serba salah. Bank Negara enggan berbuat sesuatu yang berkesan mengenai perkara ini. Bank Negara hanya cuba menggelarkan tanggungjawabnya dengan menyerahkan projek-projek perumahan koperasi deposit kepada receiver, dengan izin. Pada masa kini, receivers koperasi pendeposit tidak mengambil langkah untuk melindungi kepentingan pendeposit atau pembeli rumah. Saya berharap bahawa Menteri Kewangan boleh memberi jawapan yang jelas mengenai perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kewangan Usahasama Makmur Berhad (KUMB) telahpun ditubuhkan pada tahun 1987 supaya mengambilalih 12 buah koperasi pendeposit dan saham-saham telah dikeluarkan kepada pendeposit dan bukannya memulangkan deposit-deposit ini kepada pendeposit-pendeposit. Bank Negara dan Menteri Kewangan telah berjanji bahawa KUMB akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dalam tempoh dua tahun dan pendeposit-pendeposit atau pemegang syer dapat menjual syer-syer mereka, akan tetapi sejak tahun 1987 lagi KUMB telah gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan atau mengemukakan

Kunci Kira-kira Tahunan yang teraudit, maka pendeposit atau pemegang syer KUMB adalah amat dikelirukan oleh peristiwa ini sejak tahun 1987.

Buat masa ini, Bank Negara dan Menteri Kewangan telah membenarkan MBF Finance yang dikawal oleh Dato' Loy supaya mengambilalih KUMB dan pendeposit pemegang syer akan ditebuskan mengikut nilai par bagi syer-syer mereka dari ringgit ke ringgit. Ini adalah amat tidak adil bagi pendeposit kerana pendeposit mereka telah dibekukan oleh Bank Negara sejak 8hb Ogos 1986 dan kemudiannya diambilalih pula oleh KUMB pada tahun 1987.

Dari tahun 1988 sampai sekarang, pendeposit atau pemegang syer KUMB tidak pernah mendapat bunga atau faedah bagi wang simpanan mereka dan sekarang pula Bank Negara secara mendadak membenarkan pengambilalihan oleh MBF Finance kepada nilai par. Peristiwa begitu adalah sungguh tidak adil dan tidak dapat diterima akal langsung oleh seorang yang berfikiran waras. Bank Negara sepatutnya menentukan premium yang setimpal dengan kehilangan faedah bagi lima tahun yang lepas ke atas syer KUMB supaya pendeposit-pendeposit yang malang dapat gantirugi yang berpatutan. Sepatutnya Bank Negara harus memberi jaminan kepada pendeposit-pendeposit untuk membayar balik semua deposit mereka dengan faedah daripada masa Bank Negara membekukan koperasi pendeposit. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Menteri Kewangan dan Bank Negara supaya memberhentikan pengambilalihan KUMB sehingga MBF Finance Berhad bersetuju membeli syer-syer KUMB dengan premium yang setimpalnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat menyaksikan bahawa banyak bank telah dipesongkan dari perjalanan fungsinya yang betul dan seharusnya diselamatkan

oleh Bank Negara. Berjuta-juta ringgit telah digunakan oleh Bank Negara untuk bantuan bank-bank penyakit. Bagaimanakah dapat bank-bank menghadapi krisis kewangan sewaktu Bank Negara sentiasa menghulurkan pertolongan sepanjang masa ini?

Bank Negara telah gagal dengan teruk mengawalselia bank-bank di negara kita. Saya merayu kepada Menteri Kewangan semasa beliau melantik Timbalan Gabenor yang ketiga supaya beliau janganlah melantik kunci-kunci atau penyokong Barisan Nasional tanpa mengambil kira kedudukan, kelayakan dan latarbelakang mereka. Jikalau Menteri Kewangan pada masa melantik Timbalan Gabenor Bank Negara yang ketiga melalui political patronage, dengan izin, saya menjamin bahawa masalah tersebut akan terjadi dan Bank Negara akan menjadi ambulans kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Keenam, Bab 7, perenggan 7.36, mukasurat 250 mengenai dengan perlindungan pengguna. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang baru diwujudkan untuk melindungi pengguna-pengguna dari amalan-amalan perdagangan yang tidak beretika dan tidak bersikap adil. Kementerian ini telah gagal melindungi pengguna-pengguna daripada penindasan atau eksploitasi perbadanan besar sebagai Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (EON), tetapi Kementerian hanya mengambil tindakan dengan segera ke atas kedai runcit atau perniagaan yang kecil. Dari permulaan lagi Proton Saga dikeluarkan dari kilang Proton Saga, kita boleh menyaksikan EON telah memonopolikan pasaran mengedarkan kereta Proton Saga dan ia menggunakan kuasa monopolinya untuk menindas atau mengeksploitasi pembeli-pembeli Proton Saga untuk mengaut keuntungan yang sebesar mungkin tanpa bertimbang

rasa terhadap kesusahan yang dialami oleh rakyat jelata. Amalan-amalan perdagangan EON yang tidak adil dan tidak beretika adalah seperti berikut:

- (i) pembeli-pembeli kereta Proton Saga mesti membayar \$2,000 sebagai wang cagaran untuk sebuah kereta Proton Saga dan bayaran ini tidak menjadi jaminan bahawa harga akan tetap pada masa bayaran wang cagaran tersebut sudah diberikan. Walaupun pembeli-pembeli kereta Proton Saga telah membayar wang cagaran tersebut, harga kereta hanya ditetapkan pada masa penerimaan (delivery), dengan izin, kereta itu sahaja. Jikalau pembeli-pembeli sudah membayar wang cagaran \$2,000 ini dan mereka tidak mahu meneruskan pembelian kereta oleh kerana harga kereta berkenaan telah meningkat secara mendadak, wang cagaran tersebut akan dirampas oleh EON dengan mengambil secara langsung;
- (ii) jikalau pembeli-pembeli ingin meneruskan pembelian mereka mesti membeli melalui sebuah syarikat kewangan yang ditetapkan oleh EON sahaja. Syarikat kewangan yang lain yang diluluskan oleh Bank Negara tidak akan diterima oleh EON;
- (iii) harga kereta Proton Saga yang dibeli dengan wang tunai adalah lebih tinggi daripada harga kereta yang dibeli secara insurans melalui syarikat kewangan yang berkaitan dengan EON. Saya pun tidak faham mengenai ini;
- (iv) pembeli-pembeli kereta Proton Saga juga dipaksa untuk membeli polisi insurans daripada EON;

- (v) pembeli-pembeli kereta Proton Saga juga dipaksa oleh EON membeli barangan pilihan seperti radio kaset, sport rim, mesen penyejuk, power window, dengan izin, dan sebagainya dan harga barangan tersebut adalah dua atau tiga kali ganda lebih mahal daripada kedai accessories kereta di luar. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa keuntungan berlebihan, excessive profit, dengan izin, dari pemasangan accessories yang diwajibkan berjumlah \$3,000 bagi kiraan terendah bagi sebuah kereta.

Saya pernah mengatakan dengan secara lantang bahawa EON pasti mendapat keuntungan daripada accessories tersebut lebih daripada \$3,000 sebuah kereta Proton Saga oleh kerana EON membeli accessories secara pukal atau bulkbuying, dengan izin. Saya juga dimaklumkan bahawa Syarikat Proton Saga mengeluarkan 8,000 buah kereta sebulan. Oleh yang demikian, EON dapat keuntungan yang berlipat ganda di atas pembelian accessories yang dikenakan secara paksa ke atas pembeli-pembeli kereta berjumlah lebih kurang \$240,000 sebulan. Tindakan-tindakan paksaan yang amat dikejikan yang dikenakan ke atas pembeli-pembeli kereta accessories untuk membeli accessories tersebut dengan harga tinggi juga diamalkan oleh KAH Motor Sdn. Bhd iaitu pengedar kereta Honda. Walaupun Kerajaan Barisan Nasional telah mengambil tindakan untuk mengawal harga kereta untuk menjaga kepentingan rakyat supaya rakyat tidak ditindas oleh pengedar-pengedar kereta-kereta baru, tetapi sebaliknya Kerajaan Barisan Nasional masih menggalakkan atau memberi dorongan kepada EON dan KAH Motor Sdn. Bhd untuk meneruskan amalan-amalan perdagangan yang tidak adil dan tidak beretika ini wal hal rakyat

jelata turut membantah amalan-amalan tersebut, tetapi bantahan mereka memang tidak berkesan, bagaikan anjing menyalak bukit, bukit tidak akan runtuh. Saya berasa amat dukacita dan keciwa oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional tidak menghiraukan perasaan rakyat jelata. Oleh yang demikian, slogan Barisan Nasional semasa pilihanraya Oktober 1990 bahawa 'Tradisi Membela Rakyat' adalah seperti meludah ke langit jatuh ke muka mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya pernah membawa hal accessories tersebut ke Dewan yang mulia ini ketika persidangan Parlimen Sesi Pertama dan Menteri berkenaan yang ada di sini juga sekarang pun memberi jaminan bahawa beliau akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memberhentikan amalan-amalan perdagangan yang tidak beretika dan yang tidak adil ini. Namun sampai hari ini Kementerian baru ini tidak mengambil sebarang tindakan yang tegas untuk memberi perlindungan kepada pembeli kereta baru dan Menteri berkenaan juga sengaja meletakkan mangsa pembeli kereta tersebut di dalam keadaan kegelapan. Saya memang kagum mengapa Menteri berkenaan takut mengambil tindakan yang berpatutan walaupun isu-isu tersebut adalah amat nyata sekali. Kemungkinan EON dan KAH Motor Sdn. Bhd adalah salah satu syarikat yang dikawal oleh orang yang amat berkuasa di dalam Kerajaan Barisan Nasional ataupun orang yang amat berkuasa mempunyai kepentingan tersendiri di dalam EON dan KAH Motor Sdn. Bhd.

Di atas kepentingan rakyat jelata, saya merayu kepada Menteri berkenaan untuk mengambil tindakan dengan tegas dan segera supaya EON dan KAH Motor Sdn. Bhd. patut berhentikan amalan-amalan yang tidak adil dan tidak beretika ini. Jikalau Kerajaan tidak mengambil tindakan dengan segera dalam perkara ini, saya berani mengatakan dengan terus terang bahawa apa-apa yang termaktub

di bawah perlindungan pengguna maka Rancangan Malaysia Keenam ini tidak ada bermakna lagi dan apa-apa yang termaktub dalam Dasar Pembangunan Negara pasti tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini adalah menjadi sesuatu aliran bagi syarikat-syarikat Malaysia menggunakan komputer untuk menyimpan data-data dan maklumat-maklumat individu. Sebenarnya adalah perlu bagi kita menggunakan komputer dengan sepenuhnya demi kecekapan dalam pentadbiran pada dekad ini. Kebelakangan ini ada syarikat-syarikat dan biro-biro yang mengumpul maklumat atau data individu atau syarikat-syarikat persendirian dan kemudiannya memberi perkhidmatan maklumat tersebut kepada orang lain.

Apa yang menjadi tumpuan perhatian saya adalah bukan dari hal pengumpulan maklumat tetapi mengenai pengumpulan maklumat bagi individu dan syarikat yang palsu, yang tidak betul. Oleh itu adalah perlu bagi Kerajaan meluluskan undang-undang demi perlindungan orang awam daripada ancaman penyalahgunaan pengumpulan maklumat palsu oleh individu dan syarikat-syarikat yang menyimpan maklumat-maklumat tersebut. Adalah sesuatu yang amat perlu supaya mewujudkan undang-undang sebegini supaya dapat mengawal aktiviti-aktiviti tersebut dengan teratur dan memastikan individu-individu dan syarikat-syarikat boleh mendapat peluang memeriksa sendiri berkaitan dengan maklumat yang betul mengenai mereka sahaja yang disimpan dan data-data itu patut digunakan bagi tujuan yang halal sahaja. Perundangan mengenai perlindungan data atau Data Protection Act, dengan izin, sudah lama wujud dibanyak negara lain seperti Britain, USA dan lain-lain. Saya berseru supaya Kerajaan dapat mengambil tindakan segera untuk meluluskan undang-undang bagi pengumpulan data sebelum terlalu lewat. Pencegahan terdahulu adalah lebih baik

daripada rawatan kemudiannya. Oleh yang demikian, khalayak ramai patut dilindungi daripada penyalahgunaan pengumpulan maklumat yang tersimpan di komputer. Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan supaya Kerajaan membenteng satu Rang Undang-undang untuk mengawal aktiviti-aktiviti mengumpul data di dalam komputer di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada teorinya, lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau pejabat Kerajaan untuk mengawal aktiviti-aktiviti perniagaan bagi melindungi kepentingan orang awam, tetapi pada praktiknya lesen-lesen ini telah digunakan sebagai alat naungan politik atau political patronage oleh Kerajaan Barisan Nasional. Misalnya, pemandu-pemandu teksi yang telah bertahun-tahun memandu teksi telah gagal untuk mendapat lesen teksi. Tetapi sebaliknya syarikat swasta seperti Saujana Teksi telah berjaya memperoleh beberapa ratus lesen teksi tanpa sebarang kesulitan pun. Adalah diketahui bahawa syarikat tersebut telah dikawal oleh satu keluarga Tan Hock Chan yang juga memiliki South Johore Amalgamated Berhad—listed public company, dengan izin, sebuah syarikat bas di Johor Bahru. Encik Tan Hock Chan ini menggunakan nama Encik Gan Boon Ann, orang ini adalah menantunya untuk memiliki Syarikat Saujana Teksi. Adalah dipercayai bahawa seorang tokoh politik turut terbabit di dalam skandal Ka Wah Bank di Hong Kong, Tan Hock Chan ini. Saya berharap bahawa Kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya di dalam perkara ini demi kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan bahawa di dalam pasaran juga bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Employees Provident Fund (EPF), dengan izin, telah memberi pinjaman wang berbilion-bilion ringgit kepada Syarikat Petroleum seperti Syarikat Shell dan sebagainya

dan faedah yang dikenakan rendah daripada institusi-institusi kewangan dan bank-bank. Amalan sedemikian adalah tidak patut dan boleh membazirkan wang para pekerja di dalam negara kita. Pada tahun 1985 KWSP sudah terlibat di dalam skandal MAKUWASA dan KWSP telah mengalami kerugian beratus-ratus juta ringgit. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh di dalam perkara ini supaya KWSP tidak membabitkan diri dalam satu skandal baru lagi oleh kerana wang KWSP adalah wang titisan darah peluh daripada para pekerja di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat dari Bukit Bintang, Kuala Lumpur, saya terpaksa menyentuh sedikit skandal-skandal Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang akan menjahanamkan Rancangan Malaysia Keenam ini. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar memerintah Wilayah Persekutuan seperti satu negeri atau kingdom, dengan izin, beliau secara persendirian, tanpa mengambil kira kepentingan rakyat jelata dan undang-undang negara kita. Beliau tidak bertanggungjawab atau accountable, dengan izin, kepada Parlimen. Oleh yang demikian beliau bertindak di Wilayah Persekutuan dengan sewenang-wenangnya atau bermaharajalela. Saya diberitahu bahawa setengah-setengah penjaja yang telah berniaga berpuluh-puluh tahun di Wilayah Persekutuan tidak dapat memperoleh lesen-lesen penjaja walaupun mereka sudah berkali-kali membuat permohonan kepada DBKL.

Saya juga dimaklumkan bahawa sebaliknya ada yang sanggup membayar rasuah demi kemampuan mendapat lesen daripada DBKL. Ada yang mendapat lesen tetapi menyewakan lesen kepada penjaja-penjaja lain. Saya percaya

bahawa DBKL sedar akan amalan ini tetapi ia menutup mata ke atas semua pekung ini demi rasuah yang diterima. Skandal yang utama untuk Tan Sri Elyas Omar ini.

Saya dimaklumkan bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur menggunakan dua puluh empat jam bodyguard, dengan izin, di rumah kediaman beliau. Dan sebarang masa untuk sehari suntuk ada empat orang bodyguard yang sedia berada di sisinya. Seandainya beliau menggunakan lapan orang bodyguard sehari, kita boleh menganggarkan gaji setiap orang bodyguard sebanyak \$500 seorang sebulan sahaja, setiap bulan berjumlah \$4,000 dan setahun berjumlah \$60,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa Menteri-menteri di sebelah sana pun tidak menggunakan bodyguard seperti Datuk Bandar Kuala Lumpur. Saya merasa sangat sedih dan terkecewa bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur membazirkan wang rakyat sebegini banyak untuk kepentingan beliau. Saya berani mengatakan dengan suara yang lantang sekali bahawa amalan sebegini adalah amat dikejikan kerana ia merupakan rompakan wang titik peluh rakyat secara terus terang oleh beliau. Jikalau wang yang sebegitu banyak digunakan bagi kebajikan rakyat, ini pasti akan mendatangkan manfaat yang amat besar kepada rakyat. Dengan ini rakyat jelata akan beruntung dan dari sini mereka dapat menikmatinya.

Tuan Yang di-Pertua, skandal yang kedua, di daerah Titiwangsa, saya diberitahu oleh penduduk tempatan bahawa satu projek perumahan DBKL yang bernilai lebih daripada \$5 juta telah diberikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur kepada Fatirah Holdings Sdn. Berhad yang mempunyai modal atau paid-up capital, dengan izin, sebanyak \$200,000 sahaja. Saya juga dimaklumkan bahawa syarikat ini tidak ada pengalaman dalam perumahan. Projek ini telah diberikan kepada mereka

oleh kerana Pengarah-pengarah syarikat tersebut mempunyai hubungan rapat dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar. Daripada rekod Pendaftar Syarikat, Fatirah Holdings Sdn. Berhad telah digulungkan oleh atau satu winding-up oleh Mahkamah Tinggi pada 6hb April 1990. Projek ini telah terbengkalai.

Saya ingin menyoal Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dengan alasan apakah Datuk Bandar Kuala Lumpur memberi projek yang sebegini besar kepada syarikat bermodal kecil tanpa tender terbuka. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat dari Titiwangsa yang juga seorang Timbalan Menteri supaya beliau mengambil tindakan memberi bantuan kepada pembeli-pembeli rumah dalam projek perumahan tersebut oleh kerana kebanyakan pembeli-pembeli adalah kakitangan Kerajaan dengan pendapatan yang rendah. Pada masa kini mereka dipaksa membayar wang kepada bank-bank dan institusi-institusi kewangan walaupun perumahan tersebut telah terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat hairan kenapakah Yang Berhormat dari Titiwangsa yang juga seorang Timbalan Menteri, beliau tidak mengambil sebarang tindakan untuk memberi bantuan kepada pembeli-pembeli yang berada di dalam kesulitan. Pembeli-pembeli rumah merasa sangsi tentang peranan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang mungkin sekali terlibat di dalam skandal ini oleh kerana sebab-sebab ini beliau tidak berani mengambil sebarang tindakan di atas perkara ini. Saya harap tuduhan ini adalah tidak benar. Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyedarkan diri dalam perkara ini dan juga memberi bantuan kepada mereka dengan segera oleh kerana beliau adalah Wakil Rakyat kawasan Titiwangsa.

Pada hari ini saya baru dapat satu laporan Dewan Bandaraya di dalam Laporan Ketua Audit Negara mengenai kira-kira Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tahun berakhir 31hb Disember, 1988. Laporan ini baru dibentangkan di Dewan ini pada petang ini. Di dalam mukasurat 80, Perkara-perkara Am. Kontrak untuk pembangunan Taman Tasik Titiwangsa telah dipinda dari \$1.6 juta kepada \$5.15 juta iaitu tambahan tiga kali ganda atau 214% daripada harga asal disebabkan penukaran rekabentuk dan kerja tambahan, tetapi projek ini sudah terbengkalai. Bagaimana? Dan juga Syarikat Fathirah Holdings ini juga telah digulungkan oleh Mahkamah Tinggi pada 6hb April, 1990. Saya harap Timbalan Menteri boleh memberi jawapan atau penjelasan yang sesuai di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, skandal ketiga. Skandal kutipan tol di Cheras merupakan contoh yang amat ketara tentang penyalahgunaan kuasa oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Perkara ini membayangkan dengan jelas bahawa beliau tidak sama sekali memberi pertimbangan yang sewajarnya ke atas kepentingan orang awam. Sebelum pembinaan jalan dan jambat di Cheras Toll siap seratus-peratus, Datuk Bandar Kuala Lumpur telah meluluskan suatu Certificate of Fitness, dengan izin, supaya K.G. Teratai Sdn. Bhd. boleh mengutip tol. Datuk Bandar Kuala Lumpur juga menutupkan satu alternative road, dengan izin, supaya memaksa penduduk-penduduk di Cheras membayar tol. Ini bermakna Datuk Bandar Kuala Lumpur mesti ada sebarang kepentingan indirect, dengan izin, dalam kutipan tol di Cheras. Jikalau tidak, beliau tidak akan mengambil tindakan sedemikian. Sehingga hari ini Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak berani mengumumkan kandungan perjanjian yang ditandatangani di antara beliau dan K.G. Teratai Sdn. Bhd. Ini menunjukkan bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur telah melakukan sesuatu

yang tidak halal atau tidak berpatutan dengan matlamat awam yang terpaksa disorok daripada pandangan orang awam.

Skandal keempat, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1989/1990 Datuk Bandar Kuala Lumpur telah memberikan 'monorail project' yang bernilai beratus-ratus juta ringgit kepada sebuah syarikat yakni SITRA Sdn. Bhd. tanpa tender umum. Syarikat tersebut dikawal oleh seorang perempuan seperti Syarikat K.G. Teratai Sdn. Bhd. yang terlibat dalam Skandal Cheras Toll. Paid-up Capital Syarikat SITRA ialah \$200,000 sahaja dan projek itu beratus-ratus juta ringgit.

Saya dimaklumkan daripada rekod-rekod bahawa Tan Sri Elyas Omar adalah salah satu pemegang saham di dalam Syarikat SITRA Sdn. Bhd. Dengan maklumat ini, kita boleh nampak dengan terang bahawa beliau ada conflict of interest, dengan izin. Memang terdapat khabar angin di ibukota ini yang berkenaan dengan projek monorel di mana Tan Sri Elyas Omar disyaki telah mengamalkan korupsi atau corrupt practices, dengan izin. Dari hakikat di atas, saya pun terpaksa mengesyaki bahawa di dalam projek monorel ada corrupt practices.

Dalam Laporan Ketua Audit Negara juga ada dibuat satu catitan di mukasurat 76: "Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melabur sebanyak \$100,000 di dalam Syarikat SITRA Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada 7hb Julai, 1983 untuk mengurus dan mengendalikan projek sistem aerobus yang telah dibatalkan. Penyata-penyata kewangan tahun 1988 yang telah diaudit menunjukkan syarikat ini mengalami kerugian sebanyak \$3,302 dan kerugian terkumpulnya meningkat kepada \$680,536 pada akhir tahun 1988. Ini merupakan 60% daripada ekuiti syarikat sekarang sebanyak \$1 juta.". Saya berharap bahawa Badan Pencegah Rasuah, yang anggotanya mungkin ada di Dewan ini dan Kerajaan

mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyalut kes ini demi kepentingan rakyat jelata. Saya juga berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan beliau juga sebagai Wakil Rakyat di Wilayah Persekutuan supaya jangan menjawab membabi buta oleh kerana beliau bertanggungjawab kepada Parlimen dan bukan Datuk Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, skandal kelima. Pada Mac, 1989 Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar telah meluluskan pajakan sebidang tanah yang berharga seluas 69.8 ekar dengan nombor Geran HS(D)64671 No. P.T. 3301, mungkin kawasan Kuala Lumpur, untuk pajakan 70 tahun kepada sebuah syarikat yang bernama Sports Toto Riding dan Recreational Sdn. Bhd., sekarang di panggil Bukit Kiara Equestrian and Country Resort Sdn. Bhd. Syarikat ini adalah dikuasai oleh orang yang berpengaruh yakni Tan Sri Vincent Tan. Pengerusi Syarikat tersebut ialah Tan Sri Thong Yaw Hong, beliau juga sangat ternama di dalam negara kita, kerana beliau juga adalah bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, dengan izin, Secretary General, Kementerian Kewangan dan sekarang Pengerusi, Public Bank Bhd. Tan Sri Thong Yaw Hong juga ada terlibat di dalam skandal MAMINCO dan MAKUASA yang terbabit dengan Tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Maklumat yang diperolehi daripada Pendaftar Syarikat menunjukkan bahawa syarikat tersebut mempunyai modal atau authorised capital, dengan izin, dan paid-up capital, dengan izin, sebanyak \$1 juta sahaja. Apakah alasan yang wajar yang dapat diberikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam meluluskan pajakan tanah seluas 69.8 ekar tersebut kepada syarikat yang hanya mempunyai modal sebanyak \$1 juta sahaja. Saya juga dimaklumkan bahawa sebelum ini tanah tersebut adalah tanah swasta dan diambilalih oleh Kerajaan

Persekutuan melalui Akta Pengambilan Tanah, 1990. Kerajaan Persekutuan memberi tanah ini kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk tujuan umum. Pada masa kini tanah yang berharga ini merupakan harta rakyat, tetapi rakyat biasa tidak dapat memasuki kelab tersebut kerana yuran keahliannya terlalu mahal iaitu \$23,000 seorang pada masa kini.

Saya dimaklumkan bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Menteri-menteri merupakan ahli Kelab Bukit Kiara ini. Kalau Ahli Parlimen Barisan Nasional hendak mencabar, saya boleh memberitahu juga nama Menteri-menterinya. Saya harap janganlah.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat teruskan ucapan, jangan cabar-mencabar.

**Tuan Wee Choo Keong:** Sebab mereka suka hendak cabar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tidak ada orang cabar pun.

**Tuan Wee Choo Keong:** Hari ini mereka tidak mahu mencabar. Bila saya membangkitkan perkara ini pada masa sesi soal-jawab mulut di Parlimen, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberitahu di Dewan Rakyat bahawa tanah tersebut telah diswastakan tetapi tidak ada orang lain yang hendak melabur di dalam projek tersebut kerana pulangan wang tidak begitu menarik. Di sini saya mesti menegaskan bahawa Timbalan Menteri tersebut telah membuat kenyataan yang tidak berasas sama sekali. Sebenarnya tanah ini atau tanah di mana-manapun tidak boleh diswastakan, tetapi hanya projek atau syarikat sahaja yang boleh diswastakan.

Saya ingin membangkitkan beberapa soalan seperti berikut: Satu, dengan cara yang bagaimanakah bagi orang awam

untuk mengambil bahagian dalam tender untuk tanah tersebut pada hal tiada tender terbuka telah diumumkan oleh Datuk Bandar? Kedua, mengapakah pajakan selama 70 tahun diberikan kepada sebuah syarikat yang hanya mempunyai modal yang begitu kecil? Ketiga, berapakah premium yang telah dibayar oleh Sports Toto kepada DBKL? Keempat, mengapa tanah ini diberikan kepada Sports Toto yang dikuasai oleh Vincent Tan atau adakah Tan Sri Vincent Tan ini bersubahat dengan kawan saya yang di sebelah sana? Kelima, mengapakah Timbalan Menteri tidak berani mengumumkan isi kandungan perjanjian di antara DBKL dan Sports Toto? Keenam, memandangkan tanah ini adalah merupakan tanah Kerajaan, mengapa DBKL tidak mengawal yuran keahlian kelab ini?

Tuan Yang di-Pertua, ini skandal keenam. Saya juga dimaklumkan bahawa Datuk Bandar telah meluluskan pajakan sebidang tanah lagi yang berharga, prime land, dengan izin, seluas 225.9 ekar di Bukit Kiara, Damansara juga kepada satu syarikat swasta yakni Solarvest Sdn. Bhd. Tanah tersebut adalah di sebelah Bukit Kiara Equestrian And Country Resort Sdn. Bhd. Tanah yang tersebut akan digunakan oleh Solarvest Sdn. Bhd. untuk membina 2 buah padang golf 18 lubang yang bertaraf antarabangsa, rumah kelab, kolam renang, gelanggang squash dan badminton dan 10 lane bowling alley, dengan izin. Kelab ini termasuk first-class restaurant, dengan izin, panggung wayang dan bilik video. Untuk pelawat-pelawat dan pemain golf mereka boleh tinggal di bilik tumpangan VIP dan chalet, dengan izin, yang bermutu. Daripada kenyataan akhbar, Syarikat Solarvest Sdn. Bhd. ini ialah sebuah anak syarikat bagi sebuah syarikat asing yakni Lam Chan Holding Ltd. Tetapi daripada maklumat yang diperolehi daripada Pendaftar Syarikat menunjukkan bahawa syarikat tersebut mempunyai authorised capital dan paid-up capital, dengan izin,

sebanyak \$2 juta sahaja dan pemegang saham syarikat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Chong Yit Lin (Perempuan)—1 saham;
- (ii) Chong Chean Yin—1 saham;
- (iii) Chow Ah Kee—999,999 saham.
- (iv) Eugene Antonio de Luz Campus—jumlah sahamnya sama iaitu 999,999 saham.

Eugene Antonio de Luz Campus ini, saya rasa Yang Berhormat di sebelah sana pun kenal dengan beliau. Saya dimaklumkan bahawa Encik Eugene Antonio de Luz Campus mempunyai perhubungan yang amat rapat dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur dan beliau juga dilantik oleh Datuk Bandar Kuala sebagai Lembaga Pengarah syarikat-syarikat swasta bagi pihak DBKL. Kalau saya tidak salah, dia juga menjadi seorang anggota dalam Lembaga Penasihat DBKL.

Tuan Yang di-Pertua, skandal ketujuh, saya dimaklumkan bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur telah meluluskan pajakan sebidang tanah yang berharga juga seluas 153.6 ekar di Bukit Kiara, Damansara kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membina sebuah padang golf 18 lubang untuk pekerja-pekerja Kerajaan. Saya berani berkata secara berterus-terang di sini bahawa hanya sebahagian kecil sahaja pekerja-pekerja Kerajaan yang mampu bermain golf oleh kerana permainan golf merupakan satu permainan mewah dan lebih-lebih lagi ia adalah di luar kemampuan bagi golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah serta juga permainan ini mengambil banyak masa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini di Wilayah Persekutuan, terdapat 5 buah padang golf yang bermutu iaitu Sungai Besi Golf Club, Pulapol Golf Club, Royal Malaysian Air Force Golf Club,

Royal Selangor Golf Club dan Sentul Golf Club. Jika termasuk 3 buah padang golf yang telah diluluskan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur baru-baru ini, jadi Wilayah Persekutuan mempunyai 8 buah padang golf. Pada hemat saya 5 buah padang golf yang bertaraf di Wilayah Persekutuan buat masa ini adalah lebih daripada mencukupi untuk pemain-pemain golf di Wilayah Persekutuan dan juga di seluruh negara. Saya berani mengatakan bahawa ibukota-ibukota di negara maju lain pun tidak ada padang golf sebegini banyak, oleh kerana tanah di ibukota kita atau di mana-mana pun sangat terhad.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini juga dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana bahawa tanah di Wilayah Persekutuan sudah sangat terhad, namun begitu Datuk Bandar Kuala Lumpur entah bagaimana masih boleh meluluskan pajakan tanah yang seluas 69.9 ekar kepada Bukit Kiara Equestrian and Country Resort Sdn. Bhd., 225.9 ekar kepada Solarvest Sdn. Bhd.—Syarikat-syarikat swasta yang mementingkan keuntungan peribadi masing-masing dan 150.6 ekar kepada Jabatan Perkhidmatan Awam tanpa mengambilkira keperluan dan kepentingan rakyat miskin yang tidak mendapat tempat tinggal.

Mengapakah Datuk Bandar boleh meluluskan pajakan tanah-tanah di Bukit Kiara Damansara yang berjumlah 449.45 ekar untuk membina padang golf dan hiburan bagi orang yang berada sebaliknya beliau sering menyatakan bahawa DBKL tiada tempat.....

**Tuan S. S. Subramaniam:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Bukit Bintang, sebentar ya, ada Ahli yang bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya rasa kalau dia hendak kacau-kacau, sebab ada banyak lagi points, esok dia ada peluang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kacau-kacau. Saya hendak minta penjelasan sedikit sahaja. Saya ingin tahu daripada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, adakah beliau seorang pemain ataupun peminat golf? Adakah beliau sedar kita tidak mencukupi padang-padang golf di dalam Wilayah Persekutuan ini dan dengan keadaan hari ini kita memerlukan lebih padang golf untuk memenuhi hasrat ramai pemain dan peminat golf.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini tidak berapa serius. Bagaimanapun saya boleh beri jawapan. Saya bukan seorang pemain golf dan juga saya rasa Perdana Menteri pun bukan seorang pemain golf. Bagaimanapun di Wilayah Persekutuan kita tidak perlu dapat padang golf yang sebegitu banyak. Yang kita perlu ialah rumah kos rendah untuk orang miskin, bukan padang golf untuk hiburan orang yang berada seperti Yang Berhormat dari Barisan Nasional.

**Tuan S. S. Subramaniam (Segamat):** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Segamat bangun lagi. Beri jalan?

**Tuan Wee Choo Keong:** Dia hendak kacau. Tadi dia hendak tanya, dia tidak tanya dengan terus-terang.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Saya hendak beri penjelasan sahaja.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tidak payahlah, sebab kita tidak ada masa dan saya harap janganlah kacau-kacau. Jadi, points of thought saya pun sudah kelam-kabut.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini juga dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa tanah di Wilayah Persekutuan sangat terhad. Jadi, bagaimana beliau boleh memberikan pajakan kepada syarikat swasta dan Jabatan Perkhidmatan Awam tanpa mengambil kira keperluan dan kepentingan rakyat miskin yang tidak dapat tempat tinggal. Mengapakah Datuk Bandar boleh meluluskan pajakan tanah di Bukit Kiara Damansara yang berjumlah 449.45 ekar untuk membina padang golf dan hiburan bagi orang yang berada, sebaliknya beliau sering menyatakan bahawa DBKL tiada tempat bagi menempatkan semula penduduk-penduduk setinggian atau squatters resettlement, dengan izin, dan membina rumah kos rendah bagi kebajikan orang-orang miskin. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab soalan ini dengan memberi jawapan yang memuaskan dengan secara terus terang sebab soalan ini sangat penting untuk menyelesaikan masalah sosial di ibukota ini di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa saya bukan menentang pembinaan padang golf dan tempat kelab rekreasi jikalau Wilayah Persekutuan tiada sebarang masalah sosial dan tanda-tanda memilih kasih yang wujud di sosial ini. Jadi, Yang Berhormat dari sana, saya harap dia faham saya bukannya oppose, dengan izin, padang golf.....

**Tuan S. S. Subramaniam:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Segamat bangun lagi, beri jalan atau tidak?

**Tuan S. S. Subramaniam:** Berilah jalan sedikit.

**Tuan Wee Choo Keong:** Okay.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Saya ingin beri sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Bukit Bintang beliau tidak tahu apa yang sebenarnya berkait dengan permainan golf ini oleh kerana beliau sedang berucap di Dewan yang mulia ini mengenai apa yang beliau anggap sahaja. Beliau tidak tahu apa yang sebenarnya berkaitan dengan permainan golf dan padang-padang golf. Adakah beliau sedar bahawa padang golf ini ialah satu padang yang mengindahkan kawasan kita dan juga membantu udara kita menjadi lebih elok untuk semua penduduk-penduduk di sekitar kawasan ini? Adakah beliau sedar dengan perkara ini?

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya rasa kalau hendak angin yang elok, serba keindahan kepada ibukota, saya rasa tidak payah kita ada padang golf. Pada masa kini juga kalau tanpa padang golf pun kita ada lihat keindahan lagi dengan pokok-pokok yang natural bukannya yang seperti sekarang iaitu man-made, dengan izin. Saya rasa kawan-kawan saya dari Barisan Nasional di sana, mereka mesti mahu padang golf yang banyak lagi oleh kerana mereka semua yang berada. Jadi, mereka ada masa, ada wang dan sebagainya untuk main golf tetapi untuk rakyat jelata mereka mahu makan pun tidak ada. Jangan kata main golf. Saya harap kawan-kawan saya sebelah sana, Menteri-menteri berdua itu juga miskin tidak boleh main golf, kesianlah mereka. *(Ketawa)* Yang kita hendak bukannya padang golf di Wilayah Persekutuan serta juga di negara kita. Rakyat jelata mahu rumah kos rendah dan rakyat jelata memerlukan bantuan. Di dalam Wilayah Persekutuan sekarang ada masalah setingan adalah sangat teruk sekarang kerana mereka

tiada rumah. Yang mereka mahu tapak duduk sahaja bukannya tapak bermain golf untuk Ahli-ahli Barisan Nasional dan Menteri-menteri.

Saya hendak menyambung, Tuan Yang di-Pertua. Pada hakikatnya bagi ibukota yang sedang berkembang pesat seperti Wilayah Persekutuan, Datuk Bandar Kuala Lumpur sepatutnya menumpukan perhatian yang sepenuhnya untuk menghapuskan masalah-masalah sosial dan keadaan ketidakseimbangan yang wujud dalam masyarakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, skandal kelapan. Dari maklumat yang saya kumpul, saya dapat tahu bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur memelihara 30 ekor kuda dan membelanjakan \$1,000 sebulan untuk makanan satu ekor kuda. DBKL terpaksa membelanjakan wang titik peluh rakyat jelata sebanyak \$500,000 setahun untuk pemeliharaan 30 ekor kuda tersebut. Jikalau DBKL menggunakan wang sebanyak \$500,000 ini untuk Perkhidmatan Awam, saya yakin ini nescaya akan memperbaiki dan mempertingkatkan prestasi Perkhidmatan Awam di ibukota ini yang akan menjadi lebih cemerlang. Skandal yang sangat teruk pada hari ini yang terdapat di mukasurat 80, Laporan ini—ini ialah kenyataan Ketua Audit Negara dalam Laporan Tahunan DBKL 1988.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat nanti sebentar, Batang Lupar bangun.

**Tuan Wee Choo Keong:** Kawan baik saya di England!

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya hendak tanya satu sahaja, berapa lamakah lagi Yang Berhormat itu hendak cerita soal skandal ini? Apa

makna skandal ini? Sedikit-sedikitpun skandal, sedikit-sedikitpun skandal. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak cerita skandal yang kecil-kecil macam itu, tunggulah orang lain habis cakap, barulah cakap lagi.

**Tuan Wee Choo Keong:** Nantilah, skandal ini bukan kecil, sebab Datuk Bandar di Kuala Lumpur sudah jadi sebagai seorang maharajalela dan sudah 20 tahun, nama Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL) tidak pernah disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini—20 tahun. Jadi saya rasa pada masa ini, suasana adalah sesuai sekali bagi kita memberitahu secara umum kepada rakyat Wilayah Persekutuan mengenai skandal-skandal ini yang membazirkan wang rakyat berjuta-juta ringgit.

Saya hendak teruskan. Soal 30 ekor kuda ini terdapat di dalam Laporan Ketua Audit Negara, mukasurat 80 iaitu kontrak bagi pembinaan rumah kuda di Bandar Tun Razak yang bernilai \$169,120 telah dipinda kepada \$905,792 iaitu tambahan 5 kali ganda atau 436% daripada harga asal kerana pindahan tapak projek dan tambahan skop kerja.

Di Wilayah Persekutuan kita mahu rumah kos rendah dan Datuk Bandar Kuala Lumpur selalu kata Bandaraya tiada wang dan tiada tempat, tetapi beliau boleh membina satu 'rumah' untuk kuda. Apa lebih mustahak, manusia atau kuda? Saya rasa kalau Datuk Bandar menggunakan wang sebanyak sebegini saya rasa kita boleh binakan yang paling sedikit pun 30 atau 50 rumah kos rendah atau lebih daripada itu. Ini Ketua Audit sendiri yang tulis ini. Bagaimanakah Kerajaan Persekutuan kita boleh memberi Datuk Bandar Kuala Lumpur free hand bagi membazirkan wang rakyat di Wilayah Persekutuan dan di Parlimen ini kita tidak ada kuasa menanya beliau. Beliau ini seperti immune, lebih tinggi daripada Parlimen. Ini bukan saya cakap sahaja tetapi ini daripada laporan Ketua Audit Negara mengenai Dewan Bandaraya dan laporan ini adalah bagi

tahun 1988 sahaja dan kita belum dapat tahun 1989 dan 1990. Saya rasa skandal ada lagi yang teruk, mungkin sudah bankrap DBKL sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, skandal kesembilan. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah menggubalkan suatu dasar perumahan yang mengutamakan rumah kos rendah iaitu 70% rumah kos rendah dan 30% rumah kos sederhana, tetapi Datuk Bandar Kuala Lumpur telah menukarkan dasar ini, kononnya DBKL hanya menumpukan perhatian atau hanya berminat meluluskan projek-projek rumah kos sederhana dan tinggi, terutamanya kondominium mewah. Ini merupakan salah satu sebab mengapa masalah perumahan di dalam Wilayah Persekutuan tidak dapat diselesaikan pada hari ini. Dalam tempoh dua bulan kebelakangan ini Datuk Bandar telah meluluskan sekurang-kurangnya 5 projek kamar sewaan mewah kos tinggi (apartment) kepada satu syarikat swasta di Kuala Lumpur, yakni Tan & Tan Development Sdn. Bhd. Saya rasa kawan saya di sana pun tahu kenal siapa Tan & Tan Development Sdn Bhd. ini. Saya belum pernah lagi mendengar Datuk Bandar Kuala Lumpur meluluskan projek-projek perumahan dengan begitu cepat, dengan izin, express service. Saya rasa projek perumahan tak pernah diluluskan dalam masa sebulan, dua bulan. Kalau meluluskan dengan cepat begini, saya rasa mesti dapat sumbangan yang istimewa (special) atau sogokan, kalau kita hendak katakan dengan terusterang.

Tuan Yang di-Pertua, skandal kesepuluh. Saya dimaklumkan bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar meluluskan lebih daripada 10 projek pembinaan dengan izin, high-rise condominium yang mewah di sebuah bukit yang kecil di Bangsar - lebih daripada 10 projek. Saya berani mengatakan dengan suara lantang bahawa unit apartment yang akan dibina sekarang sekurang-kurangnya

berjumlah 1,000 unit. Datuk Bandar Kuala Lumpur hanya meluluskan unit apartment yang sebegitu banyak tetapi apa yang amat dikesalkan ialah infrastruktur di Bangsar tidak dipertingkatkan dan diperbaiki. Beribu-ribu orang akan berpindah ke Bangsar, tetapi infrastruktur masih tidak diperbaiki. Keadaan ini akan mendatangkan padah buruk yang kita cuba elakkan dengan cara bagaimanapun, namun begitu Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak mepedulikan hal sebegini. Oleh yang demikian, Datuk Bandar memang cocok kalau menukarkan gelaran beliau kepada 'Datuk Kondo' (*Disampuk*). Dia bukan Datuk Bandar sekarang, kita boleh panggil dia 'Datuk Kondo' sekarang, (*Disampuk*) bukan seperti apa yang disebutkan di sebelah sana tadi (*Ketawa*). Saya mengesyaki bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur telah.....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
Yang Berhormat tunjuk sayakah tadi?

**Tuan Wee Choo Keong:** Bukan, saya tunjuk sebelah sana.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
Satu soalan saya tanya lagi, minta penjelasan. Kondo-kondo yang dia buat ini ada pembelikah? Kalau ada pembelikah itu menunjukkan segelintir daripada masalah-masalah perumahan di bandar ini sudah hendak kita selesaikan dengan pembinaan kondo-kondo yang banyak ini.

**Tuan Wee Choo Keong:** Yang Berhormat daripada Sarawak ini mungkin dia tidak berapa fasih dengan hal-hal di Kuala Lumpur dan perumahan di Kuala Lumpur. Di sini perumahan seperti kondominium mewah ini bukan

untuk orang seperti kita di sini, tetapi untuk orang yang berada, yang kaya seperti Menteri-menteri (*Ketawa*), seperti bekas Menteri Kewangan kita, yang itu, bukan untuk rakyat jelata. Jadi kondominium mewah ini harganya dari tahap \$300,000, \$400,000, \$500,000. Bagaimanapun, kita sudah lihat sekarang Bank Negara pun ada satu tabung untuk projek terbengkalai (for abandoned projects). Kalau sudah sangat laku projek kondominium mewah ini, saya rasa Bank Negara tak payah menolong developers. Jadi kawan saya daripada Sarawak mungkin dia tak berapa faham akan keadaan di Kuala Lumpur. Saya harap dia jangan duduk di hotel sekarang, tolong duduk di Bangsar.....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
Duduklah, orang nak cakap.....

**Tuan Wee Choo Keong:** Nanti, nanti! Saya belum habis.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
Mengapa api menyala keluar (*Ketawa*)

**Tuan Wee Choo Keong:** Api menyala keluar itu salah member di sana tekan-tekan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
Api menyala keluar bermakna Tuan Yang di-Pertua beri cakap.

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya belum habis lagi. Kalau Yang Berhormat hendak cakap, cakaplah terus.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
Macam itulah. Bukan tak faham, Yang Berhormat buat cerita itu berpusing-pusing buat orang tak faham. Saya faham. Saya tua lagi dan duduk di Kuala Lumpur lebih lama daripada Yang Berhormat lagi kalau saya cerita betul-betul. Cerita itu, cerita hal skandal daripada mula sampai ke akhir ini sampai bila hendak habis? Kalau hendak habiskan itu lepas pukul 6.30 nanti Yang Berhormat cakap seorang dekat sini.

**Tuan Wee Choo Keong:** Janganlah marah begitu. Kawan saya daripada Sarawak itu ada perhubungan rapat dengan Datuk Bandar Kuala Lumpurkah? (*Ketawa*). Saya harap bukan begitulah. Saya pun tak mahu buat dia sakit hati atau apa-apa. Saya harap tak ada perhubungan rapat dengan Datuk Bandar. Kalau ada rapat dengan Datuk Bandar mungkin saya pun tak mahu jadi kawan saya di situ.

Tuan Yang di-Pertua, dia selalu kacau, jadi saya lupa semua. Saya mengesyaki bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur telah menerima sumbangan istimewa daripada pemaju perumahan. Saya juga hairan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan di Jabatan Perdana Menteri tidak mengambil sebarang tindakan yang setimpal untuk mengawal tindakan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tersebut juga seiring berpakat dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur supaya beliau pun boleh membahagikan sumbangan istimewa yang diterima oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Ha! itu Yang Berhormat dari Titiwangsa, iaitu Timbalan Menteri sudah masuk. Saya harap beliau pun tak dapat sumbangan istimewa yang diterima oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Skandal kesebelas, ini yang serius. Kerajaan telah menyimpan sebidang tanah seluas kira-kira 300 ekar di Pantai Dalam untuk projek rumah kos rendah bagi menempatkan semula penduduk-penduduk setinggan iaitu untuk re-settlement of squatters, tetapi Datuk Bandar Kuala Lumpur telah meluluskan projek perumahan kos sederhana dan tinggi di atas tanah yang sama. Oleh yang demikian.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa untuk perbahasan sudah cukup hari ini. Boleh sambung esok.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

**Dr Tan Seng Giaw:** Ahli dari Jelutong pergi ke Prai sekarang. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tak ada ya. Jelutong sibuk. Ahli dari Kota Melaka.

### PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

6.30 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan Rancangan Malaysia Keenam, sejumlah 277 buah projek perumahan telah terbengkalai yang melibatkan 63,560 buah rumah, 36,130 pembeli-pembeli dan nilainya yang dianggarkan \$3,630 juta sehingga akhir tahun 1990.

Menurut Laporan Bank Negara tahun 1990 pula, sebanyak 193 permohonan yang melibatkan 44,632 unit rumah serta rumah kedai dan jumlah kos projek yang dianggarkan sebanyak \$2,000 juta. Hanya 33 permohonan telah diluluskan dengan bantuan kewangan sebanyak \$138.6 juta dengan kadar faedah maksimum sebanyak 2% setahun.

Jelas sekali Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja masih banyak projek perumahan terbengkalai yang belum diuruskan tetapi jumlah wang tabung yang disediakan adalah tidak mencukupi. Bagaimanakah \$600 juta boleh mengatasi masalah projek perumahan terbengkalai di seluruh negara di mana nilainya dianggarkan \$3,360 juta.

Pihak Kerajaan seharusnya menaikkan jumlah TPPT kepada \$3,000 juta kalau pihak Kerajaan benar-benar serius dan ikhlas dalam mengatasi masalah projek perumahan terbengkalai. Pihak Kerajaan harus mengambilkira ia melibatkan ramai orang, khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan jumlah wang yang besar ini membawa kesan yang serius kepada ekonomi dan kehidupan masyarakat.

Pembeli-pembeli projek perumahan terbengkalai menanggung penderitaan kewangan yang hebat kerana terpaksa menanggung dua beban besar, iaitu beban sewa rumah yang sedang diduduki dan hutang pinjaman rumah yang dibeli tetapi terbengkalai. Adalah dipercayai pembeli-pembeli tersebut telah kehilangan beratus-ratus juta ringgit dalam bentuk bayaran faedah kepada bank-bank dan juga sewaan. Sebagai langkah meringankan beban mereka, saya menyeru sekali lagi bahawa mereka dikecualikan dari membayar faedah atau diberikan potongan cukai untuk segala bayaran faedah.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pembeli perumahan terbengkalai yang sedang dipulihkan juga menghadapi masalah yang lain seperti:

- (i) Dipaksa oleh pihak berkuasa atau penanggung menyerahkan hak tuntutan terhadap pihak pemaju kerana lewat menyiapkan pembinaan rumah mereka dalam tempoh masa yang disyaratkan dalam perjanjian jual-beli tanpa sebarang

jaminan bilakah rumah mereka akan disiapkan semasa dipulihkan.

Masalah ini berlaku kerana kesemua projek perumahan terbengkalai. Pihak pembeli bersedia menyerahkan hak sedemikian tetapi mestilah di atas jaminan bahawa rumah mereka boleh disiapkan dalam satu tempoh masa yang ditetapkan, tetapi pihak penanggung enggan berbuat demikian yang sungguh tidak adil sekali. Bagaimanakah pihak berkenaan boleh mengharapkan memperolehi sesuatu dengan percuma tanpa membuat sebarang balasan?

- (ii) Pihak pemaju, terutama tuannya tanah dan Jabatan Negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka sengaja melengah-lengahkan proses pemulihan. Ini berlaku di projek Taman Sayang Selasih Fasa 2 di Klebang Besar, Melaka dan Taman Seri Jaya, Pokok Mangga juga di Melaka. Dalam kes yang pertama ini, projek yang terbengkalai selama 6 tahun, TPPT telah meluluskan pinjaman sebanyak \$1.36 juta dalam awal tahun ini, tetapi sungguhpun demikian, pembinaan semula belum dijalankan. Pihak pemaju dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka bersubhat melengah-lengahkan projek ini.

Pihak pembeli kini mengugut mengambil tindakan kalau pembinaan semula tidak dijalankan dengan serta-merta. Apakah gunanya satu Jawatankuasa Penyelaras Negeri kalau ia wujud bukan untuk mempercepatkan pemulihannya tetapi melengah-lenghkannya?

Dalam kes kedua, iaitu Taman Seri Jaya, masalah timbul kerana tuannya tanah tidak bersetuju dengan syarat baru yang ditetapkan. Dalam kes ini, pindaan ke atas Akta Pemaju Perumahan haruslah dibuat untuk membolehkan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambilalih projek atau memberikannya kepada pemaju lain demi menjaga kepentingan pembeli-pembeli. Pindaan juga harus dibuat untuk menubuhkan satu bahagian nazir atau inspectorate untuk mengawas dan mengambil tindakan ke atas pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab dan tidak jujur.

- (iii) Masalah ketiga yang dihadapi oleh pembeli-pembeli ialah campurtangan ahli-ahli politik dari UMNO, MCA atau BN. Ini boleh ditunjukkan oleh Taman Bacang Baru, Ayer Keroh Heights dan Taman Sayang Selasih Fasa 2 di Melaka. Dalam kes Taman Bacang Baru, proses pemulihan hampir siap tetapi oleh kerana pergeseran politik di antara pemimpin UMNO, khususnya Ketua Menteri Melaka, Yang Amat Berhormat Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dan Yang Berhormat dari Batu Berendam, ia terbantut sekali lagi ekoran pengenaan banyak syarat-syarat oleh Kerajaan Negeri. Malangnya yang menderita dari permainan politik cantas antara Tan Sri Rahim dan Yang Berhormat dari Batu Berendam adalah pembeli-pembeli yang tidak bersalah.

Dalam kes kedua, Ayer Keroh Heights—tindakan tidak diambil oleh pihak Kerajaan Negeri dan Kementerian

berkenaan kerana ia melibatkan Yayasan Melaka yang dipengerusikan oleh Tan Sri Rahim.

Dalam kes ketiga pula oleh kerana pemajunya Hisona Sdn. Bhd. terdiri dari bekas ahli Exco dan ADUN UMNO Negeri Melaka, ia sengaja mengambil sikap sambil lewa. Malah dalam kes ini, pemaju tidak disenaraihitamkan, maka diberikan kelulusan untuk membina Fasa 3 Taman Sayang Selasih. Jelas sekali keputusan sebegini dipengaruhi oleh faktor politik.

Saya ingin meminta pihak Kerajaan menghentikan campurtangan ahli-ahli politik dalam sektor pembinaan. Ini boleh ditunjukkan lagi dalam kelambatan pihak Kerajaan melaksanakan Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) 1991 yang merupakan satu penyelesaian ke atas masalah projek perumahan terbengkalai dengan memaksa pihak pemaju membuka satu Akaun Perumahan dalam masa 14 hari selepas lesen pemaju perumahan dikeluarkan dan semua wang yang diterima mestilah disimpan dalam akaun tersebut.

Menurut bekas Menteri MCA yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Encik Ng Cheng Kiat, kelambatan menguatkuasakan peraturan ini adalah kerana Presiden MCA sekarang, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah mengarahkan beliau berbuat demikian atas tujuan politik kerana ramai pemaju-pemaju perumahan menderma kepada MCA. Ini adalah satu lagi skandal politik MCA. Oleh kerana wang, MCA rela mengorbankan kepentingan orang ramai. Sepatutnya MCA bukan 'Malaysian Chinese Association', seharusnya digelar 'Money Collecting Association'.

Ini adalah satu kenyataan yang dibuat oleh seorang bekas Menteri MCA dan saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan satu siasatan awam ke atas dakwaan serius ini yang dibuat oleh Encik Ng Cheng Kiat, seorang bekas Menteri. Kalau dakwaan ini benar, saya mendesak bahawa tindakan diambil ke atas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kerana mengamalkan rasuah dan juga rasuah moral dan politik.

Perbuatan menerima wang untuk manfaat pihak tertentu adalah satu perbuatan yang terkutuk sekali. Bagaimanakah kita boleh membenarkan seorang Menteri atau sebuah parti politik seperti MCA menjadi parasite wang dan rela menjual hak dan kepentingan orang ramai demi kepentingan diri sendiri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta pihak Kerajaan:

- (i) meminda Akta Pemaju Perumahan untuk membolehkan pihak Kementerian mengambilalih projek perumahan yang terbengkalai;
- (ii) melarang pemaju projek perumahan terbengkalai dari menjalani projek perumahan yang lain seperti yang berlaku dengan Hisona Sdn Bhd. pemaju Taman Sayang Selasih di Melaka; dan
- (iii) menghapuskan kuota Bumi untuk mempercepatkan pemulihan projek perumahan terbengkalai di negara kita.

Sekian, terima kasih.

6.40 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang, Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak seharusnya memainkan peranan di dalam pertikaian di antara pemaju dan pembeli. Tetapi oleh kerana masalah projek perumahan terbengkalai ini telah menjadi masalah sosial dan ekonomi, maka Kementerian merasai perlu membantu supaya masalah ini dapat diselesaikan dengan segera. Dengan yang demikian, Kementerian memainkan peranan sebagai fasilitator, dengan izin, iaitu bagi menemukan semua pihak yang terlibat. Peranan ini adalah peranan pentadbiran semata-mata.

Sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan seperti Yang Berhormat dari Kota Melaka mengetahui bahawa peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan untuk membaikpulih rumah-rumah terbengkalai ialah sebanyak \$600 juta. Sehingga 31hb Mei, 1991 sebanyak 68 syarikat pemaju telah diluluskan dengan nilai bantuan sebanyak \$221.8 juta. Sebanyak 317 syarikat pemaju telah memohon borang-borang TPPT dan sebanyak 209 borang permohonan telah diterima dan diproses oleh TPPT. Daripada 68 projek yang telah diluluskan bantuan, sebanyak 6 projek adalah terletak di negeri Melaka dengan jumlah bantuan sebanyak \$20.2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab teguran yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Kementerian pada masa ini telahpunewartakan satu peraturan iaitu peraturan akaun pemaju perumahan yang mewajibkan setiap pemaju perumahan membuka akaun khas bagi satu projek perumahan yang akan dilaksanakan. Ini adalah untuk memastikan bahawa setiap sen yang dibayar oleh pembeli dan pinjaman daripada bank penyambung dimasukkan ke dalam akaun pemaju perumahan. Wang daripada akaun tersebut boleh dikeluarkan hanya untuk maksud yang dibenarkan bagi projek itu.

Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat Majlis Perumahan Negara yang bersidang pada 7hb Ogos, 1990 telah bersetuju sebulat suara supaya semua Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Projek Perumahan Terbengkalai Peringkat Negeri. Antara tugas dan fungsi Jawatankuasa ialah;

- (i) menjadi mediator dalam usaha pemulihan projek perumahan yang menjadi secretariat bagi usaha-usaha pemulihan;
- (ii) menjadi pusat pengumpulan dan penyimpanan rekod atau data mengenai kemajuan kerja, senarai hitam dan pelbagai lagi maklumat mengenai projek terbengkalai;
- (iii) menjadi penyelarasan kepada projek yang dijalankan oleh Jabatan Perumahan Negara dan lain-lain agensi seperti menjadi saluran bertukar-tukar pengalaman, pengetahuan dan maklumat;
- (iv) merupakan satu forum di mana pemaju dan pembeli boleh menyuarakan masalah mereka yang ada kaitan dengan agensi Kerajaan untuk tujuan mencari penyelesaian; dan
- (v) menjadi penyelaras aktiviti agensi Kerajaan dalam usaha pemulihan projek perumahan terbengkalai.

Adalah diharapkan dengan adanya Jawatankuasa Penyelarasan Projek Perumahan Terbengkalai di Peringkat Negeri, maka usaha memulihkan projek perumahan terbengkalai akan dapat dipercepatkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun, beri jalan?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Okay.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih. Saya hendak bertanya, yang pertama adakah beliau sedar bahawa Akta Pemaju Perumahan lambat dikuatkuasakan oleh kerana terdapat satu arahan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kepada bekas saudaranya iaitu bekas Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu Encik Ng Cheng Kiat supaya ia tidak dilaksanakan dengan cepat, ekoran dermaan wang oleh pemaju-pemaju perumahan kepada parti MCA untuk menghadapi Pilihanraya Besar. Kalau begitu, saya rasa Yang Berhormat sendiri sedar tentang dakwaan ini yang dibuat oleh bekas Menterinya. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan.

Yang kedua, mengenai Jawatankuasa Penyelaras, apakah kuasa pihak Kerajaan Pusat ke atas Jawatankuasa Penyelaras Negeri ini kalau ia gagal dalam menjalankan tanggungjawab mereka seperti yang nyata terbukti dalam beberapa projek terbengkalai di Melaka di mana oleh kerana faktor-faktor politik, proses pemulihan sengaja dilambatkan seperti yang berlaku di Taman Selayang Selasih, di mana PKNM (Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka) juga pemaju, seorang politikus UMNO bersubahat tidak mahu melaksanakan projek ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kelambatan pelaksanaan peraturan akaun pemaju perumahan ini, Kerajaan sebelum melaksanakannya harus mengambil kira kehendak-kehendak dan bantahan-bantahan yang dibuat oleh pemaju-pemaju perumahan itu sendiri, kerana Kerajaan terpaksa mengambil kira perkara ini kerana Kerajaan juga mahu melibatkan pemaju-pemaju perumahan ini di dalam industri perumahan. Jadi, segala pandangan, segala teguran yang mereka kemukakan kepada Kerajaan

hendaklah diambil kira dan setelah kita menimbang segala pandangan-pandangan itu maka ianya pada bulan ini kita telahpun mewartakan pelaksanaan peraturan akaun pemaju perumahan ini. Soal jika sekira Jawatankuasa Negeri tidak dapat melaksanakan tanggungjawab untuk membaikpulih rumah-rumah terbengkalai, seperti yang saya nyatakan di dalam jawapan saya tadi bahawa tugas Jawatankuasa ini ialah sebagai fasilitator atau mediator, dengan izin. Jadi, inilah tanggungjawab yang sangat sukar dilaksanakan sama ada di pihak Kementerian mahupun di pihak peringkat Negeri kerana yang terlibat adalah pengusaha dan pembeli. Jadi, Kerajaan cuma mencari jalan cuba untuk menemukan pemaju, pembeli, pihak bank dan semua yang terlibat di dalam projek perumahan terbengkalai supaya mengamalkan sikap toleransi, sikap faham-memahami antara masalah yang dihadapi oleh industri perumahan supaya dengan penemuan mereka itu, dengan pengertian yang sedalam-dalamnya tentang masalah yang dihadapi oleh setiap pihak yang terlibat di dalam industri ini akan dapatlah kita membaikpulih rumah-rumah yang terbengkalai itu. Inilah dasar kita untuk cuba membaikpulih seberapa banyak yang mungkin terhadap projek-perojek perumahan yang terbengkalai yang terdapat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan oleh Yang Berhormat supaya pemaju perumahan yang terbengkalai tidak melaksanakan sebarang projek perumahan yang lain, sukacita dinyatakan bahawa pihak Kementerian sentiasa meneliti latarbelakang syarikat pemaju sebelum permohonan lesen pemaju perumahan diluluskan. Ini termasuklah soal kemampuan pemaju dari segi kewangan dan pengurusan syarikat.

Di samping itu juga syarikat pemaju dan ahli lembaga pengarah pemaju yang disenaraihitamkan juga tidak akan diluluskan lesen pemaju perumahan.

Berhubung dengan cadangan memberi tempoh masa untuk menyiapkan projek terbengkalai, sukacita dimaklumkan bahawa di dalam kajian kemungkinan, pihak consultant yang telah dilantik oleh Bank Negara bagi sesuatu projek itu ada memperakukan tempoh masa yang akan diambil untuk menjalankan kerja-kerja pemulihan projek yang terbengkalai itu. Tempoh masa yang diperakukan itu banyak bergantung kepada cepatnya selesai tindakan ke atas masalah yang berkaitan dengan projek tersebut serta tahap pembinaan rumah-rumah yang terbengkalai itu.

Akhir sekali, mengenai tempoh pemerosesan kepada Tabung Projek Perumahan Terbengkalai, ini bergantung kepada cepat selesai beberapa faktor yang berikut:

- (i) Kajian kemungkinan projek yang dikemukakan oleh pihak consultant;
- (ii) Persatuan pihak-pihak bank penyambung atau bridging financiers dan bank-bank pembiaya atau end-financiers untuk menghapus atau mengurangkan bayaran tunggakan faedah yang terkumpul ke atas pinjaman pemaju atau pembeli rumah;
- (iii) Persetujuan pihak pembeli rumah untuk tidak menuntut atau kelewatan menyerahkan rumah oleh pihak pemaju; dan
- (iv) Keputusan pihak Kerajaan Negeri atas permohonan TPPT untuk menghapus atau mengurangkan tunggakan bayaran cukai tanah, cukai pintu dan kuota bumiputera.

Akhirnya, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang telah memberikan perhatian ke atas masalah

projek perumahan terbengkalai ini. Segala pandangan dan cadangan beliau akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dewan ini ditangguhkan sehingga hari esok jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.53 petang.*